



**DEWAN NEGARA
PARLIMEN KELIMA BELAS
PENGKAL KEDUA
MESYUARAT PERTAMA**

Bil.	Selasa	28 Mac 2023
-------------	---------------	--------------------

K A N D U N G A N

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN	(Halaman 1)
USUL-USUL:	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 32)
Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong <i>[YB Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah]</i>	(Halaman 33)

AHLI HADIR

1. Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim [Yang di-Pertua Dewan Negara] (Dilantik)
2. “ Dato' Sri Dr. Hj. Mohamad Ali Bin Hj. Mohamad [Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara] (Dilantik)
3. “ Datuk Seri Saifuddin Nasution Bin Ismail [Menteri Dalam Negeri]
4. “ Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Bin Tengku Abdul Aziz [Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri]
5. “ Puan Hajah Fuziah Binti Salleh [Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup] (Dilantik)
6. “ Puan Saraswathy A/P Kandasami [Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi] (Dilantik)
7. “ Tuan Ak Nan A/L Ehtook (Dilantik)
8. “ Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee (Dilantik)
9. “ Datuk Paul Igai (Dilantik)
10. “ Datuk John Ambrose (Dilantik)
11. “ Datuk Razali Bin Idris (Dilantik)
12. “ Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai (Dilantik)
13. “ Tuan Manolan Bin Mohamad (Dilantik)
14. “ Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol (Dilantik)
15. “ Tuan Ir. Md Nasir Bin Hashim (Dilantik)
16. “ Tuan Robert Lau Hui Yew (Dilantik)
17. “ Tuan Balasubramaniam A/L Nachiappan (Dilantik)
18. “ Puan Susan Chemeraï Anding (Dilantik)
19. “ Dato' Dr. Nelson A/L Renganathan (Dilantik)
20. “ Tan Sri Haji Mohamad Fatmi Bin Haji Che Salleh (Dilantik)
21. “ Datuk Dr. Azhar Bin Ahmad (Dilantik)
22. “ Dato' Arman Azha Bin Abu Hanifah (Dilantik)
23. “ Dato' Sri Vell Paari A/L Tun Samy Vellu (Dilantik)
24. “ Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian (Dilantik)
25. “ Datin Ros Suryati Binti Alang (Dilantik)
26. “ Datuk Seri Hajah Zurainah Binti Musa (Dilantik)
27. “ Datuk Wira Dr. Mohd Hatta Bin Md Ramli (Dilantik)
28. “ Tuan Abun Sui Anyit (Dilantik)
29. “ Datuk Dr. Ras Adiba Binti Mohd Radzi (Dilantik)
30. “ Prof. Datuk Seri Dr. Awang Bin Sariyan (Dilantik)
31. “ Tuan Mohd Hasbie Bin Muda (Dilantik)

AHLI HADIR (samb/-)

32. Yang Berhormat Tan Sri Dato' Low Kian Chuan (Dilantik)
33. “ Dato' Sivaraj A/L Chandran (Dilantik)
34. “ Puan Noorita Binti Sual (Dilantik)
35. “ Tuan Roderick Wong Siew Lead (Dilantik)
36. “ Tuan Haji Hussin Bin Ismail (Terengganu)
37. “ Dato' Haji Husain Bin Awang (Terengganu)
38. Tuan Haji Aziz Bin Ariffin (Perlis)
39. “ Tuan Seruandi Bin Saad (Perlis)
40. ” Dato' Kesavadas A/L A. Achyuthan Nair (Negeri Sembilan)
41. “ Dato' Dr. Ahmad Azam Bin Hamzah (Negeri Sembilan)
42. “ Datuk Lim Pay Hen (Johor)
43. “ Tuan Sr. Haji Mohd Apandi Bin Mohamad (Kelantan)
44. Dato' Haji Jefridin Bin Haji Atan (Johor)
45. “ Dr. Hajah Wan Martina Binti Wan Yusoff (Kelantan)
46. “ Tuan Haji Abdul Nasir Bin Haji Idris (Kedah)
47. “ Tuan Musoddak Bin Ahmad (Kedah)
48. “ Dato' Ajis Bin Sitin (Pahang)
49. “ Dato' Juhanis Binti Abd Aziz (Pahang)
50. “ Datuk Bobbey Ah Fang Bin Suan (Sabah)
51. “ Puan Noraini Binti Idris (Sabah)
52. “ Dato Dr. Nuing Jeluing (Sarawak)
53. “ Dato' Ahmad Bin Dato' Sri Haji Ibrahim (Sarawak)
54. “ Datuk Wira Koh Nai Kwong (Melaka)
55. “ Tuan Muhammad Zahid Bin Md Arip (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur)
56. “ Dr. Lingeshwaran A/L Dato' Seri R. Arunasalam (Pulau Pinang)
57. “ Tuan Amir Bin Md Ghazali (Pulau Pinang)
58. “ Tuan Isaiah A/L D. Jacob (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur)
59. “ Datuk Mohd Hisamudin Bin Yahaya (Wilayah Persekutuan Putrajaya)
60. “ Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa Bin Hj. Abdullah (Dilantik)

AHLI TIDAK HADIR

1. Yang Berhormat Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Bin Abd Kadir [Menteri Luar Negeri]
2. Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im Bin Haji Mokhtar [Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)]
3. Dato' Shamsuddin Bin Haji Abd Ghaffar (Perak)

**TIDAK HADIR
(DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 83)**

1. Yang Berhormat Dato' Sri Ti Lian Ker (Dilantik)
2. “ Dato' Sri Anifah Bin Aman @ Haniff Amman (Wilayah Persekutuan Labuan)

HADIR BERSAMA

1. Yang Berhormat Datuk Armizan Bin Mohd Ali [Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah, Sarawak dan Tugas-tugas Khas) (Papar)]
2. “ Tuan Mohd Rafizi Bin Ramli [Menteri Ekonomi] (Pandan)
3. “ Datuk Seri Salahuddin Bin Ayub [Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup] (Pulai)
4. “ Tuan Ahmad Fahmi Bin Mohamed Fadzil [Menteri Komunikasi dan Digital] (Lembah Pantai)
5. “ Datuk Aaron Ago Anak Dagang [Menteri Perpaduan Negara] (Kanowit)
6. “ Datuk Seri Haji Ahmad Bin Haji Maslan [Timbalan Menteri Kewangan I] (Pontian)
7. “ Dato Hajah Rubiah Binti Wang [Timbalan Menteri Kemajuan Desa Dan Wilayah] (Kota Samarahan)
8. “ Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi)] (Bukit Gelugor)
9. “ Datuk Siti Aminah Binti Aching [Timbalan Menteri Perladangan dan Komoditi] (Beaufort)
10. “ Datuk Haji Hasbi Bin Haji Habibollah [Timbalan Menteri Pengangkutan] (Limbang)
11. “ Tuan Chan Foong Hin [Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan] (Kota Kinabalu)
12. “ Tuan Haji Akmal Nasrullah Bin Mohd Nasir [Timbalan Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan] (Johor Bahru)
13. “ Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar Bin Haji Nasarah [Timbalan Menteri Dalam Negeri] (Lenggong)

HADIR BERSAMA (*samb/-*)

14. Yang Berhormat Tuan Adly Bin Zahari [Timbalan Menteri Pertahanan] (Alor Gajah)
15. “ Dato’ Haji Mohammad Yusof Bin Apdal [Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi] (Lahad Datu)
16. “ Puan Aiman Athirah Binti Sabu [Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat] (Sepang)
17. “ Dato’ Sri Huang Tiong Sii [Timbalan Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim] (Sarikei)
18. “ Tuan Khairul Firdaus Bin Akhbar Khan [Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya] (Batu Sapi)
19. “ Puan Teo Nie Ching [Timbalan Menteri Komunikasi dan Digital] (Kulai)
20. “ Puan Lim Hui Ying [Timbalan Menteri Pendidikan] (Tanjong)
21. “ Puan Hannah Yeoh Tseow Suan [Menteri Belia dan Sukan] (Segambut)
22. “ Tuan Mustapha @ Mohd Yunus Bin Sakmud [Timbalan Menteri Sumber Manusia] (Sepanggar)
23. “ Tuan Lukanisman Bin Awang Sauni [Timbalan Menteri Kesihatan] (Sibuti)

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KELIMA BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT PERTAMA

Selasa, 28 Mac 2023

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

Timbalan Yang di-Pertua: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera salam Malaysia Madani.

Ahli-ahli Yang Berhormat hari ini merupakan hari kelima persidangan Majlis Dewan Negara. Kita teruskan dengan sesi pagi ini dengan Pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan.

Dengan ini saya menjemput Yang Berhormat Senator Datuk Noraini binti Idris. Silakan Yang Berhormat.

1. Datuk Judiet binti Fidilis @ Noraini binti Idris minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, sektor ekonomi baharu yang berpotensi tinggi untuk dibangunkan di negeri Sabah menerusi pelaburan asing serta apakah perancangan khusus yang telah dijalankan bagi merealisasikan agenda tersebut dengan mengambil kira kemungkinan berlakunya krisis ekonomi global pada tahun ini.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Seri Utama Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) menerusi Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) komited dalam usaha berterusan untuk menarik pelaburan langsung asing ataupun FDI ke Malaysia termasuk di negeri Sabah khususnya bagi industri-industri yang disasarkan.

Dalam hal ini MIDA sentiasa bekerjasama secara strategik dengan semua agensi pelaburan di peringkat negeri dan koridor ekonomi dalam menarik pelaburan. Bagi negeri Sabah, MIDA sentiasa bekerjasama dengan Kementerian Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan (MIDE) Sabah dan juga Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDIA) dalam misi pelaburan dan perdagangan untuk mempromosikan peluang-peluang pelaburan yang terdapat di negeri Sabah.

Antara sektor ekonomi baharu yang berpotensi tinggi yang dibangunkan di Sabah yang dikenal pasti sebagai industri yang disasarkan di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas adalah:

- (i) sektor perkilangan berasaskan teknologi hijau dan mesra alam seperti industri hidrogen;
- (ii) industri hiliran berasaskan sumber tersedia seperti oleokimia, produk moden berasaskan kayu, pemprosesan akuakultur, gas dan petrokimia, *biomass*, pemprosesan mineral dan produk berkaitan;
- (iii) industri tenaga yang boleh diperbaharui dengan izin, *renewable energy* seperti tenaga hidro dan juga *geothermal*;
- (iv) pembangunan sektor perkhidmatan logistik; dan
- (v) sektor ekopelancongan.

Tuan Yang di-Pertua negeri Sabah mencatatkan pelaburan sebanyak RM11.5 bilion dalam pelbagai sektor ekonomi pada tahun 2022, melibatkan 89 buah projek dan bakal menjana 4,566 jumlah peluang pekerjaan.

Justeru, bagi maksud merealisasikan bidang pertumbuhan baharu di negeri Sabah, beberapa tindakan serta perancangan khusus telah dijalankan melalui pejabat MIDA Sabah. Antara lain seperti berikut, mengadakan sesi libat urus secara berterusan dengan syarikat-syarikat asing yang wujud di Sabah bagi menggalakkan pelaburan tambahan yang berterusan melalui projek pembesaran atau kepelbagaian. Program ini adalah selaras dengan pendekatan ekosistem dengan memanfaatkan kekuatan ekosistem industri di negeri Sabah seperti sektor pelancongan, pertanian kelapa sawit, kayu, petrokimia serta sektor minyak dan gas untuk pembangunan industri di negeri Sabah.

Kedua, kita juga bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Sabah terutamanya MIDE dan Invest Sabah Berhad dalam mewujudkan *task force* sebagai *one-stop centre* untuk memberi fasilitasi kepada pelabur asing. Penubuhan *task force* ini sangat berkesan terutamanya dalam mengurangkan kekangan birokrasi untuk menyelesaikan isu-isu pelaksanaan projek dengan cepat.

Pada tahun 2022 sebanyak 10 buah syarikat telah dibantu oleh *task force*. Peningkatan ekonomi bagi sesebuah negeri dapat direalisasikan melalui kemasukan pelabur-pelabur asing dengan mewujudkan peluang pekerjaan, membangunkan tenaga kerja yang mahir dan meningkatkan pertumbuhan syarikat-syarikat tempatan. Oleh itu, kerajaan akan sentiasa mempergiatkan usaha untuk menarik pelaburan asing ke Malaysia untuk memastikan Malaysia kekal sebagai destinasi pilihan pelabur. Terima kasih.

Datuk Judiet binti Fidilis @ Noraini binti Idris: Soalan jawapan. Terima kasih atas penjelasan Yang Berhormat Menteri tadi. Soalan tambahan saya mohon Yang Berhormat

Menteri memberi keterangan lanjut berapakah jumlah pelaburan dalam ekonomi negeri Sabah bagi tahun 2022 dan apakah sektor yang terlibat? Terima kasih.

Datuk Seri Utama Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan. Pertamanya, daripada keseluruhan jumlah pelaburan yang diluluskan pada tahun 2022 ialah RM11.5 bilion di Sabah. Sebanyak RM9.2 bilion pelaburan diluluskan merupakan pelaburan asing manakala sejumlah RM2.3 bilion iaitu pelaburan langsung domestik ataupun dengan izin, DDI. Sektor perkilangan menyumbang sebanyak RM8.4 bilion, yang terbesar 72.9 peratus manakala sektor utama menyumbang sebanyak RM1.6 bilion dan sektor perkhidmatan menyumbang sebanyak RM1.5 bilion.

Pelaburan yang diluluskan pada tempoh ini seperti yang saya sebut tadi melibatkan 89 buah projek dan akan menjana 4,566 buah peluang pekerjaan untuk rakyat Sabah. Sektor utama seperti yang saya sebut tadi di perkilangan, utama dan perkhidmatan dan pekerjaan baharu yang dapat dijanakan ialah 4,566. Kalau kita lihat berbanding dengan tahun 2021 hanya 1,996 dan tahun 2020 lebih kurang 1,700 buah pekerjaan.

■1010

Dalam perusahaan pelaburan bagi pelbagai sektor ekonomi mengikut negeri dan negara, kita hanya telah berjaya mengumpul sebenarnya dari tahun 2019. Projek-projek yang berprofil tinggi di Sabah, jumlah pelaburan yang melebihi RM100 juta adalah dalam sektor *petroleum products* dan juga *non-metallic mineral products* dan *transport equipment*. Jadi, besarnya daripada sektor *chemical* dan *chemical products* dan juga *petroleum products*. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Ada soalan lain? Silakan.

Puan Noorita binti Sual: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya kepada Yang Berhormat Menteri.

Adakah kementerian bersetuju dengan pendapat atau saranan beberapa orang Ahli Yang Berhormat dari negeri Sabah untuk menjadikan KKIP, SOGIP dan POIC di negeri Sabah sebagai sebuah zon perdagangan ataupun zon perindustrian bebas cukai. Apakah pendapat Yang Berhormat Menteri?

Datuk Seri Utama Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz: Terima kasih, Yang Berhormat. Baru-baru ini pada 20 Mac 2023, ada mesyuarat meja bulat ataupun *roundtable* antara MIDE Sabah dan MITI yang diadakan di MIDA pada 20 Mac yang lepas. Mesyuarat tersebut adalah bagi membincangkan dan permohonan MIDE kepada MITI dan MIDA untuk melaksanakan strategi untuk membangunkan industri di negeri Sabah.

Antara agenda utama yang dibentangkan oleh MIDE untuk negeri Sabah merupakan keperluan bekalan elektrik kepada industri, pemberian geran dan bukan pinjaman bagi pembangunan kawasan industri sedia ada dan baharu dan juga apa yang disebut tadi mengenai penubuhan zon perindustrian bebas. Hal yang lain, isu-isu yang dibangkitkan juga

dalam mesyuarat *roundtable* tersebut ialah untuk mengoptimumkan sumber mineral dan aktiviti hiliran, pakej insentif istimewa, polisi industri kelapa sawit di bawah Akta MPOB untuk aktiviti hiliran dan juga promosi industri hijau dan menangani pelepasan karbon.

Dalam perbincangan kita, kita sebagai kementerian dan melalui agensi MIDA akan membuat sesi libat urus juga dengan kementerian-kementerian berkaitan supaya isu-isu yang dibangkitkan ini dapat kita tangani. Soalan yang mengenai penubuhan zon perindustrian bebas ini akan dibincangkan bersama-sama dengan kementerian yang berkaitan iaitu Kementerian Kewangan. Terima kasih, Yang Berhormat.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Ada soalan lain? Tidak ada, ya? Terima kasih kepada Yang Berhormat Tengku Datuk Seri Utama Zafrul bin Tengku Abdul Aziz, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri atas jawapan-jawapan yang telah diberikan.

Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu.

Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya nombor dua.

2. Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu minta Menteri Kewangan menyatakan, perincian kewangan kerajaan berhubung dakwaan ketirisan tadbir urus melibatkan RM3 bilion hingga RM4 bilion di Kementerian Kewangan seperti mana yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan sendiri ketika Majlis Dialog Belanjawan 2023 memandangkan dakwaan ini menjejaskan keyakinan pelabur terhadap negara kita.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan]: Tuan Yang di-Pertua, proses perolehan kerajaan yang dilaksanakan berteraskan kepada lima utama iaitu: akauntabiliti awam; diuruskan secara telus; memberi nilai faedah terbaik; mewujudkan saingan terbuka; dan adil dan saksama.

Perolehan yang diguna pakai oleh kerajaan adalah berdasarkan amalan terbaik perolehan awam pada peringkat antarabangsa yang mana semua proses perolehan perlu dilaksanakan secara terbuka dan amalan ini masih diteruskan. Ketirisan tadbir urus yang disebutkan sebelum bukan merujuk secara khusus kepada Kementerian Kewangan tetapi kepada tata kelola kerajaan secara keseluruhannya. Amalan rasuah dan penyelewengan menjadi antara isu utama yang merosakkan ketelusan tadbir urus kerajaan.

Laporan Ketua Audit Negara 2020 dan 2021 turut mendedahkan wujudnya ketirisan hampir RM3 bilion meliputi kehilangan wang awam, pembaziran dan juga pembayaran tidak teratur. Begitu juga dengan wujudnya ketirisan dalam pelaksanaan subsidi diesel dengan anggaran hampir RM10 bilion nilai subsidi diesel diselewengkan. Kerajaan telah pun menetapkan tatacara dan prosedur kewangan di dalam Akta Tatacara Kewangan 1957 (Semakan 1972) dan Pekeliling Perbendaharaan. Pegawai awam adalah perlu mematuhi

tatacara perolehan semasa yang telah ditetapkan agar perolehan yang dilaksanakan dapat memberi nilai faedah terbaik kepada kerajaan.

Tatacara perolehan yang disediakan juga telah mengambil kira elemen integriti di mana semua pihak yang terbabit, bermula daripada jawatankuasa penilaian teknikal sehingga lembaga perolehan agensi dikehendaki untuk mengisytiharkan kepentingan persendirian atau kepentingan terletak hak serta perlu menandatangani *integrity pact* sebagai usaha untuk mengelakkan ketirisan, penyelewengan dan salah guna kuasa. Amalan-amalan yang merosakkan ketulusan tadbir urus ini perlu dibendung pada masa hadapan. Oleh itu, kerajaan memutuskan untuk mengambil langkah khusus dalam memerangi penyalahgunaan kuasa dan ketirisan dalam perolehan kerajaan dengan cadangan untuk merangka Rang Undang-undang Perolehan Kerajaan.

RUU Perolehan Kerajaan ini sedang digubal dengan objektif untuk mewujudkan satu bentuk perundangan bagi mengawal selia proses perolehan kerajaan, memperincikan kuasa-kuasa pihak berkepentingan di bawah akta dan mewujudkan mekanisme semak dan imbang demi memastikan tata kelola yang baik serta memenuhi amalan terbaik antarabangsa. Terima kasih.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan. Silakan

Tan Sri Dato' Low Kian Chuan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, bila kerajaan akan mengkaji semula teguran utama dalam Laporan Ketua Audit Negara mengenai perbelanjaan, ketirisan dan perkara-perkara mengenai ketidakpatuhan- *non-compliance* yang menjejaskan kementerian berkenaan dan meminta pegawai yang berkenaan bertanggungjawab? Terima kasih.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan: Terima kasih, Yang Berhormat Senator. Mengenai Laporan Ketua Audit Negara ini, kita sedia maklum bahawa ia ada di hadapan semua pihak dan ia merupakan dokumen terbuka yang boleh dibaca oleh semua pihak. Kita tahu bahawa setiap jabatan yang ditegur dalam Laporan Ketua Audit Negara hendaklah memberi ulasan semula kepada pihak Ketua Audit Negara dan juga kepada kementerian-kementerian yang berkaitan. Sebagai contoh, saya mengambil apa yang berlaku pada Jabatan Kastam, disebut bahawa terkurang kutip import kenderaan mengakibatkan kerajaan kehilangan RM72 juta.

Kita telah mendapatkan penjelasan daripada Kastam. Ini satu daripada contoh. Kastam memaklumkan apa sebab-sebabnya. Kastam juga berjanji tidak akan mengulangi dan memperbaiki segala perkaranya. Tidak semua perkara itu merupakan kesalahan daripada pihak Kastam tetapi apabila disebut bahawa kenderaan mewah itu boleh dimiliki oleh mereka yang tinggal di Langkawi, maka kaedahnya itu, adakah sama ada Kad Pengenalan mesti beralamat di Langkawi atau sekadar untuk Laporan Suruhanjaya Sumpah mengatakan mereka duduk di Langkawi. Itu antara perkara-perkara yang perlu diperbaiki, sebagai satu

contoh apa yang berlaku dalam Laporan Ketua Audit Negara yang berkaitan dengan Kastam, Kementerian Kewangan.

Tuan Aknan a/l Ehtook: Soalan tambahan.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Contoh yang terdekat ialah apabila kos pembinaan enam buah kapal LCS lompat daripada RM9 bilion untuk enam buah kapal kepada RM12 bilion. Itu pun belum tentu lagi, mungkin tambah lagi. Jadi, saya mengalu-alukan cadangan rang undang-undang mengatasi ketirisan ini.

Soalan saya, adakah kerajaan bercadang untuk *backdate*-kan penguatkuasaan undang-undang yang bakal dibuat ini kepada satu tarikh yang pasti dapat mengambil tindakan atas kes-kes yang telah berlaku seperti pembinaan kapal LCS?. Terima kasih.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan: Terima kasih, Yang Berhormat Senator Dr. Mohd Hatta. Apa yang ingin kita lakukan iaitu mewujudkan Rang Undang-undang Perolehan Kerajaan (RUUPK). Ia bermula pada tahun 2019 dengan perbincangan kerajaan negeri tetapi kemudian ditangguhkan perlaksanaannya.

Kita sedang mengambil kira apakah perkara-perkara yang perlu dimasukkan; *cost-benefit analysis*, kawal selia proses, perincian kuasa-kuasa berkepentingan itu. Walau bagaimanapun, pihak yang berkaitan iaitu Kementerian Kewangan, Setiausaha Bahagian Perolehan sedang meneliti bersama dengan peguam Jabatan Peguam Negara mengenainya. Saya kira untuk melaksanakan secara *backdate* itu agak sukar. Apa yang kita ingin lihat ialah *we move forward* untuk masa hadapan. Terima kasih.

■1020

Tuan Aknan a/l Ehtook: Soalan tambahan.

Tuan Abun Sui Anyit: Soalan.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan. Yang Berhormat di hujung. Yang Berhormat Senator Abun.

Tuan Abun Sui Anyit: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah Menteri ataupun Kementerian Kewangan memiliki kaedah untuk mengawal ketirisan ataupun bayaran tidak teratur supaya kita tidak saban tahun hanya mampu membaca laporan ketirisan dan penyelewengan dalam Laporan Ketua Audit Negara setiap tahun? Ini sangat merugikan negara.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan: Ya, dibawa ke dalam proses Jawatankuasa Kabinet mengenai perkara itu bahawa kita tidak mengambil ringan terhadap teguran-teguran daripada Laporan Ketua Audit Negara ini. Kita berharap dengan adanya Rang Undang-undang Perolehan Kerajaan ini, ia akan memastikan ia lebih telus, lebih cekap dan kita boleh menahan segala daripada penyelewengan itu berlaku. Apa yang kita ingin laksanakan, Yang

Berhormat Senator Tuan Abun, ialah untuk memastikan seberapa boleh ketirisan itu tidak dilakukan.

Namun, ketirisan tetap juga berlaku. Sebagai contoh, baru-baru ini berlaku ketirisan penyeludupan 200,000 liter minyak diesel di laut Semporna. Itu tak ada kena mengena dengan soal tender. Ia tak ada kena mengena dengan soal rasuah tender perolehan tetapi itu disebabkan kerana harga minyak diesel kita jauh lebih rendah daripada harga minyak diesel negara jiran kerana kita memberikan subsidi. Itu juga ketirisan. Itu satu bentuk yang berbeza daripada apa yang kita faham rasuah dan sebagainya.

Oleh itu, pada pandangan saya ialah segala bentuk ketirisan ini perlu diambil berat. Bukan hanya ketirisan akibat rasuah tetapi juga akibat daripada perbezaan harga yang menyebabkan berlaku kebocoran subsidi di mana-mana.

Saya pernah pergi ke Bukit Kayu Hitam misalnya, bagaimana subsidi minyak diesel dan minyak petrol subsidi dimasukkan ke dalam tangki tambahan, Tuan Yang di-Pertua, tangki tambahan kereta pikap daripada pihak negara seberanglah. Ini menyebabkan ketirisan banyak juta- diesel. Begitu juga bagaimana ada pihak yang tertentu di laut, sama ada nelayan besar atau nelayan sederhana, yang menjual minyak diesel kepada pihak asing. Itu juga ketirisan yang menyebabkan, apabila kita rumus, lebih kurang RM10 bilion dalam masa beberapa tahun ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan, Timbalan Menteri Kewangan atas jawapan-jawapan yang telah diberikan.

3. Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup menyatakan apakah pelan jangka pendek, sederhana dan panjang bagi mempersiapkan rakyat untuk mendepani isu kos sara hidup yang dijangka bakal lebih serius bermula tahun ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup [Datuk Seri Salahuddin bin Ayub]: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih soalan daripada rakan saya, Yang Berhormat Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh.

Isu kos sara hidup ini sememangnya menjadi isu yang sedang diperhatikan dengan cermat oleh pihak kerajaan. Saya tidak begitu ghairah untuk membentangkan perancangan masa jangka panjang sebab saya tidak mahu ia menjadi satu hikayat suatu hari nanti. Berilah masa, paling singkat pun enam bulan untuk merangka pelan jangka sederhana dan mungkin dalam tempoh itu, kita terus melancarkan beberapa idea ataupun program-program dalam sifat jangka panjang.

Namun begitu, dalam konteks kita mendepani isu ini hari ke hari, KPDM telah mengambil inisiatif yang tuntas di mana Jemaah Menteri telah memutuskan supaya suatu

tindakan proaktif terhadap mengekalkan subsidi kepada golongan sasaran yang melibatkan rakyat dalam golongan B40, PMKS dan juga mereka yang sedang dibimbing oleh pihak kerajaan untuk memacu perkembangan *domestic trade*, dengan izin. Maka dengan itu, sebagai contohnya, kita telah mengekalkan subsidi petrol, diesel dan LPG yang berjumlah RM25.6 bilion, minyak masak berjumlah RM2.4 bilion untuk tahun 2022, tarif elektrik berjumlah RM5.8 bilion, bantuan tunai yang diumumkan dalam belanjawan berjumlah RM9.5 bilion.

Di samping itu, kita telah mendepani isu *day to day business* dengan rakyat ini dengan melakukan banyak inisiatif di bawah Payung Rahmah yang mana kita bermula dengan Bakul Rahmah, Jualan Rahmah, ada Menu Rahmah, ada pasar raya Rahmah- itu pelan jangka sederhana. Untuk B40, kita ada Insurans Rahmah yang sedang dirundingkan dan ada program-program di bawah perbankan Rahmah yang, *insya-Allah*, akan kita majukan dari semasa ke semasa. Itu pelan jangka pendek dalam masa 100 hari yang mampu saya dan kementerian lakukan dengan cara yang paling praktikal, realistik dan bukan ilusi. Sekian, terima kasih.

Tuan Musoddak bin Ahmad: Soalan tambahan.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Okey, sekarang ini kita tengok, apakah jaminan kerajaan bahawa mereka yang menyertai segala program Rahmah yang dikelolakan kerajaan secara bersama ini tidak ingkar pada satu tempoh tertentu? Mungkin awalan, okey, dia mungkin nak mengambil hati kerajaan, tetapi bila sampai satu tempoh tertentu, disebabkan segala sumber bahan makanan kita merupakan sumber import, terutamanya baja dari Ukraine yang sekarang menghadapi suasana peperangan, apakah jaminan kerajaan supaya mereka yang terlibat dengan program Rahmah ini tidak ingkar bila sampai pada tarikh-tarikh tertentu? Mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Salahuddin bin Ayub: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih rakan saya, Yang Berhormat Senator Mohd Apandi. Dalam Islam sendiri ada ayat "*La ikraha fiddin*". Dalam beragama pun tak boleh paksa. Inikan pula kita *deal* dengan pemain industri ini.

Apa yang paling bijak yang mesti kita lakukan adalah libat urus- *engagement*. Kita mesti terus libat urus kerana pemain industri ini mereka juga merupakan golongan yang terkesan akibat COVID-19 tetapi mereka masih boleh *sustain* dan ada niat suci mereka untuk membantu. Jadi, libat urus ini, Yang Berhormat Senator, kita lakukan bukan sekali tetapi banyak kali. Semuanya dilakukan secara sukarela. Mereka rela dan akhirnya mereka berjumpa dengan satu kesimpulan.

Dalam *business approach* ini, saya sering kali mendengar yang dikatakan *loss leader*. Ini *approach* yang selalu dilakukan oleh *hypermarkets* dan pemain industri yang besar. Akan

tetapi, akhirnya dengan inisiatif Rahmah ini, kita berjumpa dengan satu *approach* yang, *alhamdulillah*, bagus iaitu *crowd* pula. Bila mereka melakukan jualan Rahmah, sebagai contoh, dengan jualan itu, dengan promosi itu yang *viral*, tiba-tiba *Econsave*, sebagai contoh, mengumumkan dalam tempoh sebulan, *sales* mereka meningkat hingga 30 peratus. Jadi, ini *win-win situation*.

Jadi, saya rasa *in a midterm* lah ya, *in the long run*, saya rasa kalau *engagement* ini dilakukan dengan bijak oleh pihak kerajaan dan juga industri, *win-win situation* ini akan menyebabkan berlakunya *sustainable factor*. Jadi, saya yakin dan percaya setakat ini- saya pun tak nak cakap besar. Tak boleh cakap besar-besar ini, tak boleh. Jadi, *be practical*. Setakat hari ini, dengan libat urus ini, saya yakin dan percaya bahawa banyak lagi inisiatif yang akan lahir kerana sifat ihsan, sifat madani itu akan dapat ditanamkan dalam jiwa kita untuk membantu manusia. Sekian, terima kasih.

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan, Yang Berhormat Tan Sri.

Tuan Musoddak bin Ahmad: Saya...

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Yang Berhormat Menteri mengatakan tadi beri masa untuk buat perancangan jangka panjang. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan hari ini, berapa lama masa perlu untuk memberitahu balik dan maklumkan kepada kita perancangan jangka panjang? Sekarang ini, kita tengok rancangan untuk menangani kos sara hidup ini sekadar subsidi demi subsidi. Sudah tentu kadang-kadang subsidi itu sendiri pun ada ketirisannya. Maka, tidak selesai masalah kos sara hidup itu. Sudah tentu kita perlu kepada satu pelan ataupun perancangan yang menyeluruh untuk mengatasi dan menangani perkara yang begini penting bagi rakyat kita. Terima kasih.

■1030

Datuk Seri Salahuddin bin Ayub: Terima kasih Yang Berhormat Senator yang sudah tentu juga punya pengalaman yang panjang dalam kerajaan. Jangka sederhana dan- boleh saya anggap, boleh pergi kepada jangka panjang adalah bagaimana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) yang berjumlah RM750 juta.

Hal itu dipertanggungjawabkan kepada Kementerian Ekonomi. Sudah barang pasti ini merupakan proses mendaya upaya. Bukan hanya memberikan ikan, tetapi kita memberikan pancing. Jadi, saya yakin, rakan saya Kementerian Ekonomi akan dengan cepat menggunakan peruntukan itu untuk memberikan pendapatan, khususnya kepada golongan B40, suri rumah, belia-belia yang baru mencebur dalam bidang IKS.

Kemudian, saya juga yakin Yang Berhormat, sekiranya kita dapat ambil satu bentuk pelan jangka panjang tentang *food security*. Ini kolaborasi antara kementerian KPND dan

MAFS. Hal ini kerana kita bukan sekadar mendepani isu hari ke hari, tetapi kalau kita boleh mencukupkan *self-sufficiency level* (SSL) kita seperti- *alhamdulillah*, ayam, telur kita melepasi. Cuma, ada *disruption in the market* sekarang. *Livestock* kita, kemudian sayur-sayuran dan buah-buahan kita, kerana BOT kita setakat ini hampir RM50 bilion yang kita import makanan.

Untuk jangka panjang, saya rasa kita juga harus melihat kepada bagaimana negara mempercepatkan rundingan, FDI mesti masuk, keyakinan pelabur luar terhadap stabiliti kerajaan dan sudah barang pasti, MITI akan terus berperanan untuk memasukkan pelabur asing ini dan ringgit mesti dikukuhkan.

Itu semua -elemen terpenting yang menjadi komponen kepada kita boleh meningkatkan, yang akhirnya Yang Berhormat semua, mana-mana falsafah ekonomi, doktrin ekonomi, cara paling tuntas untuk menyelesaikan kos sara hidup adalah dengan meningkatkan pendapatan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Satu lagi soalan. Silakan.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: [*Bangun*]

Tuan Musoddak bin Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kita sekarang berada pada bulan Ramadan dan akan menjelang Syawal pula. Sebelum ini, rakyat menghadapi kemasukan anak-anak sekolah. Sudah tentulah perbelanjaan mereka itu berturut-turut menjelang hari raya. Mereka pun akan- persiapan mereka untuk menjelang raya ini tentulah banyak kosnya. Jadi, apakah ada satu tindakan yang drastik oleh Majlis Tindakan Kos Sara Hidup bagi memastikan skim harga maksimum musim perayaan dapat mengurangkan beban pengguna dalam tempoh Ramadan ini dan menjelang musim perayaan kelak? Terima kasih.

Datuk Seri Salahuddin bin Ayub: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat lama, seusrah, Yang Berhormat Senator Tuan Musoddak bin Ahmad. Betul, kalau yang macam Yang Berhormat Senator perhati, baru-baru ini KDN mempromosikan Jualan Rahmah Raya. *JAKEL*, butik terkenal *Sabella*, harganya *masya-Allah*, boleh pergilah. Kita ini- dan sudah pasti kalau B40 yang ada RM500 bajet contoh untuk baju raya, dulu boleh beli dua pasang, sekarang boleh beli empat ke-lima pasang. Jualan Rahmah begitu juga, 40 barangan asas dalam bakul ataupun dalam troli rakyat B40 yang telah dibuat kajian oleh DOSM, oleh ICU PMO membuktikan dan pegawai saya pun boleh *check*, dalam 20 barangan asas itu, dengan Jualan Rahmah, mereka sekali *shopping*, boleh berjimat antara RM20 hingga RM40. Ini cara-cara kita Yang Berhormat, untuk kita atasi. Ini bukan penyelesaian tuntas, tidak.

Akan tetapi, kalau harga barangan asas itu tidak boleh diturunkan kerana faktor cuaca, Perang Ukraine-Rusia, COVID-19, tetapi rakyat tidak hendak dengar ini semua Tuan Yang di-Pertua. Dia tak nak Perang Ukraine-Rusia, itu *you* punya pasallah. COVID sudah berlalu, tetapi apa yang *you* boleh buat sekarang?

So, Jualan Rahmah. Kalau milo dalam harga RM18, dia boleh beli RM15 dengan adanya Jualan Rahmah. Itu sudah cukup untuk menampung kenaikan beberapa barang dengan barang lain yang dapat kita turunkan. Itu *approach* kerajaan, walaupun jangka pendek, tetapi soalan Yang Berhormat tadi menjelang raya, ada banyak lagi. Tentang harga maksimum, saya akan jawab dalam masa dua minggu lagi. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Datuk Seri Salahuddin bin Ayub, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup atas jawapan yang telah diberikan. Seterusnya, saya menjemput Tuan Robert Lau Hui Yew.

Tuan Robert Lau Hui Yew: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya nombor empat.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri.

4. Tuan Robert Lau Hui Yew minta Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan menyatakan, apakah usaha kerajaan dalam menggalakkan inisiatif perkebunan perumahan di mana penduduk taman perumahan dapat menjalankan aktiviti perkebunan di tanah lapang kepunyaan kerajaan.

Timbalan Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan [Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Tuan Robert Lau Hui Yew bertanyakan soal kebun di dalam bandar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Landskap Negara telah menggubal Dasar Kebun Komuniti Bandar, bertujuan untuk memperkasa komuniti bandar dalam mengoptimumkan tanah atau ruang persekitaran melalui aktiviti perkebunan. Dasar ini boleh digunakan sebagai panduan untuk menggalakkan inisiatif perkebunan di kawasan perumahan.

Sekiranya terdapat kumpulan komuniti yang berminat untuk membangunkan kebun komuniti ini, antara proses atau pun kaedahnyanya adalah seperti:

- (i) kenal pasti tapak yang sesuai;
- (ii) mengemukakan permohonan kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi kelulusan tapak kebun komuniti bandar;
- (iii) sediakan pelan susun atur kebun komuniti bandar; dan
- (iv) kelulusan pihak PBT.

Walau bagaimanapun, terdapat enam buah kawasan yang tidak boleh dimohon untuk dijadikan tapak kebun komuniti bandar iaitu:

- (i) taman permainan kanak-kanak;
- (ii) padang kejiranan rekreasi;
- (iii) rizab jalan;

- (iv) *promenade*;
- (v) *water-front* – Ini semua di gigi air; dan
- (vi) kawasan pemuliharaan landskap.

Perkara yang kedua untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPKT bersama Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFI) telah melaksanakan Program Kebun Komuniti sebagai salah satu usaha untuk kurangkan kos perbelanjaan dapur penduduk setempat melalui aktiviti pertanian.

Melalui kerjasama ini, sebahagian Program Perumahan Rakyat (PPR) terpilih akan menggunakan peruntukan daripada MAFI untuk tujuan tersebut. Selain itu, terdapat juga penduduk yang mendapat bantuan daripada badan bukan kerajaan dan juga jabatan atau agensi yang berkaitan. Program Kebun Komuniti telah dilaksanakan di 18 buah PPR yang terpilih melalui Pejabat Sekretariat Muafakat Komuniti (PSMK).

PSMK yang ditubuhkan di PPR terpilih melalui Dasar Komuniti Negara, antara lain berperanan sebagai pemudah cara dan membantu penduduk berkolaborasi dengan Jabatan Pertanian Malaysia (DOA) dalam memastikan kebun komuniti ini dapat direalisasikan. Jadi, seramai 335 orang peserta dari 18 buah PPR sebenarnya telah terlibat dalam Program Kebun Komuniti bagi tahun 2022. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan. Silakan.

Tuan Robert Lau Hui Yew: Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Satu cara untuk mengurangkan kos sara hidup ialah inisiatif kebun di bandar. Jawapan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri adalah ada 18 PPR ada program ini. Saya bercadang, program ini diluaskan kepada semua majlis kerajaan di seluruh negara. Soalan saya ialah kementerian akan memberi geran kepada majlis kerajaan tempatan untuk mengadakan aktiviti ini di atas tanah lapang, yang *under the control of* kerajaan tempatan. Terima kasih.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator atas sokongan yang diberikan. Kalau saya boleh petik beberapa contoh – saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Senator.

Sebagai contoh kalau di peringkat PBT ini, selain daripada usaha dalam soal inisiatif dana yang kita salurkan, contoh tadi 18 buah PPR, kalau di peringkat PBT pun, mereka sebenarnya sebagai contoh, mereka juga menggalakkan melalui pertandingan ataupun anugerah.

■1040

Contohnya di Sepang, kita ada Anugerah Kebun Komuniti untuk tahun 2020. Kemudian, Anugerah Kebun Komuniti anjuran Majlis Perbandaran Ampang Jaya tahun 2021 dan yang seterusnya Pertandingan Kebun Komuniti anjuran Majlis Perbandaran Kajang tahun 2022.

Jadi, sebab itu usaha kebun komuniti ini perlu mendapat kerjasama yang baik antara persatuan penduduk ataupun taman perumahan itu dan juga dengan pihak PBT. Jadi berdasarkan sebagai contoh yang saya sebut anugerah tadi, menunjukkan bahawa PBT sebenarnya terbuka untuk menggalakkan ataupun memberi insentif kepada persatuan penduduk ataupun kumpulan penduduk untuk melaksanakan program kebun komuniti.

Seterusnya Yang Berhormat Senator menyebut bahawa inisiatif kebun komuniti dapat mengurangkan perbelanjaan. Di sini, saya ada satu contoh spesifik. Bila kita buat program kebun komuniti di PPR Hiliran di Terengganu, jumlah hasil jualan pada tahun 2022 mencecah sehingga 583.6 kilogram. Maksudnya ada hasil dan menjana pendapatan sehingga RM2830. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan, Yang Berhormat Senator Jefridin.

Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan: Ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingin bertanya tentang bolehkah projek-projek perumahan yang sakit dan terbiar ini kalau dibenarkan pihak PBT mengadakan tanaman sementara yang telah kita bincangkan tadi kerana sebagai contoh, di kawasan saya banyak projek perumahan yang terbengkalai dan terbiar. Pernah ada satu idea daripada pihak PBT untuk menjadikan kawasan itu sebagai tempat tanaman sementara. Adakah pihak kementerian boleh memberi kebenaran?

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Berkaitan dengan tapak projek sakit ataupun terbengkalai. Terbengkalai ini maknanya memang dah tiada kemajuan di kawasan tersebut. Untuk daripada segi kepentingan di peringkat kementerian, kita memang sebenarnya dalam proses untuk memulihkan, kalau ada tapak yang sebenarnya boleh dipulihkan kembali projek tersebut. Namun demikian, dalam soal yang lebih mencabar kerana daripada segi pemilikan tanah itu adalah mungkin di bawah pemaju ataupun yang telah dijual kepada para pembeli.

Ketika ini, yang lebih mudah untuk kerajaan membantu dalam soal kebun komoditi adalah di tanah-tanah kerajaan tetapi yang tidak termaktub yang saya sebut tadi, kawasan yang kita tidak benarkan untuk mengadakan kebun-kebun.

Jadi sebab itu, sekiranya kalau ada contoh spesifik seperti mana Yang Berhormat Senator menyebut, kalau memang terbukti bahawa ada minat termasuk juga di peringkat pemaju yang berkenaan untuk berunding balik dengan penduduk untuk kita runtkaikan kawasan yang terbengkalai itu, itu merupakan perbincangan yang lebih spesifik yang lebih kepada untuk menyelesaikan masalah utama tetapi sekiranya tanah itu dipulangkan kembali, maksudnya persetujuan penduduk tidak mahu lagi meneruskan projek tersebut, maka pertimbangan seperti Yang Berhormat Senator cadangkan itu sebenarnya dapat memanfaatkan kawasan-kawasan yang terbiar. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, pada 1978 semasa saya berada di Universiti Teknologi Malaysia, Ayatollah Khomeini telah mengarahkan rakyatnya di perumahan, di mana-mana *space* yang ada kosong termasuk tanah kerajaan ditanam sayur-sayuran dan bahan-bahan makanan menyebabkan dia berjaya menghadapi kongkongan dan juga boikot daripada hampir seluruh dunia.

Jadi sekarang ini daripada 18 buah kawasan yang dikenal pasti, berapa kawasan yang kerajaan berpuas hati untuk dianggap sebagai model untuk ditiru oleh kawasan-kawasan yang lainnya? Terima kasih.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Itu jauh sejarahnya. Okey, baik. Kalau berdasarkan rekod, ini di bawah peringkat KPKT. Kalau boleh saya perincikan sedikit sebagai contoh, secara keseluruhan bagi tahun 2022, jumlah hasil daripada 18 PPR yang kita ada ini mencecah sehingga 1715 kilogram untuk tempoh berkenaan. Cuma, program ini lebih bersifat komuniti tersebut. Penglibatan itu antara bilangan peserta di setiap kawasan adalah daripada 10 orang peserta sehinggalah seramai 40 orang peserta iaitu yang tertinggi di PPR Taman Dahlia.

Akan tetapi, kalau Yang Berhormat Senator sebut soal bagaimana untuk kita mereformasi soal yang lebih meluas, saya rasa itu lebih terkait dengan program kerajaan yang di bawah Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) yang khusus program yang disebut INTAN itu yang merangkumi untuk kita memanfaatkan tanah-tanah yang ada ini untuk menjana pendapatan buat rakyat B40lah. Jadi, saya rasa itu lebih terkait dengan program di bawah Kementerian Ekonomi. Cuma daripada segi manfaat yang kami ada ini, kita untuk membantu komuniti di PPR tadi secara khusus dan bergantung juga kepada kesungguhan dan juga permintaan di PPR-PPR yang seterusnya.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan, Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir atas jawapan yang telah diberikan. Seterusnya saya menjemput Datuk Paul Igai.

5. Datuk Paul Igai minta Menteri Pertahanan menyatakan, adakah kerajaan berhasrat untuk meningkatkan keselamatan di sempadan negara dengan membina pos di tempat yang strategik, dan juga menambah aset kekuatan keselamatan negara terutamanya di stesen-stesen hidroelektrik seperti di Stesen Hidro Bakun, Stesen Hidro Murum, Stesen Hidro Baleh dan Stesen Hidro Batang Air di Sarawak yang berdekatan dengan sempadan antarabangsa Kalimantan Borneo.

Timbalan Menteri Pertahanan [Tuan Haji Adly bin Zahari]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan yang dikemukakan. Untuk makluman, usaha mempertingkatkan kawalan

sempadan negara dengan negara jiran kita sentiasa menjadi keutamaan Angkatan Tentera Malaysia khususnya Tentera Darat Malaysia.

Ini termasuklah di lokasi sasaran penting kita seperti mana yang dinyatakan dalam soalan Yang Berhormat Senator iaitu di kawasan stesen-stesen hidroelektrik di Sarawak. Bagi isu penambahan aset keselamatan di lokasi yang dinyatakan, buat masa ini, tambahan kepada pos-pos keselamatan yang sedia ada di lokasi strategik iaitu Pos Tapak Megah, Kapit yang telah siap pembinaannya pada Oktober tahun lalu.

Selain itu, terdapat tiga pos lagiimbangan yang sedang dibina iaitu di Tetangga Akrab di Serian, Rapat Baru di Seri Aman dan Mengkalap di Limbang yang dijangka siap pembinaannya pada Oktober tahun ini. Seterusnya, empat buah pos lagi dijadualkan pembinaannya pada November penghujung tahun ini.

Sebagai makluman, bagi penugasan kawalan keselamatan di kawasan sasaran penting di Sarawak termasuk di kawasan-kawasan hidroelektrik, pada masa kini, penempatan anggota ATM hanyalah di Sasaran Penting (Keutamaan 1) iaitu di Stesen Pemancar Gunung Serapi, Sarawak di bawah pelaksanaan Operasi Tahan. Penempatan ini dilaksanakan berdasarkan kepada penilaian dan pertimbangan yang telah diputuskan menerusi Mesyuarat Tim Naziran Sasaran Penting di bawah Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan (CGSO).

Namun begitu, ATM melalui Tentera Darat Malaysia bersiap sedia menerusi pelan kontingensi yang telah dirangka bagi memastikan sasaran penting utama negara sentiasa terpelihara dan selamat daripada sebarang ancaman dan tindakan pihak musuh. Selain itu, ATM juga sentiasa bersedia untuk diatur gerak sekiranya terdapat keperluan bagi penugasan sasaran penting yang dimaksudkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan, Datuk Paul.

Datuk Paul Igai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan. Jelas tetapi saya belum berpuas hati. Saya akan mencadangkan bila atau bolehkah kementerian ini mengkaji semula dengan KDN atau CGSO tadi ya, menaik taraf keselamatan ini untuk kita menempatkan tentera-tentera darat di kawasan yang berisiko ini? Saya fikir ini adalah *national security asset* yang penting kerana tak lama lagi, Nusantara di sebelah Indonesia akan berdekatan mereka dengan Sarawak dan Sabah. Saya tak tahu kemungkinan ada penyeludupan, ada anasir-anasir di luar untuk masuk ke sempadan ini atau kita di sini masuk ke Indonesia. Ini saya fikir, saya haraplah kementerian berkenaan akan mengkaji semula. Terima kasih.

■1050

Tuan Haji Adly bin Zahari: Terima kasih Yang Berhormat Senator atas cadangan kerana kita tahu bahawa antara cabaran kita adalah untuk mengawasi sempadan sama ada Sarawak mahupun Sabah. Akan tetapi, dalam konteks kawasan-kawasan hidroelektrik kita,

memang saya tidak nafikan bahawa kita pun di peringkat Kementerian Pertahanan, kita membuat pengawasan berdasarkan keputusan yang dibuat oleh MKN itu sendiri.

Jadi, kalau kawasan-kawasan hidro kita ini boleh diberikan keutamaan satu, maka pihak Angkatan Tentera Malaysia memang sentiasa bersedia untuk mempertahankan kawasan-kawasan sasaran penting kita ini. Saya fikir kalau berbanding dengan apa yang ada di Semenanjung, saya fikir memang ada beberapa buah kawasan ini harus diberikan keutamaan satu. Jadi, saya fikir kerjasama di antara Kementerian Pertahanan dan juga Majlis Keselamatan Negara itu akan kita lihat dan bagaimana keutamaan-keutamaan boleh kita lakukan.

Di samping itu, macam saya sebut tadi. Kita tahu cabaran kita di sempadan ini bukan sahaja menyediakan pos tetapi di peringkat Kementerian Pertahanan kita juga mencari kaedah menggunakan teknologi. Antaranya, kita gunakan UAV bagi tujuan pengawasan pada masa hadapan. Ini kerana kita tahu bahawa dengan jajaran Sabah dan Sarawak itu guna tenaga sumber manusia itu tidak cukup tetapi teknologi juga harus digunakan bagi memastikan bahawa kawasan kita dan kedaulatan negara kita itu sentiasa selamat.

Tuan Abun Sui Anyit: Soalan?

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan lain?

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan menyentuh tentang sempadan antarabangsa dan pembinaan pos-pos. Apakah asas untuk Kementerian Pertahanan menentukan pembinaan pos bagi sempadan-sempadan antarabangsa? Ini kerana umpamanya di Jeli dan juga di Perak, sempadan itu oleh sebab tidak ada sungai dan sebagainya menjadikan tempat-tempat penyeludupan agak berleluasa. Apakah asas pembinaan pos dan berapakah tenaga yang ada pada tiap-tiap pos tersebut? Terima kasih.

Tuan Haji Adly bin Zahari: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator atas persoalan itu, walaupun merujuk pada Jeli. Akan tetapi, sebenarnya kita di Kementerian Pertahanan, kita memang mempunyai Dasar Pertahanan Negara melalui Kertas Putih Pertahanan. Di samping Dasar Pertahanan Negara, kita Ada Kertas Putih Pertahanan.

Oleh sebab itu, dalam menentukan bagaimana kita menyelia sempadan-sempadan kita, contoh yang kita ambil- mungkin baharu bagi kita ialah kita melihat bahawa negara kita ialah negara maritim juga.

Oleh sebab itu, sempadan-sempadan laut adalah antara yang penting. Kalau tidak dijaga, kita akan kehilangan banyak perkara. Di situ, di laut juga lah kita menggali segala hasil minyak kita. Di laut lah kita mencari sumber protein kita dan di laut juga lah kalau kita lihat itu ialah aktiviti ekonomi berlaku di situ.

Oleh sebab itu, kalau kita hendak menyatakan apa asas kita merupakan dua asas ini kita gunakan sebagai teras kita bagi memastikan kedaulatan negara dan sempadan negara itu sentiasa dijaga. Dasar Pertahanan Negara kita dan juga Kertas Putih Pertahanan.

Di sana ada dirangka banyak perkara dan daripada asas itulah kita menggubal kepentingan-kepentingan kita untuk menjaga asas-asas itu, termasuk macam saya sebut tadi penggunaan teknologi.

Memang dinyatakan bahawa dalam Kertas Putih Pertahanan itu di samping kita mahu membangunkan teknologi pertahanan ataupun industri pertahanan, tetapi penggunaan teknologi dalam memastikan bahawa kita dapat menjaga perairan kita ataupun sempadan kita diberikan keutamaan dalam kita menjamin masa hadapan kedaulatan negara kita. Itu sahaja.

Datuk Paul Igai: Tuan Yang di-Pertua, satu lagi. Sebelum saya lupa, baru-baru- bulan yang dahulu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sudah memberi Sarawak dan Sabah RM1 bilion peruntukkan untuk menaik taraf prasarana dan keupayaan kompleks CIQS. Ini memandangkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memang prihatin dan mengambil berat tentang keselamatan sempadan kita di Malaysia. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalannya? *[Ketawa]*

Datuk Paul Igai: Soalannya, adakah kementerian tadi menaikkan taraf ini untuk kegunaan atau pembinaan tadi atau menempatkan *security forces* atau tentera darat dan batalion dia di kompleks-kompleks hidro tadi? Terima kasih.

Tuan Haji Adly bin Zahari: Terima kasih atas soalan tambahan. Memang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan bajet terutamanya tentang memastikan bahawa sempadan-sempadan negara kita itu diberikan keutamaan. Akan tetapi, kita harus ingat juga dalam kita melihat kepada bajet yang diumumkan. Kita harus melihat bahawa secara keseluruhan, *the whole government* itu. Bukan sahaja merujuk kepada Kementerian Pertahanan tetapi ia juga merujuk kepada Kementerian Dalam Negeri.

Oleh sebab itu, kita sentiasa mempunyai satu kerjasama untuk pastikan sempadan kita itu sentiasa kita jaga dan macam saya sebut tadi kita di Kementerian Pertahanan, projek-projek pembangunan pos kita sentiasa kita bangunkan. Tadi pun ada disentuh dalam setiap pos kita itu ada beberapa orang anggota.

Secara asasnya setiap pos itu ada 30 orang anggota yang mana anggota itu bukan sahaja kita gunakan macam saya sebut tadi bukan sahaja sumber manusia itu dimanfaatkan tetapi bagi kita penggunaan teknologi juga harus kita gunakan dalam kita menjaga kawasan sempadan kita.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Haji Adly bin Zahari, Timbalan Menteri Pertahanan atas jawapan yang telah diberikan.

Seterusnya saya ingin menjemput Tuan Aknan a/l Ehtook.

6. Tuan Aknan a/l Ehtook minta Menteri Pendidikan menyatakan, apa langkah yang diambil bagi meningkatkan kualiti Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) agar setanding dengan sekolah-sekolah di luar negara seperti Singapura memandangkan kurikulum kedua-dua negara dilaporkan setara supaya negara dapat menghasilkan murid yang mempunyai kebolehan yang setanding.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Menteri Pendidikan [Puan Lim Hui Ying]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator. Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa berusaha meningkatkan kualiti guru bagi memastikan keberhasilan murid untuk menerajui pembangunan ekonomi dan dunia global masa hadapan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, menerusi latihan perguruan, guru dilengkapi dengan ilmu bidang, *content knowledge*, dengan izin, dan ilmu perguruan, *technological pedagogical content knowledge* yang merangkumi kursus wajib seperti pedagogi, penaksiran dalam pendidikan, psikologi pembelajaran, teknologi Pengajaran dan Pembelajaran (PDP) serta profesionalisme keguruan dan kepimpinan guru.

Kursus ini mengupayakan guru menggunakan pedagogi terkini dan kontemporari seiring dengan trend pendidikan global dan ke arah pembelajaran bermakna. Usaha memantapkan kompetensi guru diteruskan menerusi peluang pembangunan profesionalisme berterusan agar guru sentiasa bersedia dan bermotivasi untuk menjalankan tugas dan meningkatkan kualiti perkhidmatan masing-masing.

Guru juga dilengkapi dengan kemahiran pendidikan digital bagi mendepani pendidikan abad ke-21. Selain itu, guru digalakkan untuk membangunkan kompetensi melalui aktiviti komuniti pembelajaran profesional yang boleh dilaksanakan di peringkat sekolah untuk berkongsi kaedah dan amalan terbaik dalam PDP.

KPM turut menyediakan platform Repositori SumberKU yang memuatkan pelbagai bahan sokongan PDP sebagai rujukan dan panduan kepada guru serta warga KPM. Bahan sokongan PDP tersebut terdiri daripada kompilasi modul pedagogi yang sentiasa ditambah baik dan beberapa modul baharu yang dibangunkan seperti Modul Pedagogi Terbeza, Modul Pembelajaran Masteri, Modul Pembelajaran Teradun, Modul Pembelajaran Berasaskan Projek dan Modul Kecerdasan Pelbagai.

Bahan sokongan PDP yang dirangka merangkumi konsep strategi dan contoh aktiviti PDP bermula daripada peringkat prasekolah hingga ke peringkat sekolah menengah. KPM terus meningkatkan kualiti PDP melalui pemantapan kompetensi guru secara berterusan seiring dengan keperluan pendidikan peringkat antarabangsa. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan. Silakan.

Tuan Aknan a/l Ehtook: Terima kasih. Kita dapati bahawa *syllabus* kita semakin hari semakin baguslah. Akan tetapi adakah benar dalam kita mengejar *syllabus* yang lebih berkualiti ini, kita lupa tentang murid-murid kita di luar bandar sana yang kurang daripada segi

pendidikan asas di peringkat prasekolah. Apabila mereka pergi ke sekolah, mereka tidak dapat mengikuti *syllabus* yang telah dinaiktarafkan itu. Jadi, ramai yang tercicir. Ramai yang memilih untuk tinggalkan sistem pendidikan negara. Adakah benar benda ini berlaku? Terima kasih.

Puan Lim Hui Ying: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Memang kita akan menumpukan perhatian kepada pelajar-pelajar, murid di luar bandar. Memang daripada segi digital dari Internet kita rasa mungkin akan juga mempengaruhi pembelajaran murid-murid.

Akan tetapi pihak KPM akan memastikan kita akan memantau selalu untuk memastikan jurang di antara luar bandar dengan bandar tidak akan ketara. Kita akan memastikan kita akan memantau dengan sepenuhnya. Terima kasih.

■1100

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: [*Bangun*]

Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Dr. Nelson.

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kualiti pengajaran dan pembelajaran ada kaitan langsung dengan *student, teacher ratio*. So, kita hangat sangat tadi dengan latihan guru dan sebagainya tetapi dalam sebuah kelas kita ada 40 hingga 50 orang murid.

Berapa jumlah profesional guru-guru kita, berapa latihan mereka, pun atau berapa tinggi pelajaran mereka, profesionalisme mereka tetapi isu *student, teacher ratio* itu amat *problematic*. Jadi, bekas Senator, saya tidak hendak buat *pressure* tetapi semalam pun ada masalah sedikit, jadi saya kena berhati-hati sedikit fasal ini kawan kita daripada *Senate* ini.

Walaupun tidak ada solusi sekarang tetapi saya ingat ini satu perkara yang amat mustahak untuk diperhatikan oleh pihak kementerian. Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri? Terima kasih.

Puan Lim Hui Ying: Terima kasih Yang Berhormat Senator, kawan baik. Ini soalan sebenarnya Yang Berhormat Senator adalah berkaitan dengan nisbah murid. Bagi KPM yang terbaik dalam sebuah kelas kita adakan lebih kurang 25 orang sehingga 30 orang murid untuk dalam sebuah kelas.

Akan tetapi hakikatnya, ini kita mesti hadapi hakikatnya sesetengah sekolah memang ada melebihi daripada jumlah ini. Ada setengahnya lebih daripada 40 orang murid. Ini adalah kerana kita memang menghadapi kekurangan guru. Itu adalah satu daripada langkah KPM yang sedang kita uruskan untuk menyelesaikan masalah kekurangan guru.

Kita akan juga dalam proses mempunyai langkah-langkah yang terperinci untuk pengambilan guru, yang ini kita akan umumkan mungkin dalam masa dua sehingga empat minggu, langkah-langkah yang kita akan lakukan untuk mengatasi masalah ini. Terima kasih.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Soalan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr. Lingeshwaran.

Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam: Tuan Yang di-Pertua, sejauh manakah Institut Pendidikan Guru melaksanakan kolaborasi dengan agensi dalam dan luar Kementerian Pendidikan Malaysia untuk memperkasakan pengajaran dan pembelajaran supaya setanding dengan sekolah di luar negara?

Puan Lim Hui Ying: Terima kasih Yang Berhormat Senator, tentang luar negara. Okey ini merupakan satu soalan yang amat penting. IPG KPM sentiasa melaksanakan kolaborasi bersama agensi dalam dan luar negara untuk menambah baik kerangka pelan pendidikan holistik IPG, KPM secara berterusan bagi meningkatkan kompetensi, kemahiran, amalan dan pembudayaan pedagogi, PdP yang komentari dan terkini.

Antara contoh kerjasama yang telah dilaksanakan adalah melibatkan *leap education*, *Teach For Malaysia* (TFM) dengan izin, *Malaysia Digital Economy Corporation* (MDEC), Akademi Sains Malaysia, Universiti Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Islam Malaysia, Pusat GENIUS@Pintar, Kolej Genius Insan, Yayasan PETRONAS, *Association of Science Technology and Innovation*, *ExxonMobil*, *Google*, *Apple*, *Microsoft*, *Instructional Coaching Group*, *Kansas* dan *Japan International Cooperation Agency*.

Ini menunjukkan komitmen KPM untuk sentiasa menambah baik pelan penyampaian PdP guru menerusi kolaborasi dengan pihak luar. Bagi guru dalam perkhidmatan pula, kolaborasi bersama pihak APCEIU dan Kementerian Pendidikan Korea Selatan dilaksanakan melalui program pertukaran guru sejak tahun 2014 sehingga sekarang. Terima kasih.

Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan: Soalan tambahan.

Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Wong.

Tuan Roderick Wong Siew Lead: Guru-guru yang kami hormati memainkan peranan yang penting dalam bidang pendidikan. Jadi adakah kementerian akan melaksanakan penambahbaikan terhadap kokurikulum latihan yang diberikan kepada guru? Terima kasih.

Puan Lim Hui Ying: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Bagi program pendidikan guru di IPG, KPM melaksanakan semakan kokurikulum secara dinamik melalui mekanisme pemantauan, penyemakan dan penambahbaikan berterusan iaitu *process closing the loop* (CTL). Proses ini melibatkan penglibatan pemegang taruh, pakar akademik, penasihat dan penilai luar dari universiti awam.

Tindakan ini dilaksanakan bagi memastikan semua kokurikulum yang digunakan adalah relevan dan memenuhi keperluan pendidikan masa kini dan akan datang. Terima kasih.

Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Lim Hui Ying, Timbalan Menteri Pendidikan, atas jawapan yang telah diberikan. Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Datuk Wira Koh Nai Kwong.

7. **Datuk Wira Koh Nai Kwong** minta Menteri Ekonomi menyatakan, langkah kerajaan serta cara pelaksanaan untuk meneruskan momentum pemulihan ekonomi Malaysia menghadapi kelembapan ekonomi global akibat kesan tekanan inflasi berterusan, pertumbuhan ekonomi domestik perlahan dan kitaran peningkatan kadar faedah pada tahun 2023.

Timbalan Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan [Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir]: Tuan Yang di-Pertua, saya akan menjawab. Yang Berhormat Senator Datuk Wira bertanyakan soal pelaksanaan untuk kita teruskan momentum pemulihan ekonomi. Malaysia telah mencatatkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 8.7 peratus bagi tahun 2022, yang menunjukkan pemulihan ekonomi yang berterusan dan mencerminkan daya tahan ekonomi negara.

Bagi tahun 2023, ekonomi negara dijangka berkembang lebih rendah berbanding tahun sebelumnya iaitu sekitar 4.5 peratus dengan mengambil kira risiko persekitaran luar yang lebih mencabar. Namun, pembukaan semula Negara China baru-baru ini dijangka dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan akan mendorong kepada pemulihan yang lebih cepat.

Bagi memastikan Malaysia dapat mencapai pertumbuhan yang baik, kerajaan akan memberi tumpuan kepada tiga perkara utama iaitu: melaksana reformasi struktur ekonomi; mengenal pasti sumber pertumbuhan baharu; dan mengukuhkan kedudukan fiskal negara.

Kerajaan komited untuk melaksanakan usaha mereformasi struktur ekonomi ke arah rantaian nilai yang lebih tinggi bagi mengukuhkan pertumbuhan dan meningkatkan produktiviti dalam semua sektor. Selain itu Tuan Yang di-Pertua, penekanan akan diberi kepada sumber pertumbuhan baharu daripada sektor strategik dan berimpak tinggi yang kita telah kenal pasti ada lapan seperti mana dalam RMKe-12 iaitu antaranya: industri elektrik dan elektronik (E&E); perkhidmatan global; aeroangkasa; industri kreatif; pelancongan; halal; biojisim; dan aktiviti pertanian pintar.

Penekanan turut akan diberikan untuk meningkatkan penerimaan teknologi dan pendigitalan termasuk pembangunan pusat data. Selain itu, sektor swasta akan terus dipacu sebagai rakan pembangunan dan menjadi pemangkin pertumbuhan ekonomi. Contohnya, *Investment Malaysia Council* dan Jawatankuasa Nasional Mengenai Pelaburan (NCI) akan menerajui usaha mempercepatkan kelulusan projek yang berpotensi tinggi.

Seterusnya, perusahaan mikro kecil dan sederhana (PMKS) akan turut di perkasa sebagai pemacu pertumbuhan melalui pendigitalan bagi meningkatkan produktiviti dan mengembangkan operasi perniagaan.

Namun, kalau pertumbuhan ekonomi ini tidak dapat dirasakan oleh rakyat kebanyakan, sudah pasti tidak bermakna. Jadi sebab itu, kerajaan untuk tahun ini telah melancarkan seperti mana yang kita tahu Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) pada 26 Februari. IPR ini membabitkan tiga kaedah utama iaitu Inisiatif Usahawan Tani (INTAN), Inisiatif Usahawan Makanan (INSAN) dan Inisiatif Operator Perkhidmatan (IKHSAN) yang mana telah menerima peruntukan sebanyak RM750 juta di bawah Belanjawan 2023. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir, Timbalan Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan mewakili Yang Berhormat Menteri Ekonomi bagi menjawab soalan tadi.

■1110

8. **Datuk Bobbey Ah Fang Bin Suan** minta Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan menyatakan, apa langkah-langkah yang diambil oleh kementerian bagi memastikan pengusaha-pengusaha bot laut menggunakan tenaga kerja tempatan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan [Tuan Chan Foong Hin]:

*Sorong papan tarik papan,
Buah keranji dalam perahu;
Saya jawab soalan lapan,
Semoga kita semua lebih tahu.*

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Bobbey. Sektor perikanan tangkapan terutama laut dalam masih bergantung kepada tenaga kerja dari luar negara disebabkan kurang minat daripada kebanyakan nelayan tempatan. Untuk itu, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) giat berusaha meningkatkan penyertaan pekerja tempatan dan mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing dalam sektor laut dalam.

Salah satu langkah untuk menggunakan tenaga kerja tempatan dalam sektor perikanan adalah dengan menyediakan latihan dan kemahiran di pusat latihan KPKM seperti Akademi Perikanan Malaysia (APM) dan Kolej Perikanan Sultan Nazrin Muizzuddin Shah (KPSN). Antara program latihan yang ditawarkan ialah Program Sijil Perikanan dan Program Latihan Modular, Program Khas Pembangunan Kru Vessel Perikanan Laut Dalam Pukat Jerut.

Selain itu, secara amnya, penerimaan tenaga kerja tempatan terhadap akuakultur lebih terbuka berbanding perikanan tangkapan di laut kerana faktor keberadaan di daratan menyebabkan mereka lebih cenderung untuk menceburi bidang akuakultur berbanding

perikanan tangkapan. Manakala bagi nelayan pula, mereka perlu berada di laut untuk tempoh masa yang lama dan bergantung kepada faktor luar serta cuaca.

Musim tengkujuh juga merupakan salah satu faktor pemilihan akuakultur berbanding dengan perikanan tangkapan. Nelayan di laut perlu kemahiran yang tertentu dan tidak boleh sebarang orang serta perlu ada daya tahan yang tinggi untuk berada di lautan.

Sektor perikanan negara yang masih bergantung kepada tenaga kerja luar negara ini disebabkan juga satu faktor iaitu kerjaya untuk perikanan tangkapan ialah kerjaya turun temurun, manakala akuakultur masih boleh memperoleh tenaga kerja kerana adanya lagi tawaran pengajian di peringkat sekolah teknikal, politeknik dan pengajian tinggi dalam jurusan akuakultur dan secara tidak langsung masih ada pasaran semasa setelah tamat pengajian untuk berkecimpung dalam bidang akuakultur berbanding perikanan tangkapan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan, Yang Berhormat Senator Bobbey.

Datuk Bobbey Ah Fang Bin Suan: Ya. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan tadi. Inilah masalah kita sebenarnya, sama ada di laut ataupun di darat. Kita selalu menggunakan tenaga dari luar. Soalan saya, adakah terdapat sebarang insentif yang lebih menarik untuk menggalakkan supaya pengusaha bot laut menggunakan tenaga kerja tempatan seperti yang digalakkan oleh kementerian. Terima kasih.

Tuan Chan Foong Hin: Isu untuk supaya menggalakkan lebih tenaga kerja daripada orang tempatan untuk bekerja dalam bidang perikanan lautan ini tidak boleh ditangani secara paksaan. Kita kena menarik minat mereka untuk berkecimpung dalam bidang tersebut. Antara program yang kita ada lakukan ialah program pemodenan *vesse/* dan mekanisasi tangkapan. Melalui program pemodenan tersebut, kebergantungan kepada tenaga kerja akan berkurangan dan secara tidak langsung, kebergantungan kepada tenaga kerja asing juga akan dikurangkan.

Ini adalah kerana, aplikasi mekanisasi moden yang diguna pakai di atas *vesse/* ini memerlukan pekerja yang lebih berkemahiran tinggi. Pengguna *vesse/* moden juga dapat menarik minat tenaga kerja tempatan untuk bekerja di atas *vesse/* yang serba lengkap, moden dan kondusif. KPKM melalui DOF dan Agrobank telah menawarkan peruntukan Dana Jaminan Makanan (DJM) sebanyak RM150 juta bagi membiayai program pemodenan *vesse/* dan mekanisasi kepada nelayan atau pengusaha *vesse/* Zon A, Zon B, Zon C dan C2 (laut dalam) dengan kadar faedah tiga peratus sehingga 3.5 peratus.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan lain, silakan.

Tuan Sr. Haji Mohd Apendi bin Mohamad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Isunya, lesen diberikan kepada pengusaha tempatan, tetapi diusahakan oleh pengusaha-pengusaha asing. Jadi, sekarang ini daripada pemantauan kerajaan, berapa peratus yang pengusaha itu dia dapat lesen, dia usahakan sendiri? Daripada

kajian kerajaan, berapa peratus kah lebih kurang, pekerja-pekerja tempatan? Saya tahu, memang kerumitannya saya tahu, fasal saya pun terlibat juga. Boleh bagi tahu atau tidak, lebih kurang, sekarang ini setakat mana pemantauan telah dibuat bahawa pengusaha itu betul-betul tempatan. Ini tidak dapat lesen, bukan dia buat. Macam mana pekerja hendak pekerja tempatan? Terima kasih.

Tuan Chan Foong Hin: Okey. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, buat masa sekarang saya tiada rekod untuk statistik nisbah antara pekerja asing dan juga pekerja tempatan. Cuma saya di sini sehingga bulan Disember 2022, maklumat bilangan pekerja asing yang bekerja dalam sektor perikanan adalah seperti berikut: bilangan ekspatriat industri akuakultur, 22 orang; bilangan kru nelayan asing, 10,063 orang; dan bilangan pekerja akuakultur, 5,240 orang.

So, kita tidak ada satu nisbah untuk menunjukkan berapa nisbah antara pekerja asing dan pekerja tempatan. Cuma daripada apa yang kita dapati, untuk pemilik *vesse/* di Zon A dan Zon B itu kebanyakannya diusahakan oleh pekerja tempatan, terutamanya nelayan tempatan. Untuk laut dalam ini, adakala mereka akan mengambil lebih banyak kru daripada pekerja asing kerana faktor-faktor di mana pekerja tempatan kurang berminat.

Melalui program-program yang telah saya sebutkan tadi, seperti program pemodenan *vesse/* ini, kita hendak menggalakkan pekerja tempatan ini untuk menimba ilmu pengetahuan dalam perikanan dan selepas itu mengangkat kerjaya nelayan ini sebagai kerjaya yang lebih profesional.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan lain, silakan.

Datuk Lim Pay Hen: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya, apakah langkah kementerian bagi memastikan penggunaan Pas Lawatan Kerja Sosial (PLKS) yang digunakan untuk membawa masuk warga asing untuk menjadi awak-awak bot tidak terlampau membebankan sehingga menyebabkan mereka gulung tikar? Jadi, kadar terkini, adalah sebanyak RM3,400 sekepala bagi seorang awak-awak ini. Mohon penjelasan.

Tuan Chan Foong Hin: Untuk menjawab soalan Yang Berhormat Senator, sekarang untuk mengurangkan beban ini, saya rasa kerajaan perpaduan sekarang kita ada mengamalkan untuk pengambilan pekerja asing dalam tempoh beberapa minggu yang telah diumumkan oleh Kementerian Sumber Manusia.

So, untuk penangkapan ikan ini, DOF ada juga menawarkan dikatakan *seaman pass* untuk mengupah pekerja asing dalam sektor ini. Untuk macam mana kita hendak menggalakkan, *prior approval* dari Jabatan Tenaga Manusia adalah diperlukan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Tuan Chan Foong Hin, Tmbalan Menteri Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan atas jawapan yang telah diberikan.

Seterusnya saya menjemput Datin Ros Suryati binti Alang.

9. Datin Ros Suryati binti Alang minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, apa langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian dalam menangani masalah penderaan kanak-kanak yang tiada kesudahan.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Hajah Raj Murni binti Sabu]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, Tuan Yang di-Pertua.... [*Membaca selawat*] Terima kasih. Yang Berhormat.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat amat memandang serius terhadap sebarang kes penderaan ke atas kanak-kanak. Dalam hal ini, KPWK dan agensi-agensi di bawah seliaannya seperti mana Jabatan Kebajikan Masyarakat, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara telah melaksanakan pelbagai inisiatif sama ada daripada aspek pelaksanaan dasar, perundangan, penyampaian perkhidmatan dan juga khidmat sokongan termasuklah program-program advokasi dan kesedaran berkenaan dengan isu-isu penderaan.

Antara langkah-langkah segera yang telah dilaksanakan oleh KPWK mewujudkan satu Garis Panduan Pengurusan Penempatan Kanak-Kanak kepada Ibu Bapa dan Orang Yang Layak dan Sesuai (OYLS) dan ini telah pun dilancarkan pada 11 Mac 2023.

■1120

Tuan Yang di-Pertua, melalui garis panduan ini, pegawai pelindung JKM mempunyai rujukan dan panduan secara terperinci dalam proses membuat syor pihak yang layak menjadi OYLS sebelum diputuskan oleh mahkamah.

Selain daripada itu, pegawai pelindung JKM juga terus diberikan pendedahan serta latihan yang berterusan dalam usaha mempertingkatkan dan melengkapkan mereka dengan pengetahuan-pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan.

Selain daripada itu juga, KPWK turut menubuhkan Mesyuarat Panel Penempatan Kanak-kanak kepada Orang Yang Layak dan Sesuai di peringkat JKM negeri yang akan dipengerusikan oleh Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat negeri yang turut melibatkan keahlian Pejabat Kebajikan Masyarakat daerah-daerah dan pelindung bagi kes pemeliharaan dan perlindungan kanak-kanak yang ditempatkan dalam jagaan orang yang bukan ibu bapa kepada kanak-kanak tersebut.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, Akta Kanak-kanak 2001 telah dipinda pada tahun 2016 bagi memastikan kanak-kanak terus diberikan keutamaan daripada aspek perlindungan, pemeliharaan dan pemulihan. Antara pindaan yang telah dimasukkan iaitu meningkatkan hukuman kepada individu yang telah melakukan penganiayaan atau mendedahkan kanak-kanak sehingga mengakibatkan kanak-kanak mengalami kecederaan fizikal, emosi dan juga seksual di bawah seksyen 31(1) Akta Kanak-kanak 2011. Individu yang telah didapati

bersalah juga dikehendaki menjalani perintah khidmat masyarakat sebagai hukuman mandatori.

Kerajaan juga akan mengemukakan satu lagi pindaan ke atas Akta Kesalahan-kesalahan Seksual terhadap Kanak-kanak 2017 yang bertujuan untuk menangani kesalahan jenayah seksual yang dilakukan terhadap kanak-kanak dengan lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman, pusat jagaan yang menyediakan perkhidmatan jagaan untuk kanak-kanak ditubuhkan di bawah Akta Pusat Jagaan 1993 bagi memastikan kebajikan, kesejahteraan dan keselamatan penghuni di pusat berkenaan terjamin.

Antara tindakan penguatkuasaan yang telah dilaksanakan oleh JKM dalam memastikan pusat-pusat jagaan ini beroperasi mengikut peraturan yang ditetapkan adalah seperti melaksanakan *lug* ataupun sita, pendakwaan dan kompaun. Pada masa yang sama, *taskforce* pemutihan dan tindakan penguatkuasaan ke atas pusat jagaan yang tidak berdaftar juga telah ditubuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya terus sedikit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Puan Hajah Raj Munni binti Sabu: Daripada segi advokasi, KPWKM menerusi LPPKN juga senantiasa mempergiat program-program kesedaran yang melibatkan ibu bapa, kanak-kanak dan komuniti setempat menerusi penganjuran Kursus Pra Perkahwinan SMARTSTART dan Ilmu Keluarga@LPPKN yang merupakan program bagi pengukuhan institusi kekeluargaan. Ini termasuklah program literasi undang-undang bagi memberi kesedaran kepada masyarakat bahawa tugas dan peranan melindungi kanak-kanak merupakan tanggungjawab bersama. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Soalan tambahan

Datin Hajah Ros Suryati binti Alang: Soalan tambahan saya, Tuan Yang di-Pertua. Sekiranya kita merujuk kepada data Jabatan Kebajikan Masyarakat, telah merekodkan sebanyak 1,055 kes penderaan kanak-kanak daripada Januari hingga Jun tahun lepas. Angka ini amat membimbangkan. Soalan saya, adakah kerajaan pada masa kini sedang merangka usaha untuk menambah baik akta-akta sedia ada untuk memberi lebih perlindungan kepada kanak-kanak?

Baru-baru ini, banyak kes tular di video berkaitan gangguan seksual dan penderaan seksual kanak-kanak tersebar di media sosial. Apakah bentuk kawalan dan pencegahan yang dilaksanakan oleh kementerian dalam membanteras gejala buruk ini? Terima kasih.

Puan Hajah Raj Munni binti Sabu: Tuan Yang di-Pertua, dalam memastikan perkhidmatan kepada kanak-kanak kekal relevan dan holistik, KPWKM sebenarnya sedang membangunkan satu bentuk dasar kanak-kanak negara yang lebih komprehensif menerusi

semakan semula dasar-dasar sedia ada iaitu Dasar Kanak-kanak Negara, Dasar Perlindungan Kanak-kanak Negara dan elemen berkaitan kanak-kanak dalam dasar pendidikan kesihatan dan reproduktif sosial.

Satu pelan- tindakan baharu turut akan dibangunkan bagi mengiringi dasar baharu ini yang akan menggariskan beberapa panduan bagi mengukuhkan tadbir urus dasar perundangan dan penyampaian perkhidmatan yang mana turut merangkumi agensi-agensi pelaksana di peringkat Persekutuan, negeri dan juga pihak berkuasa tempatan.

Sokongan komuniti dan kerjasama semua badan bukan kerajaan perlu diperkasakan demi kepentingan terbaik kanak-kanak. Pasukan Pelindungan Kanak-kanak (PPKK), Pasukan Kebajikan Kanak-kanak (PKKK), Pasukan Pembantu Pelindungan ditubuhkan melalui peruntukan di bawah Akta Kanak-kanak 2001 sebagai orang perantara di antara komuniti dan juga JKM bagi menangani kes-kes kanak-kanak yang telah disyaki menjadi mangsa pengabaian, penganiayaan, penderaan khususnya mereka yang memerlukan pemeliharaan serta perlindungan.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini, ada seramai 140 buah Pasukan Perlindungan Kanak-kanak dan ada seramai 133 buah Pasukan Kebajikan Kanak-kanak. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Judiet binti Fidilis @ Noraini binti Idris: Soalan tambahan.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terdapat juga kes penderaan di taska atau *daycare center*, dengan izin. Malah kes penderaan di pusat jagaan dan taska ini sama kerapnya. Taska lebih kerap kita dengar berbanding dengan kes penderaan yang dilakukan oleh ibu bapa ataupun penjaga kanak-kanak itu sendiri. Apakah langkah kementerian untuk memastikan kes penderaan di taska tidak berulang pada masa hadapan? Sekian, terima kasih.

Puan Hajah Raj Munnii binti Sabu: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih rakan saya Yang Berhormat Senator yang bertanya. Rakan lama. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak rakamkan bahawa duduk di Dewan Negara ini lain macam apabila kita pernah duduk di Dewan Negara. Rasa *happy* itu lain macam ya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator kerana peka terhadap keselamatan anak-anak kita khususnya di pusat jagaan dan taska. Dalam hal ini, Jabatan Kebajikan Masyarakat sebenarnya telah daripada semasa ke semasa menambah baik keperluan peraturan dan proses untuk pihak mendaftar dan beroperasi secara sah sebagai taska.

Saya ingin berkongsi tiga daripada penambahbaikan yang kita lakukan pada hari ini. Pertama, pengasuh di taska kini diwajibkan menjalani latihan dan lulus ujian Kursus Didikan

dan Asuhan PERMATA ataupun KAP. Ini bagi memastikan pengasuh-pengasuh yang bertugas mempunyai kemahiran dalam mengendalikan kanak-kanak di bawah umur empat tahun. Kursus selama 28 hari ataupun 144 jam ini bagi melengkapkan mereka bukan sahaja daripada segi teori malah juga daripada segi amali.

Keduanya, Tuan Yang di-Pertua, kita telah mewajibkan pemasangan CCTV sebenarnya di premis taska. Ini bagi memastikan sebarang kejadian yang tidak diinginkan yang berlaku di taska dapat disiasat dengan lebih terperinci. Selain itu, dengan adanya pemantauan CCTV ini boleh menjadikan semua pihak menjadi lebih *alert*, bertanggungjawab menjalankan tugas mereka.

Dan ketiga- sedikit lagi, Tuan Yang di-Pertua- mewujudkan kesedaran di kalangan ibu bapa, penjaga untuk menghantar anak-anak mereka di taska yang berdaftar. Ini kerana operasi taska yang berdaftar akan dipantau oleh JKM dan mengikut SOP yang sewajarnya untuk keselamatan dan kesejahteraan kanak-kanak. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mohd Hasbie bin Muda: Soalan tambahan.

Tuan Manolan bin Mohamad: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Mohd Hasbie bin Muda: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mengenai penubuhan jawatankuasa pembangunan kanak-kanak. Apakah fungsi dan peranan sebenar dan sejauh mana ia boleh menangani isu-isu penderaan dan juga pengabaian kanak-kanak? Terima kasih.

Puan Hajah Raj Munni binti Sabu: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator yang bertanya. Ini merupakan isu baharu yang telah pun disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan yang mulia, bagi langkah jangka masa panjang, KPWKM sebenarnya sedang dalam siri rundingan dan perbincangan bersama agensi-agensi pusat seperti mana Kementerian Kewangan dan juga Jabatan Perkhidmatan Awam dalam memperincikan dan memuktamadkan hasrat kerajaan untuk menubuhkan Jabatan Pembangunan Kanak-kanak seperti yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan merangkap Perdana Menteri semasa Belanjawan 2023.

Dengan adanya sebuah entiti khusus ini, Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan kepada kanak-kanak diyakini dapat dipertingkatkan lebih-lebih lagi dengan jumlah kakitangan yang mencukupi dan modal insan yang dilengkapkan khusus dalam memberi tumpuan dalam pelbagai aspek yang diperlukan oleh kumpulan sasar ini.

Tuan Yang di-Pertua, antara tugas dan fungsi Jabatan Pembangunan Kanak-kanak yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Senator, pertamanya adalah untuk mewujudkan mekanisme *check and balance*. Kita memerlukan seorang pegawai pelindung kanak-kanak yang sebenarnya cukup untuk menangani isu-isu yang terkait dengan kanak-kanak. Setakat

ini, nisbahnya adalah 1:108, Tuan Yang di-Pertua. Kita perlu capai sekurang-kurangnya 1:50, seorang Pegawai Pelindung dengan 50 kes kanak-kanak. Atau yang paling baik merupakan satu Pegawai Pelindung nisbah dengan 20 hingga 30 kes kanak-kanak.

Kedua, membangunkan sistem pemantauan penempatan kanak-kanak kepada ibu bapa pemeliharaan dan orang layak dan sesuai.

■1130

Ketiga, mempertingkatkan aspek pemantauan kanak-kanak yang berada di bawah jagaan taman asuhan kanak-kanak dan pusat jagaan kanak-kanak. Keempat, mempertingkatkan usaha-usaha advokasi berhubung peranan komuniti.

Tuan Yang di-Pertua, penubuhan JPKK dapat membantu menangani isu-isu pengabaian, penderaan kanak-kanak menerusi pengkhususan tugas pegawai pembangunan masyarakat di JKM yang akan nanti lebih terfokus kepada tugasnya sebagai pelindung dan pegawai akhlak yang lebih efisien.

Pada masa ini Tuan Yang di-Pertua, pegawai pelindung 'memakai banyak topi' yang mengakibatkan fokus mereka agak terganggu. Oleh sebab itulah di peringkat Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, kita memang mahukan sebuah Jabatan Pembangunan Kanak-kanak yang dapat berdiri sendiri sebagai sebuah agensi yang lebih berkesan di bawah KPWK. Pada masa ini, mereka juga sebagai pegawai pelindung, mereka juga sebagai pegawai akhlak, mereka juga pegawai yang diberi kuasa untuk menjalankan operasi di taska-taska, mereka juga pendaftar di peringkat OKU, mereka juga yang akan *run* PPS bila berlaku banjir, mereka juga yang akan melakukan operasi gelandangan, mereka juga yang akan bertanggungjawab terhadap Akta Keganasan Rumah Tangga.

Jadi pada keseluruhannya Tuan Yang di-Pertua, penubuhan Jabatan Pembangunan Kanak-kanak ini adalah perkara yang sangat *crucial* dalam pada kita hendak menyelesaikan begitu banyak dinamika masalah-masalah yang terkait dengan kanak-kanak. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Aiman Atirah binti Sabu, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat atas jawapan-jawapan yang telah diberikan. Seterusnya saya menjemput Tuan Ir. Md. Nasir bin Hashim

Tuan Ir. Md. Nasir bin Hashim: *Assalamualaikum* Tuan Yang di-Pertua, soalan saya nombor 10.

10. Tuan Ir. Md. Nasir bin Hashim minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, apa status berkenaan dengan pembatalan pembangunan stadium baharu di Kelantan dan juga penutupan kompleks kolam renang di Muar, Johor.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Menteri Belia dan Sukan [Puan Hannah Yeoh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan tidak membatalkan pembangunan stadium baharu di Kelantan, malah pihak kementerian sedang dalam perancangan untuk membina sebuah stadium baharu di Bukit Merbau, Pasir Putih, Kelantan pada tahun ini di bawah *Rolling Plan* Ketiga, Rancangan Malaysia Kedua Belas.

Untuk makluman Yang Berhormat, stadium tersebut akan menjadi antara tempat acara di Sukan Malaysia (SUKMA) pada tahun 2028 kelak. Untuk makluman Yang Berhormat juga, kompleks renang Muar di Johor merupakan sebuah aset atau kemudahan di bawah seliaan pihak berkuasa tempatan dan bukan di bawah KBS. Kompleks renang Muar adalah di bawah seliaan Majlis Perbandaran Muar yang mana kemudiannya telah diswastakan. Selain itu, pihak kementerian juga telah dimaklumkan bahawa kompleks renang tersebut telah tidak beroperasi sejak tahun 2015.

Namun begitu, KBS bersedia untuk mempertimbangkan permohonan projek baharu sekiranya menepati syarat yang telah ditetapkan oleh Kementerian Ekonomi. Setiap permohonan haruslah menepati syarat yang ditetapkan oleh Kementerian Ekonomi iaitu memastikan tapak ataupun tanah perlu didaftarkan atas nama Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) dengan memperoleh pengesahan pihak Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian bahawa tapak adalah bebas daripada bebanan dan sedia untuk dimasuki serta tiada isu tapak tanah projek seperti setingan, bantahan penduduk dan lokasi tidak sesuai apabila membuat permohonan projek fizikal binaan baharu. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Daripada jangkaan kerajaan, bila stadium di Bukit Merbau, stadium utama dapat disiapkan? Adakah sempat dengan SUKMA yang bakal berlangsung di Kelantan?

Puan Hannah Yeoh: Saya pasti dengan jadual baharu yang telah diumumkan oleh Kementerian Belia dan Sukan, tahun 2024 di Sarawak, tahun 2026, balik kepada Kerajaan Persekutuan, tahun 2028 balik ke Kelantan. Itu sebab dijangkakan semua infrastruktur ini tidak sempat untuk tahun 2026. Itu sebab Kelantan sendiri telah bersetuju bahawa mereka akan jadi *host* SUKMA pada tahun 2028. Terima kasih.

Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam: Soalan tambahan.

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan. Yang Berhormat.

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: Yang Berhormat Menteri, saya hendak tanya sedikit mengenai stadium di Kelantan tadi, berapa kapasiti orang di stadium tersebut?

Puan Hannah Yeoh: Okey, kapasiti untuk stadium tersebut saya tidak ada. Saya boleh bagi secara bertulis. Akan tetapi selain dari Stadium Bukit Merbau, untuk makluman

Yang Berhormat, KBS juga akan membina tujuh fasiliti untuk SUKMA di Kelantan. Izinkan saya membacanya:

- (i) Stadium Bukit Merbau – RM180 juta;
- (ii) pembinaan arena tertutup Kompleks Sukan Bukit Merbau – RM25 juta;
- (iii) pembinaan stadium hoki – RM19 juta;
- (iv) pembinaan pusat akuatik – RM20 juta;
- (v) pembinaan pusat skuasy – RM9 juta;
- (vi) pembinaan gelanggang *lawn bowls* berbumbung - RM8 juta; dan
- (vii) pembinaan lapang sasaran menembak – RM15 juta

Jumlah besar RM276 juta. Kerajaan Persekutuan akan bina infrastruktur ini untuk negeri Kelantan. Terima kasih.

Tuan Abun Sui Anyit: Soalan tambahan.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan akhir.

Tuan Abun Sui Anyit: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya berkenaan stadium. Pada tahun 2018, Menteri Belia dan Sukan ketika itu berjanji untuk membina stadium di Belaga dan juga di Kapit yang dijangka pada masa itu tahun 2018. Apakah yang terjadi dengan janji berkenaan? Juga yang kedua adalah bagaimana stadium di Sungai Asap? Stadium itu ada, tetapi tidak dibuka kepada rakyat untuk digunakan. Jadi, minta penjelasan.

Puan Hannah Yeoh: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang saya perlu jawab untuk soalan 10 adalah berkenaan dengan Kelantan dan Muar. Jadi untuk *detail* itu, saya tidak ada. Saya akan berikan secara bertulis. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Hannah Yeoh Tseow Suan, Menteri Belia dan Sukan atas jawapan-jawapan yang telah diberikan. Ahli-ahli Yang Berhormat, untuk hari ini bagi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan ditamatkan.

[Masa Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

USUL**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri.

11.37 pg.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup [Puan Hajah Fuziah binti Salleh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan pada jam 1 tengah hari dan akan bersidang secara terus sehingga selesai urusan yang ditetapkan di dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* tertakluk kepada apa-apa arahan dan tarikh-tarikh yang ditetapkan oleh Yang di-Pertua dari semasa ke semasa.”

Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada sesiapa menyokong?

Timbalan Menteri Pendidikan [Puan Lim Hui Ying]: Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

Datuk Razali bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, hendak tanya sedikit, penjelasan. Tuan Yang di-Pertua, tadi kita bersetuju untuk meneruskan perbahasan dan tidak berhenti jam 1 petang. Semalam berlaku apabila kita keluar masuk, Menteri jawab soalan, Ahli Dewan Negara tiada. Kebetulan Ahli Dewan Negara mungkin pergi solat, yang bukan beragama Islam mungkin pergi makan. Jadi, Menteri tidak jawab soalan itu. Apabila Ahli Dewan Negara itu masuk balik, jadi soalan itu tidak terjawab. Jadi, saya hendak mintak petua daripada Tuan Yang di-Pertua supaya Menteri menjawab semua tidak kira sama ada, ada Senator ataupun tiada, soalan itu naik. Boleh macam itu?... *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua: Oleh sebab soalan telah dikemukakan, saya minta supaya Yang Berhormat Menteri bagi menjawab mewakili kementerian mereka, mereka perlu menjawab soalan yang telah dikemukakan. Setuju?

Datuk Razali bin Idris: Okey, terima kasih... *[Tepuk]*

USUL**MENJUNJUNG KASIH TITAH SERI PADUKA
BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-bbilang syukur dan menjunjung kasih atas Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Kedua, Majlis Parlimen Yang Kelima Belas.” **[27 Mac 2023]**

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya menjemput Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah untuk mula menjawab. Masa diberikan adalah selama 20 minit. Silakan.

■1140

Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah [Datuk Rubiah binti Haji Wang]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam perpaduan dan salam Malaysia Madani.

Tuan Yang di-Pertua, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong dalam titah Baginda pada 13 Februari 2023, semasa sesi Pembukaan Parlimen, antaranya menyentuh mengenai kesejahteraan masyarakat desa melalui penyediaan infrastruktur berkualiti dan mempertingkatkan perhubungan desa, akses luar bandar.

Baginda juga menitahkan agar jurang pembangunan ekonomi semua kaum dan etnik termasuk Orang Asli perlu terus ditangani bagi melahirkan masyarakat desa yang berdaya tahan dan berdaya saing.

Patik mengucapkan berbilang-bbilang syukur dan menjunjung kasih Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku tersebut.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua, seramai sembilan orang Ahli Yang Berhormat Senator telah berbahas mengajukan pelbagai pertanyaan, isu, cadangan atau pun pandangan kepada Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah semasa sesi perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja 2023, iaitu Yang Berhormat Senator Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan; Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohd Apani bin Mohamad; Yang Berhormat Senator Datuk Judiet binti Fidilis @ Noraini binti Idris; Yang Berhormat Senator Datuk John Ambrose; Yang Berhormat Senator Puan Susan Chemerai Anding; Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai; Yang Berhormat Senator Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol; Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad; dan Yang Berhormat Senator Tuan Abun Sui Anyit.

Terima kasih diucapkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang terlibat. Oleh yang demikian, izinkan saya untuk menjawab semua perkara yang diajukan oleh Yang Berhormat Senator mengikut isu-isu yang dibangkitkan.

Isu yang pertama berkaitan dengan usahawan bumiputera dan wanita luar bandar. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan dan Yang Berhormat Senator Puan Susan Chemerai Anding membangkitkan isu berkenaan usahawan bumiputera dan wanita di luar bandar.

Yang Berhormat Senator Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan mencadangkan supaya MARA mengadakan program membina keluarga usahawan untuk bumiputera. Kerajaan sememangnya komited dalam meningkatkan penglibatan bumiputera dalam keusahawanan melalui agensi di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah, MARA merupakan agensi utama yang memberi fokus ke arah peningkatan sosioekonomi masyarakat bumiputera melalui bidang keusahawanan.

MARA menyediakan platform seawal peringkat pendidikan *tertiary*, iaitu melalui pendidikan MARA yang mana kursus-kursus serta silibus yang menerapkan nilai-nilai keusahawanan dilaksanakan.

Memandangkan MARA mempunyai kapasiti untuk *bridging the gap*, dengan izin, daripada pendidikan ke keusahawanan melalui ekosistem MARA yang lengkap dan terangkum bagi membina keupayaan modal insan bumiputera untuk melibatkan diri dalam bidang keusahawanan, seterusnya melahirkan komuniti keluarga usahawan yang dinamik.

Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya bertanya? Yang Berhormat, terima kasih atas penjelasan tetapi, saya kira penjelasan itu agak sedikit tersasar daripada pertanyaan saya. Saya tidak mempersoalkan adanya program pendidikan formal peringkat pengajian tinggi atau pun institusi di bawah MARA.

Akan tetapi, program khusus yang dapat melahirkan keluarga niagawan, keluarga usahawan. Hal ini yang saya bandingkan dengan tradisi rakan-rakan kita, kaum Cina, yang cukup kuat. Jadi, kalau MARA dapat membuat satu program khusus bagi masyarakat desa, khususnya, saya kira soal kemiskinan tegar itu akan dapat diatasi.

Adakah, misalnya, Yang Berhormat mempunyai perangkaan sejauh mana telah dapat diwujudkan usahawan bumiputera di desa-desa khususnya? Terima kasih.

Datuk Rubiah binti Haji Wang: Terima kasih, Yang Berhormat Senator. Jawapan saya belum habis sebenarnya. Baru mula sekali, sebab di bawah MARA ini, kita mempunyai satu ekosistem yang lengkap bermula daripada pendidikan terus mewujudkan kumpulan keusahawanan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Beliau baru dapat hujung. Pangkal belum sampai, kan?

Datuk Rubiah binti Haji Wang: Belum sampai lagi. Justeru itu, antara inisiatif dan program yang dilaksanakan, melalui sistem kurikulum pendidikan MARA, elemen keusahawanan disuntik dalam kurikulum pendidikan MARA yang mana ia dilaksanakan bermula daripada pendidikan menengah, MRSM. Semua silibus tentang keusahawanan mula diterapkan.

Sehingga ke pendidikan *tertiary* MARA, seperti Giat MARA, IKM, KKM, KPM, KPTM, UniKL dan GMI. Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, program-program khusus dirangka buat para pelajar TVET MARA, di mana mereka dilatih untuk menjadi usahawan sejak mereka mula belajar dan prestasi akademik dinilai berdasarkan nilai jualan. Maksudnya, pensijilannya berdasarkan nilai jualan, bukannya *based* dengan gred.

Program tekhnousahawan yang melibatkan usahawan belia, seperti program tekno-usahawan dalam bidang perabot, bidang elektrik, pelaksanaan Akademi Keusahawanan Luar Bandar di bawah KPTM, Program *Training Income Generation* (TRIG) di bawah Giat MARA dan Program Genesis, UniKL.

Seperti contoh KKTM, MJII, dan IKM menawarkan lapan program diploma tekno-keusahawanan dalam pelbagai bidang seperti Diploma Tekno Usahawan Fesyen, Diploma Penyejukan dan Pengaman Udara, Diploma *Upholstery*, Diploma Pembinaan dan Penyelenggaraan Landskap, Diploma Reka bentuk dan Pengeluaran Fabrik, Diploma Baik Pulih Cat Badan Kenderaan dan Diploma Elektronik.

Program ini mensasarkan lebih ramai usahawan teknikal menggunakan konsep *technoprenuer based training*, dengan izin, di mana pencapaian pelajar diukur melalui jualan yang telah ditetapkan. Sehingga kini, seramai 216 orang usahawan telah dilahirkan melalui program ini.

Seterusnya, bagi menyokong inisiatif yang dilaksanakan dalam sektor pendidikan. Sektor keusahawanan MARA menyambut para pelajar dan usahawan-usahawan yang baharu

yang mana mereka akan diperkenalkan kepada program latihan keusahawanan melalui penawaran program latihan keusahawanan yang berstruktur dan terancang.

Pengenalan silibus latihan juga mengikut peredaran semasa perubahan lensa pembangunan keusahawanan dan memenuhi keperluan industri. Tambahan daripada itu, melalui pewujudan pusat inkubator, MARA menyediakan ruang dan kelengkapan perniagaan, memberikan fokus kepada pembangunan usahawan bagi menyambut serta memberi peluang kepada pelajar.

Sehingga kini, terdapat 45 buah pusat inkubator telah diwujudkan di seluruh negara, di bawah program *Startup Accelerator Programme* (STAR) dan seramai 227 orang usahawan baharu daripada graduan institusi pendidikan MARA yang telah dilahirkan melalui inisiatif ini.

Susulan itu, bagi membantu pengembangan perniagaan usahawan, MARA juga menawarkan skim pembiayaan perniagaan di bawah Skim Pembiayaan Belia, Skim Pembiayaan Lepas IPMa, Skim Pembiayaan Usahawan Teknikal (PUTEK), Skim Pembiayaan Mudah Jaya (SPiM), Skim Pembiayaan Mudah Jaya Usahawan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang akhir tadi, Yang Berhormat apa, “putet”..?

Datuk Rubiah binti Haji Wang: PUTEK.

Tuan Yang di-Pertua: Oh..., putik, tak?

Datuk Rubiah binti Haji Wang: [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Buah berputik. Bermakna, putiklah. Bukan “putek”.

Datuk Rubiah binti Haji Wang: Program Pembangunan Usahawan Profesional, (ProSPEC) dan Program Pembangunan Usahawan Teknikal (PUTEK) untuk membantu meningkatkan lagi taraf perniagaan mereka.

Untuk makluman Yang Berhormat, usahawan yang telah dilahirkan oleh MARA semenjak RMKe-1 lagi adalah seramai 1.2 juta orang yang telah dilahirkan sehingga RMKe-12. Daripada RMKe-1 dan sehingga RMKe-12, seramai 1.2 juta orang.

■1150

Yang Berhormat Senator Puan Susan Chemerai Anding meminta kerajaan memberi tumpuan kepada program keusahawanan dan kemahiran kepada wanita luar bandar khususnya di Sarawak. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, di bawah KKDW pada masa ini terdapat Pusat Komuniti Desa (PKD) yang melaksanakan program-program meningkatkan taraf hidup dan kesejahteraan wanita. Selain menganjurkan latihan kemahiran seperti jahitan, masakan, urutan tradisional, pembuatan sabun dan sebagainya, PKD turut berperanan sebagai pusat pengumpulan produk-produk usahawan desa.

Pada tahun 2023, sebanyak 16 program kemahiran dilaksanakan di enam PKD di negeri Sarawak melibatkan 323 orang wanita. Di bawah KKDW juga terdapat Program Desamall yang membantu usahawan-usahawan luar bandar memasarkan produk-produk mereka dalam platform e-Dagang popular seperti *Shopee*, *Lazada*, *Wowshop* dan lain-lain.

Sehingga Februari 2023 seramai 3,098 orang ataupun 75 peratus usahawan telah menyertai Desamall dan wanita- seramai 233 orang ataupun lima peratus daripadanya berasal dari Sarawak.

Sehingga kini kementerian juga melalui FELCRA Bhd. telah menubuhkan 78 orang Wanita Dinamis FELCRA yang singkatannya kita sebut WADIRA di seluruh negara dengan keahlian seramai 16,690 orang. Manakala di Sarawak empat buah WADIRA dengan keahlian seramai 1,327 orang.

Pertubuhan WADIRA FELCRA telah melalui tempoh pembaharuan apabila pertubuhan ini terlibat secara langsung dalam aktiviti-aktiviti keusahawanan dan juga aktiviti-aktiviti ekonomi tambahan yang berteraskan konsep *urban farming* seperti projek fertigasi. Sehingga kini sebanyak 22 projek fertigasi yang diuruskan dikendalikan oleh WADIRA melibatkan 2,000 *polybags* dengan tanaman cili dan sayuran terpilih.

Manakala di Negeri Sarawak terdapat dua projek fertigasi melibatkan 2,000 *polybags* dengan tanaman yang sama. Menerusi projek ini, ahli WADIRA telah didedahkan dengan teknologi terkini penanaman secara fertigasi dan juga meneroka pasaran untuk menjual hasil-hasil tanaman mereka.

Selain daripada projek fertigasi, usahawan wanita Negeri Sarawak turut mengeluarkan produk-produk lain seperti tenunan songket Sarawak, sulaman keringkam yang merupakan di antara *signature product* dan lain-lain produk seperti pekasam, jahitan baju, kraf tangan, kuih lapis, kuih *frozen* dan pastri.

FELCRA Bhd. mengalu-alukan cadangan penubuhan pusat pengumpulan produk bertujuan membantu pemasaran hasil-hasil produk di atas. Kaedah pelaksanaan secara bersepadu dengan penglibatan semua agensi KKDW Negeri Sarawak merupakan cara yang terbaik dalam merealisasikan cadangan ini.

Selain daripada itu untuk makluman Yang Berhormat Senator, kementerian melalui Bahagian Pembangunan Usahawan Desa menawarkan program-program yang membantu usahawan luar bandar termasuk usahawan wanita luar bandar. Antaranya ialah program sokongan pengukuhan keusahawanan luar bandar. Program ini merupakan program bantuan pembiayaan berbentuk geran penuh sebanyak RM10,000 sebagai sokongan kepada usahawan mikro luar bandar bagi tujuan mengukuh dan mengembangkan perniagaan.

Program khusus yang bermula sejak tahun 2019 ini telah berjaya membantu seramai 2,036 orang usahawan sehingga kini. Daripada jumlah tersebut 115 orang usahawan adalah dari Sarawak di mana 67 orangnya merupakan usahawan wanita dengan nilai bantuan yang diterima melebihi RM400,000.

Program kedua, Program *Outreach* Keusahawanan. Penganjuran program mini Karnival Usahawan Desa (KUD) akan dapat membantu usahawan luar bandar memartabatkan produk dan perkhidmatan melalui perluasan akses pasaran dan peningkatan

aktiviti pemasaran usahawan-usahawan luar bandar sebagai sebuah platform bagi menyebarkan perkhidmatan-perkhidmatan yang ditawarkan oleh KKDW.

Pada tahun 2022, KKDW dengan kerjasama dengan agensi-agensi di bawahnya telah melaksanakan Mini KUD di Limbang, Sarawak dengan penglibatan 211 orang usahawan. Daripada jumlah tersebut, 70 peratus ataupun kira-kira seramai 150 orang merupakan usahawan wanita luar bandar tempatan. Bagi tahun 2023, KKDW menyasarkan untuk melaksanakan empat lagi program di seluruh negara termasuk Sarawak dengan menyasarkan sekurang-kurangnya 400 orang usahawan luar bandar.

Ketiga, Program Pembangunan Usahawan *Start Right* yang menyediakan pakej bantuan yang merangkumi latihan asas keusahawanan dan set peralatan dan model permulaan sehingga RM10,000 kepada usahawan berkemahiran lepasan TVET. Pada tahun 2022, enam orang usahawan wanita dari Sarawak yang menjalankan perniagaan seperti fesyen dan jahitan, fotografi, videografi serta spa dan dandanan telah menerima bantuan bernilai RM10,000 seorang.

Program keempat, *Rural Business Challenge* (RBC). Program ini merupakan program mengembangkan perniagaan menerusi pertandingan penyediaan rancangan perniagaan dalam kalangan belia luar bandar termasuk wanita seluruh Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tidak ada di kementerian terjemahkan kah *Rural Business Challenge*?

Datuk Rubiah binti Haji Wang: [Ketawa].

Tuan Yang di-Pertua: Pesan lah. Pesan pada kementerian.

Datuk Rubiah binti Haji Wang: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Bila sudah tidak kelu sangat lidah barulah pakai.

Datuk Rubiah binti Haji Wang: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau tidak pakai Bahasa Kebangsaan.

Datuk Rubiah binti Haji Wang: Okey. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas teguran tadi. Okey, program ini...

Tuan Yang di-Pertua: Cabaran Perniagaan Luar Bandar.

Datuk Rubiah binti Haji Wang: Cabaran Perniagaan Luar Bandar. Ya. Program ini telah melahirkan empat orang pemenang yang merupakan usahawan wanita luar bandar dari Sarawak dengan nilai geran diterima berjumlah RM1.28 juta.

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat Senator agar kerajaan menubuhkan pusat pengumpulan dengan jualan tunai. Cadangan tersebut akan kita ambil perhatian tertakluk kepada kesesuaian dan pelaksanaan program ini pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, isu kedua yang dibangkitkan dalam perbahasan ialah Program Pembangunan Infrastruktur Luar Bandar.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Noraini binti Idris; Yang Berhormat Senator Datuk John Ambrose; Yang Berhormat Senator Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol; dan Yang Berhormat Senator Tuan Abun Sui Anyit membangkitkan isu berkenaan Program Pembangunan Infrastruktur Luar Bandar.

Yang Berhormat Senator Datuk Noraini binti Idris minta KKDW membantu tiga buah daerah iaitu Pitas, Kota Marudu dan Tongod yang merupakan tiga buah daerah termiskin di Sabah daripada segi pembangunan projek desa melibatkan prasarana dan kemudahan utiliti.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kementerian ini mengambil maklum akan keperluan masyarakat luar bandar terutamanya di Sabah yang masih memerlukan kemudahan infrastruktur dan utiliti yang kebanyakannya masih jauh ketinggalan dan tiada akses perhubungan. Kementerian ini sentiasa mengadakan perbincangan bersama dengan kerajaan negeri dan juga agensi-agensi negeri terlibat bagi memberikan kemudahan infrastruktur yang terbaik khususnya kepada masyarakat luar bandar.

Untuk makluman Yang Berhormat, Program Jalan Luar Bandar telah menerima peruntukan RM1.88 bilion pada tahun 2023. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM292.49 juta telah diperuntukkan bagi menampung pelaksanaan 88 buah projek jalan luar bandar Wilayah Sabah.

■1200

Sebanyak RM13.95 juta diperuntukkan di daerah Kota Marudu. Sebanyak RM7.65 juta, bagi daerah Pitas dan sebanyak RM49.85 juta diperuntukkan untuk Daerah Tongod. Sehingga tahun 2022, kementerian telah memberikan bekalan elektrik kepada 136- terakhir ya. Kampung melibatkan 2,495 buah rumah di ketiga-tiga daerah berkenaan.

Selain itu, melalui Bajet 2023, kementerian juga diluluskan peruntukan melaksanakan dua lagi projek baharu di daerah-daerah berkenaan dengan kos masing-masing berjumlah RM40 juta. Pelantikan perunding bagi menjalankan kajian akan dibuat pada tahun ini dan projek dijangka di tender pada pertengahan tahun 2024.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan masa telah tamat. Sekali lagi Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah menjunjung kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan sentiasa prihatin dan mengambil berat tentang isu-isu pembangunan sosioekonomi masyarakat luar bandar. Bagi isu dan persoalan yang tidak sempat saya jawab pagi ini, saya mohon memberikan jawapan bertulis kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang terlibat, Tuan Yang di-Pertua.

Akhir sekali, KKDW sentiasa komited melaksanakan fungsi dan peranan kementerian untuk membangunkan masyarakat desa supaya jurang kemakmuran dengan bandar dapat dikurangkan, selaras dengan aspirasi Malaysia Madani yang diperkenalkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sekian, terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Majlis mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri KKDW. Saya ingin mengingatkan sebagai hanya panduan kepada para Menteri iaitu satu laman muka ucapan, lebih kurang tiga minit. Jadi kalau 20 minit, tujuh muka surat, selesai. Ambil pati-patinya sahaja, luahkan. Akan tetapi kalau kita pakai semua yang ditulis oleh pegawai-pegawai, sentiasa tak cukup masa.

Di situlah saya rasa, kepimpinan dan kecerdasan untuk membuat- atau ringkasan amat baik bagi sistem kita masa depan. Jadi, semua soalan dapat dijawab dan Ahli-ahli Yang Berhormat puas hati bahawa natijahnya telah bersua dengan soalan dan jawapan.

Saya dengan hormatnya mengemukakan giliran yang berikut kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup.

12.03 tgh.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup [Datuk Seri Salahuddin bin Ayub]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya berpantun.

Tuan Yang di-Pertua: Berpantun tak payah minta izin, terus... *[Dewan ketawa]* Yang Berhormat, terima kasih kami ucapkan dahulu... *[Ketawa]*

Datuk Seri Salahuddin bin Ayub: *[Ketawa]*

*Rais Yatim nama diberi,
Dari kecil sudah terpuji;
Manis dipandang berseri-seri,
Lemah lembut santun bestari.*

Tuan Yang di-Pertua: Ini susah nak jawab... *[Ketawa]*

*Bila suasana sudah berada,
Susah kita untuk ke sana;
Bila nama disebut sebagai ada,
Maka kita sama-sama timbangkan jua... [Ketawa][Tepuk]*

Datuk Seri Salahuddin bin Ayub: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dilipat sekecil kuku, di bentang seluas alam.

Tuan Yang di-Pertua: Itu saya punya dahulu.

Datuk Seri Salahuddin bin Ayub: Ya... *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: *Alhamdulillah* Yang Berhormat Menteri, saya tak nak tegur lagi dah... *[Ketawa]* *Alhamdulillah.*

Datuk Seri Salahuddin bin Ayub: Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, saya tidak pernah berpantun di Dewan Rakyat tetapi saya berpantun buat pertama kalinya di Dewan Negara kerana ramai budayawan, sahabat lama saya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, *alhamdulillah*.

Datuk Seri Salahuddin bin Ayub: Pengerusi Dewan Bahasa dan Pustaka pun ada di sini, tahniah. Izinkan saya untuk merafakkan sembah takzim kepada Yang di-Pertuan Agong ke atas kesudian Tuanku untuk merasmikan kedua-dua Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Hari ini giliran Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup untuk menjawab persoalan yang dikemukakan oleh rakan-rakan Senator yang ada dalam Dewan yang mulia ini.

Saya juga Tuan Yang di-Pertua mengucapkan tahniah atas pelantikan Senator-senator yang lama, yang baharu dan ada antaranya rakan-rakan seperjuangan dahulu. Walaupun berbeza parti dan perjuangan, namun rasa ikatan itu tetap utuh dan *insya-Allah*, silaturahim ini kekal selama-lamanya tanpa mengira siapa kita... [*Tepuk*]

Saya bermula dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat Senator Dato' Arman Azha Abu Hanifah; Yang Berhormat Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli; Yang Berhormat Senator Dato' Sivaraj; Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda yang untuk kesekian kalinya menyentuh tentang inisiatif Payung Rahmah yang saya telah panjang lebar membicarakannya di peringkat Dewan Rakyat, dan terima kasih kerana masih berpanjangan di peringkat Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan penuh rendah dirinya mengakui sejujurnya inisiatif ini sangat kecil lagi kerdil tetapi oleh sebab isu ini melibatkan perut rakyat dan saya bertegas untuk memastikan satu falsafah, jangan ada yang lapar dalam negara ini. Saya tak nak guna *phrase* bahasa Inggeris. Nanti ditegur oleh Tuan Yang di-Pertua. Itu Bahasa Malaysia yang terbaik yang boleh saya gunakan.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh, sesekali boleh, tak ada hal.

Datuk Seri Salahuddin bin Ayub: Tuan Yang di-Pertua, setakat hari ini, langsung tadi Yang Berhormat Senator Tuan Musoddak bin Ahmad menyebut dalam soalan pagi berkenaan dengan apakah yang dapat kita lakukan dalam tempoh jangka pendek ini. Dalam jualan Rahmah Tuan Yang di-Pertua, lebih 12,000 item dapat diskaun dan diturunkan harga. Sebanyak 12,000 barangan asas dan keperluan seharian dapat diturunkan.

Ini adalah berkat ataupun daripada usaha kita mengadakan libat urus dengan pemain-pemain industri *hypermarkets* yang memang mereka juga bersetuju dan walaupun mereka pun bukan Islam tetapi percaya juga mereka kepada apa yang dikatakan pahala dan ganjaran dalam konteks agama mereka. Lebih banyak mereka memberi, lebih banyak mereka akan diberikan keuntungannya.

Jadi konsep ini cuba kita suburkan dan saya harap “rahmah” ini bukan sekadar satu hari, tinggal pada bakul, pada jualan, pada kafe ataupun insurans tetapi ia menjadi satu nilai dalam masyarakat kita. Ini kerana ada gerai-gerai kecil- saya pernah terbaca di Terengganu, di Kelantan, di Selangor dan di negeri Perak Darul Ridzuan, mereka yang berduit yang mungkin ada lebih rezeki, bila dia makan pagi di mana-mana gerai atau kedai itu, di samping membayar harga makanan mereka tetapi mereka meninggalkan sebahagian daripada duit mereka itu untuk dia kata, yang ini nanti tolong bayar kepada mereka yang selepas dimakan itu.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, inilah maknanya nilai, suatu yang mesti abadi sebenarnya. Kalau ini konsep yang dapat kita letakkan dalam jiwa sifat rahmah ini, kerana ia sifat Allah SWT yang kita akan cuba letakkan supaya ia terpahat dalam hati sanubari kita dan ia mendapat manfaat kepada semua. Rahmah untuk semua.

Di samping itu sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, libat urus kita dengan syarikat seperti Jakel, Sabella, mereka menawarkan hampir tiga juta helai baju raya sama ada kurung lelaki, wanita dan kanak-kanak dengan harga yang sememangnya kita telah *check*. Tidak mungkin KPND akan mudah terpengaruh ataupun terlena dengan *sales*, dengan perkataan “Jual murah”. Sebagaimana menu yang telah kita pastikan. Ia bukan makanan *low class*, ia bukan makanan kelas rendah Tuan Yang di-Pertua, ia bukan makanan tepi jalan ataupun dimasak oleh periuk atau kualiti yang berasingan.

■1210

Demikian juga tekstil ataupun baju-baju yang ditawarkan. Pegawai kami sentiasa memantau dan kualiti kain itu mestilah berpadan dengan harga yang ditawarkan. Bukan maknanya baju yang memang sudah hendak lupus, koyak sana, rabak sini. Akan tetapi, dipastikan kualitinya juga. Jadi, apabila pelanggan yang membeli dengan harga Rahmah ini, mereka mendapat suatu barangan dengan kualiti yang kita pastikan bahawa ini bukan layanan secara remeh, layanan secara *melepaskan batok di tangga*. Akan tetapi, inisiatif ini memastikan rakyat yang memerlukan dapat manfaat dengan kualiti yang kita tidak pernah berkompromi.

Untuk itu, terima kasih kepada rakan-rakan Senator yang memberikan ulasan ataupun pandangan hatta kritikan terhadap inisiatif ini. Saya terima sejujurnya dengan baik. Kita akan perbaiki dari semasa ke semasa kerana ini urusan harian rakyat yang mesti kita pantas dan KPND adalah merupakan kementerian yang paling ke hadapan, yang paling awal diberikan kritikan, yang paling awal diberikan teguran oleh rakyat sekiranya berlaku kepincangan ataupun kenaikan harga yang melampau ataupun berlakunya pencatutan yang sering kali menjadi isu di dalam negara kita.

Oleh itu, saya harap kita dapat menyebarluaskan kepada sanak saudara kita di mana *Jakel*, *Sabella*, dan *hypermarkets* ini mereka ada cawangan-cawangan mereka yang besar di

seluruh negara. Ini peluang untuk mereka mendapatkan harga yang terbaik. Saya sudah sebut tadi, kalau sebelum ini bajet kita RM500 untuk beli baju raya keluarga, dahulu mungkin dapat dua pasang. Sekarang dengan Jualan Rahmah ini, rakyat dapat barangan yang berkualiti mungkin empat ataupun lima pasang. Ini sudah cukup untuk kita membantu sedikit rakyat dalam mendepani kos sara hidup yang semakin mencabar, yang bukan sekadar berlaku dalam negara kita tetapi fenomena ini juga berlaku pada peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin meneruskan apa yang telah disebut oleh rakan-rakan...

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mencelah sedikit mengenai Rahmah tadi?

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: Rahmah ini tadi ada bercakap fasal kain, baju untuk hari raya dan sebagainya. Kalau makanan, Menu Rahmah ini kita tahu harga RM5 apa kita dapat. Dapat air, makanan dan sebagainya. Kalau *Jake!* buat dan syarikat-syarikat lain buat untuk pakaian baju Melayu dan baju kurung tadi, berapakah harga yang dikatakan harga Rahmah ini? Boleh kita tetapkan standard harga? Kerajaan tetapkan.

Datuk Seri Salahuddin bin Ayub: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan yang bagus yang sering kali saya berikan panduan kepada rakan-rakan media khususnya. Yang RM5 itu hanya menu. Hanya menu, mereka boleh menjualnya ataupun menawarkannya RM5 dan ke bawah.

Sebagai contoh, rakan saya Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi, dengan bajet yang ada di kementerian, Kementerian Pengajian Tinggi telah subsidikan pula gerai-gerai ataupun kedai-kedai di universiti awam untuk tidak mengambil sewa. Daripada RM5 itu dapat diturunkan lagi kepada RM3.50. Ini memberikan manfaat kepada hampir 300,000 orang pelajar kita di IPTA. Sekarang Tuan Yang di-Pertua, kalau di IPTA dengan bajet RM10 bagi B40, RM10 selesai untuk sarapan pagi RM2.50, makan tengah hari dan juga makan malam. Dengan RM10, dengan adanya inisiatif Rahmah ini. *Alhamdulillah*.

Bagi jualan, bagi *sales* bukan RM5. Contoh, saya pernah- ini pengalaman saya cerita yang saya. Pada suatu tahun itu Tuan Yang di-Pertua, isteri saya tidak sempat jahit. Isteri saya orang Johor, dia akan jahit baju Melayu teluk belanga, tulang belut. Itu keutamaan Johor, *niche* orang Johor. Satu hari pada tahun itu saya tidak sempat pergi ke *Jake!* di kawasan Parlimen saya di Johor Bahru. Kalau set ataupun model daripada nama Aaron Aziz, sebagai contoh, ataupun Nabil, harganya RM350. Memang baju yang berkualiti, yang bergaya.

Apabila mereka mengadakan tawaran Rahmah- sebelum itu, dia buat juga *sales*; daripada RM378 ia turun kepada RM258. Apabila kita libat urus dengan *Jake!* tentang Rahmah, mereka menurunkan kepada RM148. Ini dijual satu juta pasang bagi yang model Aaron Aziz dan satu juta pasang untuk model Nabil di seluruh pasar raya *Jake!* di seluruh

negara. Ini sudah cukup, Tuan Yang di-Pertua, untuk meredakan bajet, untuk dipakai oleh rakyat yang memerlukan dan sudah pasti ini menggembirakan mereka. Itu tentang beza menu RM5 dengan jualan.

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: Yang Berhormat Menteri, maknanya kita boleh *announce* kepada rakyatlah bahawa RM148 ini di *Jakel*, harganya kain Rahmah. Macam itu?

Datuk Seri Salahuddin bin Ayub: Ya. RM148 itu Jualan Rahmah.

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: Jualan Rahmah.

Datuk Seri Salahuddin bin Ayub: Ia ada labelnya di situ.

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: Maknanya, rakyat Kuala Lumpur boleh menikmati baju raya RM148.

Datuk Seri Salahuddin bin Ayub: Ya.

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: Terima kasih.

Datuk Seri Salahuddin bin Ayub: Untuk pakej yang telah ditetapkan di *Jakel*...

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: Pakej yang telah dipersetujui. Nanti kita serbu ramai-ramai di *Jakel*.

Datuk Seri Salahuddin bin Ayub: Ya, sila. Memang *Jakel* pun meminta untuk kita sebar luaskan perkara ini dan mereka akan berikan tawaran ini sehingga akhir Syawal. Bukan sekadar semasa Ramadan; di akhir Syawal, kerana mereka pun kata selepas balik kampung, orang Kuala Lumpur akan beraya juga untuk satu bulan. Jadi, dua bulan mereka menawarkan harga ini.

Sekiranya ada komplain, ada rungutan, atau aduan tentang kualiti contohnya, maka sila adukan kepada KPDM. Sememangnya kita memberikan suatu perjanjian dengan pemain industri; kita tidak akan bertolak ansur tentang kualiti sama ada menu ataupun pakaian.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh kita sama-sama Yang Berhormat Menteri, anggota Senat yang lelaki dahulu kita beli sepasang seorang. Akan tetapi, kita bayar sendiri. Kita hendak tunjuk bahawa apa yang dianjurkan oleh kementerian dan Yang Berhormat Menteri ini adalah realiti atau kenyataan di bawah. Kita beli sepasang seorang. Kalau RM148 itu, saya fikir kita mampu. Kita tunjuk bahawa anggota Senat di Malaysia pakai baju yang dianjurkan secara Rahmah.

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: Lagi satu, Yang Berhormat Menteri. Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Wanita macam mana?... *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Itu kena runding dengan Yang Berhormat Menteri... *[Ketawa]*

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: Yang Berhormat Menteri, minta maaf. Lagi satu. Harga RM148 ini, berapa pasang baju rakyat boleh beli untuk seorang...? Sebabnya *you* bagi satu juta tadi, saya takut pemborong yang beli, bukannya yang pengguna akhir. Kalau kita boleh tetapkan Rahmah di *Jakel*, satu orang boleh beli satu, dua pasang, lagi bagus. Kalau

tidak esok, yang kita bercakap RM148 ini rakyat tidak dapat, dia pula yang jadi orang tengah, orang lain pula dapat. Masalah. Sasaran kerajaan itu tidak tercapai.

Datuk Seri Salahuddin bin Ayub: Tuan Yang di-Pertua, semasa libat urus kita perincikan. Jakel ataupun mana-mana jenama gedung tahu orang datang itu untuk borong ataupun untuk membeli. Mereka akan kawal dalaman mereka. Yang ditawarkan semasa kita libat urus adalah boleh beli sebanyak mana pun. Kalau keluarga hendak beli, satu keluarga itu tidak menjadi masalah. Termasuk juga wanita. Untuk wanita ini, kita tidak letakkan harga macam baju Melayu sebab wanita ini ada banyak- minta maaf Tuan Yang di-Pertua, *accessories* ini Bahasa Melayunya apa?

Tuan Yang di-Pertua: *Hidden*. Cakap Melayunya? Yang terlindung.

Datuk Seri Salahuddin bin Ayub: *Accessories*. Nilai tambah. Ada maniknya, *brooch*-nya. Harga itu tidak... *[Disampuk]* Saya bimbang fasal ini Dewan Negara. Ada Yang Berhormat Senator Datuk Seri Dr. Awang Sariyan di sini. Nanti saya ditegur nanti... *[Ketawa]*

Baik, itu boleh beli di *Jakel* termasuk lelaki dan juga wanita dan kanak-kanak. Juga di *MYDIN*, dalam kategori. Ini bukan kita hendak kelaskan masyarakat, tidak. Yang mahukan harga yang lebih bawah dengan kualiti juga yang telah kita periksa, baju Melayu, baju kurung serendah RM30. Ini di *MYDIN* yang telah juga menawarkan jualan raya ini. *Insyallah* boleh dibeli dan dilihat tentang kualitinya.

■1220

Saya masuk kepada Yang Berhormat Senator Dato' Arman Azha Abu Hanifah; Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Dominic Lau; Yang Berhormat Senator Datin Hajah Ros Suryati binti Alang; Yang Berhormat Senator Dato' Juhanis binti Abd Aziz; Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair; dan Yang Berhormat Senator Datuk Teo Eng Tee; Yang Berhormat Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail; Yang Berhormat Senator Tuan Abdul Nasir bin Haji Idris; dan Yang Berhormat Senator Tuan Amir bin Ghazali yang membangkitkan tentang kos sara hidup yang bukan hanya persoalan makanan tetapi pelbagai dimensi yang mesti ditangani secara tuntas.

Dalam kita berbicara tentang kos sara hidup ini, Tuan Yang di-Pertua, perlu diingat bahawa KPDN tidak boleh bertindak bersendirian ataupun bekerja bersendirian. Rakan sebelah saya ini, Yang Berhormat Menteri Ekonomi merupakan rakan paling penting di dalam membantu dan kami berada dalam Majlis Kos Sara Hidup (NACCOL) yang di dalamnya 11 kementerian.

Bila kita berbicara tentang kos sara hidup, pastinya ia melibatkan enam- teras yang penting dalam kehidupan manusia iaitu pendidikan, kesihatan, perubatan, utiliti, pembangunan dan makanan. Ini yang sangat penting. Enam- teras ini merupakan komponen yang akan menentukan isu kos sara hidup ini dapat ditangani dengan tuntas ataupun tidak.

Sebagai contoh yang boleh kita kongsi pada hari ini, tentang mengambil ataupun menggamit kembali FDI masuk dalam negara kita. Ini tugas sudah barang pasti pada MITI yang akan pantas untuk menggamit kembali peranan syarikat-syarikat multinasional untuk datang balik ke dalam negara kita. Rakan saya, Yang Berhormat Menteri Ekonomi dengan program jangka panjang dan beliau telah, *alhamdulillah*, diberikan bajet sebanyak RM750 juta dalam inisiatif IPR untuk meningkatkan pendapatan B40, sebagai contoh. Kemudian, kita juga menerusi Kementerian Pendidikan, Kementerian Pengangkutan, pelbagai inisiatif yang kita bincang bagi kita mendepani kos sara hidup ini.

Maka dengan itu, kita mengamalkan suatu pendekatan pelbagai strategi, dengan izin, *multi-pronged strategy* untuk kita mendepani kos ini. Saya sejujurnya mengakui walaupun nama kementerian ini diletakkan di hujungnya iaitu "Kos sara hidup", namun untuk kita menyelesaikan secara tuntas, ia sudah barang pasti memerlukan kolaborasi yang sangat erat di antara satu sama lain.

Sebagai contoh, isu perumahan yang juga kita tidak hanya perhatikan golongan B40 tetapi golongan M40 sangat terkesan dengan isu perumahan. Maka, dengan pelbagai inisiatif dan insentif yang dilakukan, kita ada Syarikat Perumahan Negara, kita ada PRIMA dan seumpamanya, semua isu yang seperti ini kita bincang secara tuntas dalam Mesyuarat NACCOL yang kadang-kadang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan sekiranya beliau tidak berkesempatan, ditugaskan kepada Yang Amat Berhormat Timbalan-timbalan Perdana Menteri untuk membincangkan tentang isu-isu yang berkaitan dengan kos sara hidup ini.

Maka dengan itu, saya dah sebut tadi bahawa antara perkara-perkara yang sangat kita teliti ialah tentang bagaimana kita mengambil keputusan, Jemaah Menteri mengambil keputusan untuk tidak menaikkan tarif elektrik kepada golongan-golongan PMKS, industri yang terlibat dalam PMKS, rumah-rumah rakyat biasa. Itu kita tidak naikkan tarif tetapi kita menanggung subsidi yang diteruskan oleh pihak kerajaan yang telah saya detilkan pada pagi tadi dalam setiap item itu dalam jawapan saya pada pagi tadi.

Ini kerana saya hendak cuba, Tuan Yang di-Pertua, menjawab rakan-rakan yang bertanya. Saya tidak perlu ulang apa yang telah saya sebut pada pagi tadi. Kemudian KPDN juga, kita telah memperkukuhkan dan memperkayakan, mendaya upayakan pasukan penguatkuasaan kita.

Dalam pertemuan baru-baru ini, Tuan Yang di-Pertua, dengan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah pun datang, walaupun kerajaan yang lama, untuk satu libat urus makan malam, kita mengharapkan supaya Bahagian Penguatkuasa KPDN ini dapat dinaikkan ke tahap jabatan kerana kita memerlukan kepada satu status yang lebih tinggi. Dengan adanya jabatan itu, maka peranan penguat kuasa itu akan menjadi lebih efektif.

Walaupun ia memerlukan bajet daripada pihak kerajaan tetapi kertas itu, *insya-Allah*, saya akan bawa ke peringkat Jemaah Menteri untuk diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, demikian juga dengan kita mengawal skim kawalan harga musim perayaan. Ini kita teruskan kerana kita ingin memberikan sedikit kegembiraan, paling tidak pun pada enam perayaan besar dalam negara kita. Semasa kami, Kerajaan Perpaduan masuk dalam kerajaan, bermula dengan Krismas, kita telah mengadakan atau memulakan kembali skim kawalan harga musim perayaan ini, dan kemudian kepada Tahun Baru Cina dan, *insya-Allah*, minggu depan, saya akan mengumumkan kawalan harga maksimum bagi perayaan Hari Raya Aidilfitri yang kita cadangkan tujuh hari sebelum, dua hari semasa dan tujuh hari selepas.

Itu pun kita akan bincang secara tuntas dengan semua pemain industri terutamanya yang melibatkan bahan mentah dan juga barang-barang kawalan dan juga barang-barang keperluan rakyat yang saya mencadangkan tahun ini kita akan meningkatkan, *insya-Allah*, kalau boleh, sehingga kepada 30 barangan. Ini cadangan saya dahulu. Saya sebut di sini, 30 barangan keperluan rakyat yang dapat dijual nanti pada musim ini dan tempoh ini untuk memberikan kelegaan kepada rakyat yang berbelanja semasa menyambut bulan Ramadhan dan juga Hari Raya Aidilfitri.

Demikian juga dengan Mesyuarat NACCOL, saya dah sebut tadi. Subsidi bersasar ini merupakan jalan yang kita anggap paling bijak untuk kita merealisasikan kembali semua subsidi yang kita berikan kepada rakyat kerana jumlahnya telah menjadi terlalu besar. Saya dah sebut tadi tentang petrol, diesel, LPG yang mencecah sehingga RM26.6 bilion; minyak masak, RM2.4 bilion; tarif elektrik, RM5.8 bilion; dan juga bantuan tunai yang diumumkan sebanyak RM9.5 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita sedang memperlengkapkan dan memperkemas semua data kita. Sekali lagi, kementerian sahabat saya melalui DOSM juga bertanggungjawab untuk melengkapkan data-data ini. KPND sentiasa memberikan kerjasama. Dan sampai masanya esok, akhirnya semua pakar ekonomi, pandangan-pandangan mereka yang terlibat dalam sektor ini berpandangan cara paling baik adalah untuk kita melaksanakan subsidi bersasar. Akan tetapi, KPND juga mengambil pendekatan, dengan izin Tuan Yang di-Pertua- tak dapat lagi ini Bahasa Melayu untuk *soft landing*.

Tuan Yang di-Pertua: Saya?

Datuk Seri Salahuddin bin Ayub: Bahasa Melayu untuk *soft landing*. Maknanya kita beransur-ansurlah, secara perlahan-lahan.

Tuan Yang di-Pertua: Mendarat perlahan.

Datuk Seri Salahuddin bin Ayub: Mendarat perlahan?

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Seri Salahuddin bin Ayub: [*Ketawa*] Dalam kita mendepani isu ini. Kalau tidak nanti, Tuan Yang di-Pertua, kalau hari ini saya rasa kalau minyak RON95 diapungkan, lebih kurang RM3.35 lah, lebih kuranglah, kalau diapungkan, kalau hari ini kita umum, esok dilaksanakan, T20 pun marah.

Jadi, kita mesti ada satu tempoh masa. Kita mesti beritahu dengan langkah-langkah strategi supaya satu masa esok, kita boleh melaksanakan subsidi bersasar ini kerana dengan penjimatan kita terhadap- bila kita adakan ataupun kita laksanakan subsidi bersasar ini, kita dapat alihkan bajet itu ataupun jumlah itu untuk kita memberikan sokongan kepada sektor-sektor yang lain yang juga lebih bersasar untuk kita mempercepatkan pertumbuhan ekonomi dalam negeri kita, *insya-Allah*, pada masa akan datang.

Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris ingin bertanya tentang Akta Persaingan, Akta 712 di mana mereka yang bersekongkol- kartellah ini ya.

■1230

Maknanya beberapa kumpulan yang berpakat-pakat untuk menentukan harga barangan. Ini memang tidak diizinkan. Kita ada akta yang jelas, Akta Persaingan 2010 [*Akta 712*]. Dalam rekod kementerian, kita telah mengambil beberapa tindakan tegas. Mereka berkumpul ini, mereka berpakat sama ada mereka hendak menaikkan harga ataupun mereka boleh menurunkan harga untuk membunuh pesaing-pesaing mereka. Ini sama sekali tidak kita izinkan dalam sistem dalam negara kita.

Oleh itu, terdapat empat ataupun lima buah syarikat besar yang telah kita ambil tindakan seperti Dindings Poultry Development Centre Sdn. Bhd., AFM Berhad, Gold Coin Feedmills (M) Sdn. Bhd., Leong Hup Feedmill Malaysia Sdn. Bhd. dan PK Agro-Industrial Products (M) Sdn. Bhd. yang telah kita ambil tindakan dan telah kita berikan mereka satu jumlah denda yang munasabah.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, tentang isu minyak...

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Minta penjelasan.

Datuk Razali bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, ini soalan saya. Soalan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Razali, soalan dia.

Datuk Razali bin Idris: Okey. Yang Berhormat Menteri, berkenaan dengan kartel ini, boleh tidak saya hendak cadangkan supaya pihak kerajaan mempamerkan kartel di setiap bidang. Maksudnya, kalau kartel sayur-sayuran, siapa yang menjadi kartel. Kalau daging, siapa dan sebagainya. Kalau tidak, ia akan menjadi- ya lah, hari ini dia berhenti. Lama, dia datang lagi. Kalau kita sebar, saya rasa dia agak malu untuk membuat perkara kali yang kedua. Terima kasih.

Datuk Seri Salahuddin bin Ayub: Tuan Yang di-Pertua, untuk jawapan itu, kita pun sebagai kerajaan tidak boleh melakukan satu tindakan tanpa satu *evidence* ataupun satu fakta yang betul. Kita bukan kerajaan tepi jalan, mana-mana kerajaan pun. Jadi, yang telah kita

ambil tindakan itu boleh kita jadi maklumat yang umum. Akan tetapi untuk kita tuduh ini kartel ataupun mereka kartel, itu juga ada implikasi perundangan bagi pihak kerajaan.

Namun begitu, KPDN sentiasa mengawasi perkara ini. Dalam laman web MYCC, semua keputusan itu ada dan boleh diakses oleh sesiapa yang ingin tahu syarikat-syarikat manakah yang kita telah kategorikan atau boleh kita anggap sebagai kartel dan tindakan perundangan telah pun diberikan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, masa sudah habis. Saya...

Tuan Sr. Haji Mohd Apani bin Mohamad: Penjelasan tambahan boleh Tuan Yang di-Pertua? Satu.

Tuan Yang di-Pertua: Apakah celahan dia?

Tuan Sr. Haji Mohd Apani bin Mohamad: Celahan dia tentang perdagangan dalam negeri. Saya hendak tanya tentang simen. Simen Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Salahuddin bin Ayub: Simen tidak termasuk dalam perbincangan.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak masuk dalam dia punya skop. Ini perkara baharu.

Tuan Sr. Haji Mohd Apani bin Mohamad: Okeylah. Tidak apalah. *Assalamualaikum... [Ketawa]*

Datuk Seri Salahuddin bin Ayub: Saya ada jawab di Dewan Rakyat. Nanti kalau Yang Berhormat mahu, saya bekalkan nanti jawapan saya dalam Dewan Rakyat.

Akhir sekali tentang minyak masak, satu nafas. Umumnya, tidak ada krisis bekalan. Umumnya. Akan tetapi sekiranya berlaku di tempat-tempat tertentu, di lokasi tertentu dan masa-masa tertentu, itu ada isu tempatan yang KPDN kena perhatikan. Contohnya, peruncit tidak bayar hutang, *supply* tidak datang.

Ada kes macam itu ataupun memang ada gangguan di tempat itu akibat mungkin berlakunya rangkaian bekalan yang tidak dapat dilakukan pada masa dan ketika itu. KPDN pantas, segera termasuk saya yang diberikan maklumat dan pegawai, dan kita dapat selesaikan dalam masa tiga ataupun empat jam untuk pulihkan kembali bekalan. Secara umum, tidak ada masalah tentang minyak masak *insya-Allah*, semasa perayaan Ramadan dan juga sambutan Hari Raya Aidilfitri.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sebanyak-banyaknya atas masa yang diberikan. Mudah-mudahan kita dapat manfaat Ramadan yang mulia ini dan diberikan keberkatan kepada semua. *Rahmah for all*. Rahmah untuk semua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Tuan Yang di-Pertua: Majlis dalam Dewan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Menteri yang memberi analisis jawapan serta jaminan atas tanggungjawab di bawah kementerian beliau.

Seterusnya, kita mohon Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim.

12.35 tgh.

Timbalan Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim [Dato' Sri Huang Tiong Sii]: Salam sejahtera, salam Malaysia Madani. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya menjawab pertanyaan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, sukacita saya menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan menjunjung kasih ke atas Titah Diraja semasa istiadat pembukaan Mesyuarat Pertama, Parlimen Kelima Belas pada 13 Februari yang lalu.

Terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator. Seramai lapan orang yang antara lain telah menyentuh portfolio Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC). Semua pandangan, teguran dan cadangan yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berhubung perkara yang telah dibangkitkan berkaitan NRECC amatlah dihargai. Saya akan menjawab ke atas perbahasan ini mengikut empat isu utama seperti berikut. Pertama, bekalan air. Kedua, banjir. Ketiga, hakisan dan keempat, alam sekitar dan perubahan iklim.

Isu pertama, bekalan air. Saya akan mulakan dengan isu bekalan air. Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad mohon kerajaan menangani segala isu bekalan air di negeri Kelantan dan mohon kerajaan mencadangkan mekanisme bagaimana air tidak terhasil- *non-renewable water* dapat disasarkan sehingga pada tahap 20 atau 25 peratus dan seterusnya kebocoran dapat diatasi.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah peruntukan pembangunan *Rolling Plan* Ketiga Rancangan Malaysia Kedua Belas, Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan RM10.25 juta bagi melaksanakan projek air untuk negeri Kelantan dan kemudahan pinjaman daripada Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) sebanyak RM664.8 juta di bawah tempoh operasi keempat.

Berhubung dengan isu air tidak terhasil ataupun, dengan izin, *non-renewable water* (NRW), Kerajaan Persekutuan telah memulakan Program Pengurangan NRW Kebangsaan pada tahun 2017 dengan jumlah peruntukan RM1.9 bilion bagi mengurangkan kadar NRW secara berterusan. Program ini dilaksanakan melalui dua pendekatan iaitu pendekatan satu, untuk mendapatkan kadar asas NRW secara tepat dan pendekatan kedua, melibatkan pengurusan NRW secara berterusan.

Pendekatan satu memfokuskan kepada negeri-negeri yang mencatatkan kadar purata NRW melebihi 40 peratus melalui peruntukan secara geran. Negeri yang terlibat dalam pendekatan ini adalah Perlis, Pahang, Kelantan, Sabah, Sarawak, Kedah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Di bawah pendekatan satu ini, kerajaan memperuntukkan sebanyak RM150 juta di bawah RP3 tahun 2023, RMKe-12. Manakala pendekatan kedua merupakan inisiatif yang ditawarkan sebagai galakan kepada operator bekalan air untuk melaksanakan

Program Pengurangan NRW secara berterusan yang diberikan melalui konsep geran sepadan yang melibatkan negeri-negeri...

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh penjelasan tambahan? Negeri-negeri yang tersebut yang disebutkan tadi, sasarannya berapa *percent* NRW dan bila jangkaan kerajaan dapat dihasilkan di bawah peratusan tertentu NRW? Boleh dapat jawapan tidak Yang Berhormat Dato' Sri?

■1240

Dato' Sri Huang Tiong Sii: Ya, terima kasih Yang Berhormat Senator. Dalam tangan saya sekarang itu jawapan tiada berkaitan, nanti saya *kasi* jawapan secara bertulis. Terima kasih Yang Berhormat. Saya teruskan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Cuma bila ada komitmen hendak memberi jawapan bertulis, hendaklah sebenarnya diberi.

Dato' Sri Huang Tiong Sii: Okey.

Tuan Yang di-Pertua: Banyak komitmen bagi jawapan bertulis tetap tidak beri. Jadi kita hendak beri penegasan supaya betul-betul diberi selepas menjawab ataupun dalam tempoh yang diberi oleh Setiausaha Dewan Negara.

Dato' Sri Huang Tiong Sii: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan. Hal yang melibatkan negeri-negeri yang mencatatkan kadar NRW kurang daripada 40 peratus iaitu negeri Melaka, Pulau Pinang, Johor, Negeri Sembilan, Perak, Terengganu dan Selangor. Melalui pendekatan ini, kerajaan menyediakan insentif berjumlah RM1.371 bilion dalam bentuk imbuhan balik sebanyak 50 peratus hingga 75 peratus daripada perbelanjaan yang dilakukan oleh syarikat-syarikat air bagi mencapai sasaran yang ditetapkan.

Yang Berhormat Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff, mohon menyertakan langkah dan tindakan kerajaan untuk proses penukaran paip lama yang telah wujud bagi memastikan bekalan air bersih di negeri Kelantan. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator, bagi memantau dan menyelesaikan masalah bekalan air di negeri Kelantan, NRCC telah melaksanakan tindakan intervensi menerusi penubuhan jawatankuasa khas isu bekalan air Kelantan.

Bagi memastikan bekalan air bersih yang stabil dan mengatasi kehilangan air secara fizikal di negeri Kelantan, Syarikat Air Kelantan Sdn. Bhd. (AKSB) telah dan sedang melaksanakan projek penggantian paip lama, jenis asbestos simen, AHC sepanjang 4,091 kilometer di seluruh Kelantan secara berfasa. Status semasa projek yang diperuntukkan menerusi pinjaman PAAB sebanyak RM301 juta adalah seperti berikut.

Senarai projek program penukaran paip tahun 2018, pinjaman dari PAAB enam- pakej telah siap pemasangan paip sepanjang 90.55 kilometer dan satu- pakej sepanjang 95.36 kilometer lagi sedang dalam proses penyediaan dokumen yang dijangka dapat di tender Jun 2023.

Kedua, penukaran paip tahun 2019. Pinjaman dari PAAB, pakej satu dan pakej dua dalam pembinaan. Pakej satu sepanjang 104 kilometer dijangka siap pada April 2024. Pakej kedua, sepanjang 124 kilometer dijangka siap pada Jun 2024.

Selain itu, Kerajaan Persekutuan melalui Program Pengurangan NRW Kebangsaan Pendekatan I, telah memperuntukkan RM69.18 juta kepada negeri Kelantan. Pakej satu bagi kerja-kerja penggantian meter, sistem input volum (SIV), meter penggunaan dan meter GIS untuk mendapatkan bacaan NRW tepat telah siap dan diserahkan kepada AKSP pada Mac 2023. Manakala, pakej dua melibatkan kerja-kerja penggantian dan pembaikan tangki air dijangka siap pada Oktober 2023.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff dan Yang Berhormat Senator Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan memohon kerajaan segerakan pembinaan takungan air pinggiran sungai (TAPS) di Labok, Machang. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan pusat telah meluluskan pindaan TAPS berkapasiti sebanyak 500 juta liter sehari (JLH) di Mukim Joh Labok, Machang, Kelantan menerusi *Rolling Plan* Ketiga (RP3), RMKe-12, dengan peruntukkan sebanyak RM630 juta.

Pelaksanaan fizikal projek ini dijadualkan bermula pada suku ke-empat tahun 2024, dengan tempoh pembinaan selama tiga tahun. Projek dijangka siap pada tahun 2027. Pelaksanaan projek TAPS dijangka mampu menyediakan air mentah yang mencukupi untuk diproses bagi membekalkan air terawat kepada pengguna di kawasan Kelantan Utara.

Yang Berhormat Senator Tuan Abdul Nasir bin Haji Idris, mohon kerajaan menjelaskan isu berkaitan penyelesaian terhadap tuntutan caj air mentah dan bayaran yang munasabah daripada Kerajaan Negeri Kedah terhadap Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Tuan Yang di-Pertua, melalui pindaan kepada Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan pada tahun 2005, bidang kuasa berhubung sumber air dikekalkan di bawah senarai negeri. Manakala bidang kuasa mengenai perkhidmatan bekalan air diletakkan di bawah senarai bersama.

Pindaan ini dibuat bagi memastikan kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan dapat bekerjasama atau semangat perkongsian kuasa untuk meningkatkan kecekapan dan kualiti perkhidmatan bekalan air kepada pengguna. Isu tuntutan caj sumber air mentah antara Kerajaan Negeri Kedah dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang perlu diselesaikan melalui kesepakatan bagi mencapai kata putus yang tepat dan memberi manfaat kepada kedua-dua belah pihak.

Yang Berhormat Senator Tuan Abdul Nasir bin Haji Idris, seterusnya mohon kerajaan mempertimbangkan pertambahan siling pelaksanaan projek wakaf air kepada RM100 ribu. Tuan Yang di-Pertua, Jawatankuasa Induk Wakaf Air ditumpukan di bawah NRCC, skop tugas jawatankuasa tersebut adalah untuk menilai dan memantau projek wakaf air. Manakala, agihan wakaf air dibuat oleh pihak Yayasan Wakaf Malaysia (YWM). Jawatankuasa juga telah memutuskan bahawa tanah menampung wakaf air digunakan bagi membiayai projek-projek

perkhidmatan air yang merangkumi bekalan air, pemuliharaan sumber air dan pembetulan berskala kecil yang tidak melebihi RM50 ribu. Justeru, penambahan atau peningkatan peruntukan boleh dikaji dan dinilai semula mengikut kesesuaian.

Isu kedua banjir. Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin memberikan penjelasan berkenaan isu banjir. Yang Berhormat Senator Tuan Robert Lau Hui Yew, mohon kerajaan menjelaskan bilakah Projek Tebatan Banjir di Sarawak dan Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Tebatan Banjir di seluruh Sabah dan Sarawak tetap diteruskan seperti perancangan untuk tahun 2023. Sebanyak 13 projek di Sabah dan lapan projek di Sarawak.

Berstatus pra pelaksanaan dan penyediaan kajian bagi penyelesaian secara menyeluruh di Sarawak, JPS melaksanakan projek RTB Sibu yang dipecahkan kepada lima fasa. Pecahan fasa ini berdasarkan jumlah peruntukan yang diluluskan dari semasa ke semasa dan penilaian ke atas kawasan tersebut, JPS akan memberi perhatian kepada kawasan yang kritikal untuk dilaksanakan dahulu, diikuti dengan fasa seterusnya.

■1250

Pelaksanaan Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sibu seperti berikut:

- (i) RTB Sibu Fasa 1 yang bermula pada tahun 2009 telah siap dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan dengan peruntukan berjumlah RM138 juta;
- (ii) RTB Sibu Fasa 2 yang bermula pada tahun 2013 juga telah siap dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh dengan peruntukan berjumlah RM70 juta;
- (iii) RTB Sibu Fasa 3, Lembangan Batang Rajang, Sarawak telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas dengan kos projek berjumlah RM100 juta. Projek ini telah bermula pada tahun 2018 dan dijangka siap menjelang Disember 2023;
- (iv) RTB Sibu Fasa 4, peruntukan berjumlah RM5 juta telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri Sarawak di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas; dan
- (v) bagi pelaksanaan RTB Sibu Fasa 5, permohonan kelulusan projek akan di pohon di bawah *Rolling Plan* yang akan datang sekali gus dapat memastikan Bandaraya Sibu dapat dilindungi daripada masalah banjir secara menyeluruh.

Yang Berhormat Senator Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan, mohon kerajaan memberikan status terkini projek tebatan banjir yang sedang dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, NRECC dan Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia telah diluluskan peruntukan berjumlah RM11.53 bilion bagi 93 buah projek tebatan banjir. Di bawah *Rolling Plan* Ketiga Tahun 2023, Rancangan Malaysia Kedua Belas sebanyak RM1.01 bilion telah diperuntukkan oleh projek tebatan banjir kawasan-kawasan berisiko tinggi dan kerap dilanda banjir.

Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen mohon Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) untuk lebih proaktif dalam memelihara sungai dan memastikan keadaan setiap saliran air adalah pada tahap yang optimum. Keluhan rakyat khususnya di Batu Pahat Johor berkaitan sistem perparitan yang lama tidak diselenggarakan dan dikorek sehingga menyebabkan air parit mudah melimpah ke jalan raya dan mengakibatkan banjir.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya terdapat berbeza tanggungjawab dalam mengurus dan menyelenggarakan sungai dan sistem perparitan. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 19 Jun 1996 telah memutuskan supaya Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) diberi tanggungjawab sepenuhnya menguruskan dan menyelenggarakan semua sungai termasuk sungai di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Manakala, PBT bertanggungjawab mengurus dan menyelenggarakan sistem perparitan di kawasan masing-masing.

Justeru, NRECC mengambil perhatian dengan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat kepada JPS dalam pemeliharaan sungai pada tahap optimum. Walau bagaimanapun, JPS akan menyelenggarakan sungai-sungai berdasarkan peruntukan yang diterima.

Isu ketiga, hakisan. Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menjelaskan isu berkaitan masalah hakisan. Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen mohon kerajaan segerakan pelaksanaan projek bagi mengatasi masalah fenomena air pasang dan hakisan pantai.

Tuan Yang di-Pertua, NRECC melalui JPS sentiasa memantau secara berkala kejadian fenomena air pasang besar terutama di kawasan Pantai Barat Semenanjung Malaysia. Kejadian fenomena air pasang besar hanya akan menjadi lebih buruk sekiranya disertai angin kencang, ombak besar dan hujan lebat yang berlaku serentak yang akan menyebabkan berlakunya banjir kilat, limpahan air laut dan banjir pantai.

Bagi mengatasi masalah tersebut, projek mengatasi masalah fenomena air pasang besar dan hakisan pantai pelbagai negeri telah dimohon di bawah *Rolling Plan* Ketiga Rancangan Malaysia Kesebelas, melibatkan 22 projek bagi lapan kritis, belah Pantai Barat Semenanjung Malaysia termasuk negeri Johor.

Tuan Yang di-Pertua, izin kan saya sedikit masa, kasi habiskan lagi lima helai kertas sahaja, boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Buat congak sedikit.

Dato' Sri Huang Tiong Sii: *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Sementara baca atas itu, baca bawah sedikit. Jadi, boleh ekonomi kan perkataannya.

Dato' Sri Huang Tiong Sii: Okey. *Thank you* Tuan Yang di-Pertua. Semua projek telah siap kerja ukur serta siasatan tanah dalam peringkat reka bentuk dalaman. Projek tender dijangka akan bermula pada suku ke-tiga tahun 2023. Manakala kerja fizikal akan dilaksanakan pada penghujung tahun 2023, mengambil masa selama 12 bulan hingga 18 bulan untuk disiapkan bergantung kepada lokasi projek.

Isu keempat, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim. Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin memberikan penjelasan berkenaan isu Alam Sekitar dan Perubahan Iklim. Yang Berhormat Senator Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya mohon penjelasan daripada pihak kementerian berhubung cadangan dalam menjadikan Wilayah Persekutuan sebagai Bandar Pintar 2030 yang bebas karbon dan menyatakan insentif yang ditawarkan oleh kerajaan supaya sasaran ini menjadi realistik dan konsisten dalam pembangunan bandar di negara.

Tuan Yang di-Pertua, secara spesifiknya, cadangan menjadikan Wilayah Persekutuan sebagai Bandar Pintar 2030 yang bebas karbon akan dijelaskan oleh pihak Jabatan Perdana Menteri melalui Jabatan Wilayah Persekutuan. Namun begitu, dalam menjayakan agenda bandar bebas karbon pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh NRECC menerusi agensi *Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation* (MGTC) sejak tahun 2011 melalui pelaksanaan Rangka Kerja Bandar Rendah Karbon (LCCF) dan Program *Low Carbon Cities 2030 Challenge* (LCC30C) di peringkat PBT dan rakan kongsi bandar rendah karbon yang terlibat.

NRECC juga telah melancarkan Geran Pemangkin Bandar Rendah Karbon (GeRAK) sebanyak RM35 juta melalui Belanjawan 2021 sebagai langkah gerakan dan sokongan kepada PBT untuk melaksanakan inisiatif bandar rendah karbon berimpak tinggi.

Tuan Yang di-Pertua: Berapa lama lagi Yang Berhormat?

Dato' Sri Huang Tiong Sii: Dua helai sahaja lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Senyum banyak sangat ini, tapi lewat sangat.

Dato' Sri Huang Tiong Sii: *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Barangkali penyوال itu sudah pun terasa bahawa soalnya tidak meliputi perkara yang patut disebut.

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: Betul, saya setuju itu.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi, tolong buat dia punya..

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: Yang Berhormat Menteri jangan baca sahaja begitu, kita hendak penerangan. Kalau *you* baca sahaja begitu, menambah lagi kita tidak faham.

Tuan Yang di-Pertua: Ambil itu sebagai celahan lah.

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: Pencelahan.

Tuan Yang di-Pertua: Pencelahan yang sangat baik.

Dato' Sri Huang Tiong Sii: Okey. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Setakat ini sahaja penjelasan yang dapat saya berikan. Kasi pendek sedikitlah, *thank you*. Dengan isu-isu yang telah dibangkitkan saya berharap daripada penjelasan tersebut ia telah dapat menjawab persoalan yang telah dibangkit oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pertanyaan dan membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan NRECC.

Kementerian akan mengambil perhatian dan tindakan ke atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan. Saya memberi jaminan bahawa mana-mana pertanyaan yang tidak dapat saya jawab pada kali ini akan diambil catatan untuk tindakan susulan. Sekian, terima kasih.

■1300

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

1.00 tgh.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Puan Saraswathy a/p Kandasami]: Salam sejahtera dan salam Malaysia MADANI. Tuan Yang di-Pertua, pertamanya, izinkan saya menzahirkan rasa penghargaan pada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas perkenan Baginda untuk menyampaikan Titah Diraja pada pembukaan sidang Parlimen.

Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada lima orang Ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan isu-isu berkaitan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) sepanjang tempoh perbahasan Titah Diraja pada Mesyuarat kali ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datin Hajah Ros Suryati binti Alang telah membangkitkan isu mengenai perancangan kerajaan dalam merealisasikan hasrat Koperasi Wanita Malaysia Berhad (WCB) menjadi sebuah bank wanita menjelang tahun 2025. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat KUSKOP sentiasa memberi perhatian kepada pembangunan koperasi merangkumi pelbagai latar belakang dan kumpulan khusus termasuk koperasi wanita.

Sehingga 30 Jun 2022 terdapat 250 buah koperasi wanita telah didaftarkan melibatkan keanggotaan seramai 27,895 orang melalui pengumpulan modal *share* dan yuran sebanyak RM18.5 juta dengan penjana aset berjumlah RM77 juta dan perolehan mencecah RM10.07 juta. Daripada jumlah tersebut sebanyak 22 buah koperasi wanita telah terlibat dalam aktiviti kredit dengan menawarkan pembiayaan kepada anggota koperasi yang melibatkan perolehan koperasi berjumlah RM819,438.

KUSKOP melalui SKM mengambil maklum akan cadangan penubuhan bank koperasi khas untuk wanita. Namun, cadangan ini memerlukan penelitian kerana ini bukan sahaja perlu melalui pelbagai proses tetapi ia juga perlu dikaji daripada aspek daya maju dan daya saing bank koperasi tersebut.

Dalam hal ini KUSKOP berpandangan bahawa usahawan-usahawan wanita boleh mendapatkan pembiayaan dari bank-bank sedia ada yang menyediakan pembiayaan kepada usahawan seperti Bank Rakyat dan sebagainya yang turut menyediakan program pembiayaan khusus bagi usahawan wanita seperti Program *Biz Lady* yang dianjurkan Bank Rakyat.

Yang Berhormat Senator Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan telah membangkitkan isu mengenai program keusahawanan untuk kaum India. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sejak tahun 2008 telah menyediakan pembiayaan kepada TEKUN Nasional untuk disalurkan kepada usahawan kaum India yang layak.

Sehingga tahun 2022 seramai 26,044 orang usahawan kaum India telah menerima pembiayaan melibatkan peruntukan sebanyak RM396.8 juta. Bagi tahun 2023, peruntukan sebanyak RM30 juta telah disediakan yang dijangka akan memberi manfaat kepada seramai 180 orang usahawan kaum India.

Bagi peningkatan produktiviti serta daya saing produk seperti penambahbaikan pelabelan dan pembungkusan produk serta peningkatan akses pasaran. SME Corp. juga menyediakan bantuan di bawah skim peningkatan keupayaan PKS. Bagi tahun 2021 dan 2022 sejumlah 11 orang usahawan kaum India telah mendapat manfaat daripada program ini dengan nilai kelulusan geran berjumlah RM1.4 juta.

Yang Berhormat Senator Puan Susan Chemerai Anding telah membangkitkan isu mengenai program keusahawanan untuk usahawan wanita. Kementerian ini sentiasa prihatin dan komited dalam melaksanakan inisiatif dan program keusahawanan yang bersifat inklusif, melibatkan golongan wanita agar mereka dapat menjana pendapatan yang stabil dan seterusnya membantu merencanakan ekonomi negara.

Mulai tahun 2018 sehingga 2022, KUSKOP dan agensi-agensi di bawahnya merekodkan seramai 1,942,793 orang usahawan wanita yang telah mendapat manfaat daripada pelbagai program pembangunan usahawan yang telah dilaksanakan. Antara program yang telah dirangka dan dilaksanakan oleh agensi-agensi di bawah KUSKOP khusus bagi usahawan wanita adalah seperti berikut:

- (i) skim pembiayaan ekonomi dan skim pembiayaan sosial di bawah Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM);
- (ii) program TekunNita di bawah TEKUN Nasional;
- (iii) program UDA BizNita di bawah UDA Holdings;
- (iv) Program Pemerkasaan Usahawan Wanita (PUAN) di bawah INSKEN;

- (v) program pembiayaan dan latihan di bawah Bank Rakyat; dan
- (vi) program-program pembiayaan keusahawanan francais wanita di bawah PERNAS.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Yang Berhormat Senator Dato' Haji Husain bin Awang telah membangkitkan mengenai cadangan memperkenalkan semula kedai runcit setempat dengan kerjasama pihak kerajaan dan pihak koperasi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berlandaskan objektif asal penubuhan koperasi kementerian melalui SKM terus memperkasakan penglibatan koperasi dalam sektor pemborongan dan peruncitan bagi membantu kerajaan menangani isu kenaikan kos sara hidup.

Sehingga kini penglibatan koperasi dalam aktiviti pemborongan dan peruncitan terus digalakkan dengan pewujudan sebanyak 2,581 buah kedai runcit koperasi dikenali sebagai Coop Mart yang telah beroperasi di seluruh negara. Melalui rangkaian Coop Mart ini anggota koperasi serta masyarakat setempat boleh mendapatkan barangan keperluan harian dengan harga yang berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen telah membangkitkan mengenai isu bantuan kepada usahawan yang terjejas akibat bencana banjir. Dalam kesempatan ini saya ingin merakamkan rasa simpati kepada usahawan dan koperasi yang terkesan akibat bencana banjir yang melanda beberapa buah negeri terutamanya di Johor baru-baru ini.

■1310

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini melalui agensi-agensi di bawahnya telah mengambil inisiatif untuk terus berusaha membantu mereka yang terjejas bagi memulihkan semula perniagaan mereka seperti berikut.

Pertama, Bank Rakyat telah menyediakan program pembiayaan bagi membantu memulihkan perniagaan peniaga-peniaga di negeri Johor termasuk di kawasan Labis dan Pekan Chaah yang terjejas akibat bencana banjir melalui program pembiayaan Kemudahan Bantuan Bencana (DRF) dengan had pembiayaan berjumlah RM700 ribu. Ini merangkumi tempoh pembiayaan selama tujuh tahun dan juga termasuk enam bulan bagi tempoh rehat pembiayaan- *grace period*.

SME Corp. menyediakan program Dana Kecemasan PKS melibatkan peruntukan sebanyak RM100 juta pada tahun 2022 bagi membantu PMKS yang terjejas akibat bencana banjir. Sehingga 31 Januari 2023, sebanyak 1029 permohonan PMKS yang terkesan telah diluluskan, melibatkan peruntukan sebanyak RM96.08 juta. Daripada jumlah tersebut, tiga orang usahawan PMKS yang terjejas akibat bencana banjir baru-baru ini di negeri Johor telah

menerima pembiayaan program Dana Kecemasan PKS (SMEEF) dengan peruntukan sebanyak RM250 ribu. TEKUN Nasional telah menawarkan empat kemudahan bagi membantu usahawan TEKUN yang terkesan akibat bencana banjir seperti berikut:

- (i) moratorium sehingga enam bulan;
- (ii) penjadualan semula bayaran balik pembiayaan;
- (iii) pengeluaran simpanan jika berkaitan; dan
- (iv) pembiayaan tambahan jika terdapat keperluan.

SME Bank pula telah menawarkan program moratorium kepada tujuh orang usahawan agensi yang terjejas akibat bencana banjir di negeri Johor. Berdasarkan penilaian juga, seramai empat orang usahawan daripada jumlah tersebut akan dicadangkan untuk menerima pembiayaan tambahan di bawah SME Bank. SKM menyediakan Tabung Bantuan Kecemasan Koperasi kepada koperasi yang terjejas akibat bencana alam termasuk kejadian banjir. Bagi tahun 2022, sebanyak 86 buah koperasi telah disalurkan bantuan di bawah tabung ini dengan melibatkan peruntukan sebanyak RM 1.4 juta.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahajalah penjelasan-penjelasan yang dapat saya berikan mengenai isu-isu yang telah dibangkitkan sepanjang tempoh perbahasan Titah Diraja pada mesyuarat ini. Saya berharap penjelasan tersebut telah dapat menjawab semua soalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Marilah kita atas semangat Malaysia MADANI untuk bekerjasama menjunjung Titah Tuanku bagi memacu pembangunan negara ke tahap yang lebih cemerlang. Percayalah, kami di KUSKOP akan menjalankan amanah ini dengan penuh komited dan bertanggungjawab serta seikhlas hati dalam memastikan ekosistem perniagaan negara terus kekal kompetitif dan lestari. Terima kasih.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Saraswathy a/p Kandasami, Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi atas jawapan yang telah diberikan.

Seterusnya, saya menjemput Kementerian Ekonomi. Dipersilakan, Yang Berhormat Menteri.

1.15 tgh.

Menteri Ekonomi [Tuan Mohd Rafizi bin Ramli]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada 16 orang Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan dan berkisar kepada tiga isu utama. Sebahagian besarnya adalah secara umum, ada juga perkara-perkara yang ditimbulkan secara khusus.

Pertama, bersabit dengan pertumbuhan ekonomi dan kos sara hidup. Kedua, berkenaan dengan perancangan kerajaan dalam usaha membasmi kemiskinan. Ketiga, persoalan mengenai keseimbangan pembangunan terutamanya antara negeri-negeri dan kawasan-kawasan di dalam negara.

Saya mohon izin Tuan Yang di-Pertua, supaya sementara ada jawapan-jawapan yang khusus, soalan-soalan yang khusus, tetapi lebih baik masa dimanfaatkan untuk saya menjawab perkara-perkara pokok mengenai ekonomi negara dan perancangan-perancangan yang disusun. Kalau ada celahan mengenai soalan-soalan khusus, *insya-Allah* saya boleh jawab seperti yang telah dibangkitkan semasa perbahasan.

Kedudukan ekonomi negara sekarang adalah sangat penting untuk kita sama-sama hargai supaya kita tahu apa yang perlu dibuat, apa cabaran dan apa potensi yang ada. Memang benar bahawa Keluaran Dalam Negara Kasar ataupun KDNK negara meningkat sebanyak 8.7 peratus bagi tahun 2022. Akan tetapi, pertumbuhan itu sebenarnya semakin perlahan untuk lima suku berturut-turut. Ia memberi gambaran bahawa sedang 8.7 peratus itu nampak angka yang baik berbanding dengan tahun 2021 semasa ekonomi ditutup, tetapi dalam keadaan kita bersedia mengharungi cabaran ekonomi global yang lebih mencabar, ada tanda-tanda bahawa pertumbuhan itu semakin mereda.

Oleh sebab itu, pada tahun 2023, negara diunjurkan akan mencapai pertumbuhan ekonomi 4.5 peratus. Sekiranya keadaan ekonomi global lebih mencabar daripada yang diunjurkan ataupun ada perkara-perkara atau peristiwa di luar jangka seperti yang telah berlaku dalam beberapa tahun kebelakangan ini, sudah tentu pertumbuhan ekonomi negara pada peringkat 4.5 peratus itu juga akan terkesan.

Oleh sebab itu, saya ingin menarik perhatian Dewan bahawa dari empat hingga tujuh tahun kebelakangan ini, dengan segala pertukaran dan cabaran ekonomi global yang telah mempengaruhi negara kita, sebenarnya ada beberapa pengajaran penting yang boleh menjadi pedoman kepada kerajaan, kepada ahli-ahli politik dan kepada masyarakat dalam kita mengharungi cabaran ekonomi yang lebih mencabar dalam tahun 2023 ini.

Pertama Tuan Yang di-Pertua, ekonomi sekarang ini sudah mirip kepada cuaca. Kita tahu bahawa akan ada masa yang harinya cerah dan akan ada masa hujan. Tambahan pula, cuaca seperti yang ada sekarang, ia tidak lagi boleh diramal seperti dahulu. Kalau hujan itu ia tidak bermusim dan hujan kalau ia turun, ia turun dengan tiba-tiba dan boleh jadi banjir kilat. Itulah sebenarnya juga cabaran kepada ekonomi kita kerana ia tidak lagi boleh diramal dengan begitu tepat seperti sebelum ini kerana kitaran turun dan naik itu banyak terdedah kepada perkara-perkara yang di luar kawalan kita. Oleh sebab itu, pedoman yang pertama, perlulah kerajaan dan masyarakat menyediakan payung sebelum hujan.

Pedoman yang kedua, ialah seperti juga cuaca yang dipengaruhi oleh perkara yang berlaku di luar sempadan kita. Pembakaran yang berlaku di Indonesia akan ada kesan kepada

kita. Apa yang berlaku di Australia juga ada kesan kepada kita. Begitu jugalah ekonomi kerana dunia sekarang ini saling berhubung. Maksudnya kita semakin terkesan dengan perkara-perkara yang sebenarnya bukan berpunca daripada kita.

■1320

Contoh yang terbaik sekarang ini ialah dasar kerajaan Amerika Syarikat melalui *Federal Reserve* yang ingin mengekang inflasi di Amerika Syarikat dengan menaikkan kadar faedah secara agresif. Itu secara langsung mempunyai kesan kepada mata wang kita, kepada pasaran saham kita, kepada inflasi kita dan juga ada tekanan kepada kita untuk turut sama menaikkan kadar faedah, walaupun itu tidak kena mengena dengan kita.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, untuk menyediakan negara dalam suasana sebegini, kita perlu mengambil kira juga pedoman-pedoman ini. Maka, Kementerian Ekonomi merangka strategi untuk- yang paling penting, sementara kita menangani cabaran harian harga barang naik, inflasi, gaji, ini semua cabaran harian, tetapi yang lebih penting untuk kita menyediakan payung sebelum hujan dan payung itu biar payung yang betul-betul kuat. Kalau hujan datang pun dia dapat bertahan.

Kementerian Ekonomi diberi mandat untuk memperbetulkan struktur ekonomi negara. Sementara kita selesai yang jangka masa pendek, kita tidak boleh mengulangi kelemahan-kelemahan lepas yang mendedahkan negara dan ekonomi kita kepada risiko-risiko ini apabila ia berlaku. Membetulkan struktur ekonomi negara bermaksud menaikkan daya tahan ekonomi negara. Ini supaya kalau ada demam global, kalau ada perkara-perkara lain yang di luar kawalan kita, itu berjaya ditangani dan diserap dengan baik oleh kerajaan kita.

Ia bertumpu kepada tiga perkara utama. Pertama, untuk mengukuhkan kedudukan fiskal. Kita banyak mendengar kebelakangan ini tentang jumlah hutang kita, tentang berapa banyak sebenarnya jumlah faedah yang dibayar setiap tahun sebagai sebahagian daripada perbelanjaan mengurus. Ini semua ialah persoalan kedudukan fiskal.

Maksudnya, pengurusan pentadbiran kewangan awam kita perlulah berada di satu keadaan yang lebih baik. Maksudnya, kurang berbelanja daripada segi hutang. Belanja itu dikhususkan kepada projek-projek yang betul-betul membawa nilai tambah kepada rakyat. Ini kerana ruang fiskal ini cukup penting kalau ada perkara-perkara di luar jangkaan kita. Kalau ada ruang fiskal yang lebih besar, kalau ada berlaku perkara di tempat lain yang ada kesan kepada kita, maka kita ada wang dan kedudukan kewangan untuk menjadi, orang kata dalam bahasa Inggeris, Tuan Yang di-Pertua, *buffer* atau penampakan kepada kesan-kesan ini.

Perkara kedua dalam menstrukturkan ekonomi negara ialah menambah pendapatan negara. Maksudnya, menambah pendapatan kerajaan. Ini kerana walaupun ekonomi itu berkembang dengan baik, tetapi kalau ia tidak diterjemahkan kepada pendapatan khusus kepada kerajaan dalam bentuk hasil cukai dan bukan cukai, ia tetap akan ada masalah kepada kerajaan dan negara. Buat masa ini, Malaysia berada di tempat ketiga paling corot

dalam rantau ini daripada segi peratusan hasil kepada kerajaan sebagai nisbah kepada saiz ekonomi. Maksudnya, kalau saiz ekonomi berkembang besar pun, tidak tentu perkara itu akan menambah kedudukan kewangan kerajaan.

Perkara ketiga yang kita akan beri tumpuan ialah menstrukturkan kegiatan ekonomi negara ke arah sektor-sektor yang menawarkan nilai tinggi. Buat masa sekarang, contohnya, dua sektor utama yang kita beri tumpuan ialah sektor yang membabitkan tenaga boleh baharui, ataupun dalam bahasa Inggeris, dengan izin, *renewable energy*, dan kedua ialah ekonomi digital.

Ini kerana melalui aktiviti-aktiviti ini bukan sahaja ia boleh mencipta peluang pekerjaan yang menawarkan gaji yang lebih tinggi kepada tenaga kerja kita, ia juga akan menarik pelaburan-pelaburan dari luar negara. Ini kerana banyak pelaburan dari luar negara ini ia berkisar kepada dua sektor ini. Satu, yang bersabit dengan peralihan kepada tenaga boleh baharui. Kedua, yang bersabit dengan ekonomi digital.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, maka mengambil kira tanggungjawab dan keperluan menstrukturkan ekonomi ini, kerajaan mengambil pendekatan serampang pelbagai mata untuk kita memastikan supaya selain daripada kita menyelesaikan masalah harian, kita juga akan mengukuhkan kedudukan ekonomi supaya dapat menangani gangguan-gangguan tersebut. Saya bagi beberapa contoh dalam tempoh yang ada lebih kurang 10 minit.

Apabila kita menangani kos sara hidup, ia tidak lagi cukup dengan kaedah sebelum ini yang bergantung kepada peruntukan kerajaan untuk mengawal harga. Ini kerana kalau tidak berhati-hati, dengan memberi subsidi tetapi tidak memperbaiki rantaian perbekalan, ia mula ada gangguan kepada bekalan. Itulah yang berlaku dalam episod ayam dan telur satu tahun yang lepas.

Pada peringkat awal, kaedah yang biasa sebelum ini ialah untuk mengawal harga dengan tetapkan harga siling, kemudian bagi subsidi. Akan tetapi, pada satu peringkat, sebenarnya harga siling yang ditetapkan itu dan subsidi yang diberikan sebenarnya merugikan kepada pengusaha-pengusaha. Jadi, akhirnya pengusaha-pengusaha buat keputusan, "Kenapakah perlu saya rugi untuk saya terus beroperasi? Lebih baik saya simpan wang saya dan saya menutup." Maka, itu seterusnya menimbulkan masalah yang baharu iaitu dia ada gangguan kepada bekalan.

Jadi, kaedah yang kalau sebelum ini dikenali dan diterima pakai oleh pentadbiran-pentadbiran yang lepas, oleh sebab cabaran itu berbeza sekarang, maka kita mengambil pendekatan yang lebih, ada cara yang pelbagai. Contohnya, pertama, tadi sahabat saya Menteri Perdagangan Dalam Negeri ada- contohnya, melalui Menu Rahmah. Fokusnya bukanlah untuk memastikan orang semua membeli pada harga RM5. Fokusnya ialah dengan menambah bekalan ataupun penawaran makanan pada harga RM5.

Ini akan memberi isyarat kepada peniaga-peniaga lain bahawa jika mereka menaikkan harga secara tidak berpatutan, pembeli akan ada pilihan untuk bertukar kepada menu yang berharga RM5. Untuk jangka masa panjang, ini akan berjaya meredakan kenaikan harga makanan. Pendekatannya lebih kepada pendekatan berbentuk ekonomi, bukan lagi campur tangan terus melalui subsidi ataupun memberi wang atau insentif kepada pengusaha-pengusaha.

Begitu juga melalui apa yang diusahakan melalui Inisiatif Pendapatan Rakyat ataupun melalui Inisiatif Usahawan Makanan (INSAN). Kita letakkan makanan perlu dibekalkan dan dijual pada harga serendah RM2. Ini sedang berlangsung sekarang. Bukanlah bermakna kita hendak semua orang makan pada harga RM2 tetapi ada golongan yang sebenarnya akan mendapat manfaat kerana, bagi mereka, RM2 pada mutu yang baik, itu sudah cukup bagi mereka.

Tuan Sr. Haji Mohd Apani bin Mohamad: Penjelasan.

Tuan Mohd Rafizi bin Ramli: Tunggu sekejap. Saya habiskan ayat, kemudian saya bagi ya. Itu dengan lebih banyak inisiatif seperti ini yang menambahkan tawaran harga makanan siap pada harga yang lebih rendah, itu akan mula mempengaruhi dinamisme harga barang makanan di masa akan datang.

Tuan Sr. Haji Mohd Apani bin Mohamad: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Boleh tidak Yang Berhormat Menteri gambarkan selalu-kita hendak tahu, apakah jenis makanan yang digambarkan oleh Yang Berhormat Menteri sebagai sasaran RM2? Dalam kepala sekaranglah. Kalau boleh rakyat hendak tahu juga.

Tuan Mohd Rafizi bin Ramli: Yang sekarang sudah beroperasi ialah makanan-makanan ruji yang selalu menjadi pilihan pada waktu pagi dan waktu tengah hari. Contohnya, nasi lemak yang lauknya ialah ikan bilis goreng, telur rebus separuh dan juga sambal. Boleh dijual pada harga RM2. Ini kerana semasa kami membangunkan inisiatif ini, kita sudah kaji sebenarnya berapakah kos dan kos-kos lain yang terlibat?

■1330

Jadi, bila kita tanggung dengan kita menyediakan mesin *vending* contohnya, kita tanggung sewa, kita tanggung elektrik kerana dia tidak perlu bayar elektrik. Dia tidak ada pekerja, dia hanya siapkan. Sebenarnya pada harga RM2, margin keuntungan itu masih ada dan peserta-peserta ini berjaya menjana pendapatan antara RM2,000 ke RM2,500 sebulan bersih. Maksudnya, dia mendapat jualan antara RM3,000 ke RM4,000 sebulan. Jadi, sebab yang selalunya mahal itu ialah perkara-perkara lain macam sewa, pekerja dan lain-lain.

Ini adalah sebahagian daripada contoh-contoh pendekatan serampang pelbagai mata yang diambil oleh kerajaan sekarang...

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: [Bangun]

Tuan Mohd Rafizi bin Ramli: Dia bukan bersifat seperti sebelum ini, ambil peruntukan besar, umum, tabur. Kita berharap ia akan mendatangkan hasil kerana kita tahu ia mestilah yang bersifat mengubah struktur ekonomi yang ada.

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: Mohon mencelah Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Nasi lemak yang disebutkan tadi, harganya RM1.50 sahaja. Nasi lemak yang disebutkan tadi sudah naik harga kepada RM2. Semalam saya makan RM1.50 sahaja. Telur setengah dengan ikan bilis. Saya makan RM1.50, sekarang sudah jadi RM2. Mendapat penjelasan. Terima kasih.

Tuan Mohd Rafizi bin Ramli: Bagus, Yang Berhormat Senator timbulkan perkara ini. Hal ini menunjukkan bagaimana sebenarnya kaedah untuk mengawal dan menyeragamkan harga barang makanan siap itu tidak pernah diamalkan oleh mana-mana kerajaan dalam dunia ini kerana ia perkara yang mustahil kerana setiap barang itu berbeza-beza. Yang dimakan oleh Yang Berhormat tadi memang nasi lemak, tetapi mungkin saiznya lebih kecil, daunnya lebih kecil dan ikan bilisnya ikan bilis yang berbeza, sambalnya berbeza. Jadi sebab itu, kita serahkan perkara ini kepada pasaran. Yang kita hendak pastikan iaitu pada mutu tertentu, pada nilai tertentu harga itu dikira berpatutan dan ukurannya ialah sambutan yang diberikan oleh rakyat.

Kalau pada harga RM2 itu, ia berjaya menjana pendapatan bersih sampai RM2,000, RM2,500 sebulan, itu bermakna pasaran telah menerima bahawa itulah nilai yang terbaik bagi makanan pada saiz dan mutu itu. Itu juga sebenarnya melambangkan pendekatan kerajaan sekarang dalam menangani masalah-masalah ini supaya ia merupakan pendekatan serampang pelbagai mata. Selain daripada kita memperbaiki struktur ekonomi dengan menyerahkan seberapa yang banyak kepada daya saing ekonomi negara, bukan campur tangan berterusan kerajaan, ia juga menyelesaikan perkara-perkara lain seperti menambah pendapatan kumpulan sasar iaitu miskin B40 dan juga miskin tegar.

Perkara kedua dalam tempoh dua minit yang berbaki ini yang saya ingat, saya ambil kesempatan untuk kongsi dan jawab hasil daripada perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Dewan Negara iaitu mengenai struktur ekonomi. Hal ini kerana kita terbiasa dengan apabila ada kerajaan baharu, akan dibentangkan *blueprint* baharu dan kerangka baharu. Hal ini sama ada *blueprint* atau kerangka itu dapat diterjemahkan atau tidak, itu perkara kedua. Jadi, sudah jadi amalan kita. Setiap kali ada Perdana Menteri baharu ataupun pentadbiran baharu, kita akan berbelanja wang untuk menghasilkan dasar yang baharu...

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Mohon mencelah.

Tuan Mohd Rafizi bin Ramli: Saya hendak habiskan. Saya sebut yang ini dulu...

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Bukan, yang itu berkaitan itu kerana masa terhad. Saya berharap Yang Berhormat Menteri fokus penyelesaian. Terima kasih.

Tuan Mohd Rafizi bin Ramli: Hendak jawablah ini... *[Ketawa]* Kalau Ahli Dewan tadi tidak mengambil 20 saat, saya ada 20 saat *extra* tadi masa hendak menceritakan tentang penyelesaian. Sebab itu cara kali ini ialah kita akan kekal dengan perancangan-perancangan yang sebenarnya telah pun melalui prosesnya sehingga ke peringkat ini.

Contohnya, rancangan ekonomi yang paling besar dalam negara kita ialah Rancangan Malaysia Ke-12, telah melalui proses daripada peringkat paling bawah ke peringkat paling atas dan telah diluluskan oleh Parlimen pun. Masalahnya ialah pelaksanaan itu selalunya tersasar. Jadi sebab itu, berdasarkan kerangka yang ada dalam Rancangan Malaysia Ke-12, tumpuan pelaksanaan untuk tempoh dua ke-tiga tahun akan datang ini ialah untuk mempercepatkan dua sektor yang saya telah sebut tadi iaitu pertama, peralihan tenaga kepada tenaga boleh diperbaharui dan yang kedua iaitu memajukan ekonomi digital di negara ini.

Kalau Tuan Yang di-Pertua bagi saya dua tiga minit lagi...

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan.

Datuk Razali bin Idris: Saya minta- sedikit?

Tuan Mohd Rafizi bin Ramli: Kalau boleh, saya terus habiskan kerana dia sudah masa – jadi kalau tidak, ia tidak sempat.

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat Menteri.

Tuan Mohd Rafizi bin Ramli: Terima kasih.

Datuk Razali bin Idris: Saya hendak minta Tuan Yang di-Pertua tambah lagi 20 minit fasal Yang Berhormat Menteri masih lagi tidak menjawab soalan dan dari tadi berceramah. Jadi, saya minta tambah lagi 20 minit. Boleh?

Tuan Mohd Rafizi bin Ramli: Terpuang kepada...

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Razali bin Idris: Boleh? Terima kasih.

Tuan Mohd Rafizi bin Ramli: Maksudnya tambah 20 minit...

Datuk Razali bin Idris: Tiada.

Tuan Mohd Rafizi bin Ramli: Tiga minitlah. Baik.

Datuk Razali bin Idris: Masa 20 minit sebab banyak soalan kita tidak jawab ini.

Tuan Mohd Rafizi bin Ramli: Soalan-soalan ini telah pun ditimbulkan dan dirangkumkan kerana kebanyakan soalan-soalan ini ialah soalan yang bersifat struktur ekonomi seperti yang saya sebut awal-awal tadi.

Datuk Razali bin Idris: Fokus. Kita ada soalan yang fokus semasa perbahasan. Yang Berhormat Menteri kena jawablah soalan itu. Contoh macam soalan saya, masih belum jawab lagi.

Tuan Mohd Rafizi bin Ramli: Soalan yang mana itu?

Datuk Razali bin Idris: Yang Berhormat Menteri tengoklah.

Tuan Mohd Rafizi bin Ramli: Kalau tengok, tiada dalam ini.

Datuk Razali bin Idris: Tiada?

Tuan Mohd Rafizi bin Ramli: Tiada.

Datuk Razali bin Idris: Tiada soalan?

Tuan Mohd Rafizi bin Ramli: Tiada. Saya boleh baca satu persatu. Cumanya, soalan-soalan ini iaitu boleh dirangkumkan. Akan tetapi, soalan daripada Yang Berhormat Senator Datuk Razali tidak ada.

Datuk Razali bin Idris: Tidak ada?

Tuan Mohd Rafizi bin Ramli: Tidak ada. Jadi, ini bukan ceramah politik. Biar saya habiskan, sebab saya sepatutnya hanya boleh melayan kalau orang yang menimbulkan perkara semasa perbincangan.

Datuk Razali bin Idris: Soalan saya tadi saya ingat...

Tuan Mohd Rafizi bin Ramli: Saya sebenarnya tidak perlu pun melayan Yang Berhormat Senator kerana Yang Berhormat Senator tidak menimbulkan apa-apa perkara.

Datuk Razali bin Idris: Bukan. Masalahnya...

Tuan Mohd Rafizi bin Ramli: Saya boleh baca satu persatu.

Datuk Razali bin Idris: Baca. Boleh.

Tuan Mohd Rafizi bin Ramli: Kalau Tuan Yang di-Pertua bagi 20 minit, saya boleh sebut 16 orang yang menimbulkan perkara itu dan Yang Berhormat Senator bukan daripada 16 orang itu.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya ingat Yang Berhormat Menteri pun sudah rangkumkan jawapan itu. Jadi, kita tidak boleh ambil masa yang agak lama untuk...

Datuk Razali bin Idris: Kalau Tuan Yang di-Pertua tidak bagi, okeylah. Saya setuju. Bukan minta daripada dia, daripada Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya tidak bagi.

Datuk Razali bin Idris: Terima kasih.

Tuan Mohd Rafizi bin Ramli: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi, berbalik kepada memperbaiki struktur ekonomi tadi, kita perlu mempercepatkan dua sektor. Pertama ialah peralihan kepada tenaga boleh baharu dan yang kedua ialah ekonomi digital. Sebab itu, *insya-Allah*, sebelum 30 Jun 2023, Kementerian Ekonomi akan melancarkan, dengan izin, *Energy Transition Roadmap* ataupun Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara untuk kita menterjemahkan sasaran-sasaran dalam peralihan tenaga negara kepada projek-projek peralihan tenaga. Maksudnya, daripada gas ataupun daripada arang batu ataupun daripada diesel dan gasolin kepada tenaga-tenaga yang dikira lebih hijau dan boleh menarik pelaburan-pelaburan asing. Begitu juga dengan memesatkan...

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Boleh sikit *kut*. Saya *interested* yang pasal tenaga...

Tuan Mohd Rafizi bin Ramli: Saya kena tanya...

Timbalan Yang di-Pertua: Saya ingat biar Yang Berhormat Menteri teruskan.

Tuan Sr. Haji Mohd Apani bin Mohamad: Okey. *[Ketawa]*

Tuan Mohd Rafizi bin Ramli: Begitu juga untuk mempercepatkan perkembangan ekonomi digital, kementerian akan melancarkan beberapa program bermula dari bulan April untuk mengarusperdanakan inovasi dalam masyarakat kita kerana itu penting untuk memastikan ada bakat-bakat yang boleh mengambil peluang daripada ekosistem syarikat pemula yang lebih baik yang disediakan oleh kerajaan selepas ini.

Begitu juga daripada segi kemahiran, kerajaan melalui Kementerian Ekonomi akan bekerjasama dengan industri untuk melancarkan pada skala nasional, satu program yang dipanggil *Academy in Industry*, iaitu program-program kerja berkemahiran yang lebih menekankan kepada konsep, dengan izin, *on the job training*.

Jadi *insya-Allah*, dengan tiga buah komponen ini, pertama, dasar dan fokus kerajaan dalam sektor-sektor bernilai tinggi. Kedua, tata kelola dan disiplin kewangan kerajaan yang ada, yang *insya-Allah*, akan membina keyakinan pelabur untuk datang melabur.

■1340

Ketiga, dengan tenaga kerja yang seiring dengan kemahiran yang diperlukan oleh industri, ini akan berjaya membantu menstrukturkan kembali ekonomi kita ke arah yang lebih mampan.

Jadi dengan penerangan-penerangan itu, saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua atas masa tambahan yang diberikan. Kalau ada perkara-perkara khusus yang lain, yang itu boleh dijawab secara bertulis kerana kebanyakannya berbentuk angka-angka khusus yang dibawa oleh Ahli-ahli Dewan khusus bagi kawasan masing-masing. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Mohd Rafizi bin Ramli, Menteri Ekonomi atas jawapan yang telah diberikan.

Seterusnya saya menjemput Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya. Silakan Menteri.

1.41 ptg.

Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya [Tuan Khairul Firdaus bin Akbar Khan]: *Bismillahi Rahmani Rahim*, salam sejahtera dan salam Malaysia MADANI.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah berbahas dan menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) semasa sesi

perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Dewan ini dari 21 hingga 23 Mac 2023 yang lalu.

Pada hari ini MOTAC akan memberikan maklum balas terhadap pertanyaan-pertanyaan yang telah dikemukakan oleh empat orang Ahli Yang Berhormat Senator yang berbahas menyentuh isu MOTAC iaitu pertama, Yang Berhormat Senator Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan. Kedua, Yang Berhormat Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff. Ketiga, Yang Berhormat Senator Puan Susan Chemerai Anding dan keempat, Yang Berhormat Senator Tuan Amir bin Ghazali.

Berkenaan pertanyaan Yang Berhormat Senator Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan, pelaksanaan Dasar Kebudayaan Negara 2021 (DAKEN 2021). Tuan Yang di-Pertua, MOTAC telah menggubal Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) dengan mengambil kira semua asas utama dan prinsip yang telah digariskan oleh Dasar Kebudayaan Kebangsaan (DKK) 1971 serta menitikberatkan aspek keterangkuman terhadap semua pihak berkepentingan dalam kalangan rakyat Malaysia. Penggubalan DAKEN 2021 juga telah melalui proses libat urus dengan semua pihak secara holistik tanpa meminggirkan mana-mana pihak daripada setiap sektor dan komponen. DAKEN 2021 mempunyai punca kuasa yang lebih jelas melalui kelulusan Mesyuarat Jemaah Menteri selari dengan kehendak masyarakat selepas 50 tahun DKK.

Dalam proses untuk- kepada orang awam melalui strategi serta pelan tindakan hala tuju tempoh lima tahun pertama sehingga 2025, strategi dan pelan tindakan ini juga akan dipantau dengan rapi oleh Jawatankuasa Teknikal dan Jawatankuasa PEMANDU yang dianggotai oleh pelbagai kementerian, jabatan, agensi, badan bukan kerajaan dan lain-lain pemegang taruh yang berkaitan untuk memastikan dasar ini dilaksanakan seperti yang dihasratkan.

Cadangan daripada Yang Berhormat Senator Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan berkenaan penyusunan semula fungsi kementerian bagi memartabatkan sektor kebudayaan. Tuan Yang di-Pertua, MOTAC sentiasa mengambil langkah proaktif tanpa meminggirkan mana-mana fungsi dan peranan yang ditetapkan di bawah Akta Fungsi-fungsi Menteri.

Ia juga telah dihasratkan secara jelas melalui Pelan Strategik MOTAC 2021 – 2025 dengan misi untuk memperkasakan ekosistem industri pelancongan dan kebudayaan yang inklusif yang telah dirangka secara komprehensif dengan mengambil kira fungsi, peranan dan hala tuju setiap bahagian, jabatan dan agensi di bawahnya. Walau bagaimanapun, MOTAC tiada halangan dan sentiasa mengalu-alukan cadangan penambahbaikan bagi memperkasakan seni, budaya dan warisan...

Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan: Mohon mencelah Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri.

Gagasan di sini yang saya timbulkan terutamanya soal memartabatkan ataupun maqam dengan pengertian antara pelancongan dengan kebudayaan. Secara epistemologi ataupun teori ilmunya, kebudayaan itu merangkumi seluruh aspek kehidupan. Pelancongan barangkali satu sisi soal ekonomi. Jadi dalam soal ini kerajaan saya kira harus memberikan kejelasan. Jangan sampai seni, budaya, kebudayaan itu, saya katakan tersorok, tersembunyi di sebalik pelancongan. Jadi dalam soal ini pun saya kira harus dinilai semula.

Kedua, saya juga menyoal bahawa peruntukan kewangan dalam Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya. Mohon Yang Berhormat mengesahkan bahawa ternyata peruntukan bagi bidang warisan di Jabatan Warisan Negara dan Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negara ternyata tersangat kecil. Ini saya ketahui daripada kontak, daripada interaksi saya dengan rakan-rakan di kedua-dua jabatan itu. Jadi saya mohon ini dijelaskan. Terima kasih.

Tuan Khairul Firdaus bin Akbar Khan: Terima kasih atas soalan dan pandangan Yang Berhormat Senator. Memang kita di kementerian sedar dan tahu betapa pentingnya untuk kita memartabatkan dan memperkasakan kebudayaan. Itu sebabnya untuk makluman Yang Berhormat Senator, dua minggu yang lalu, Jabatan Warisan Negara telah menyempurnakan beberapa memorandum dengan beberapa buah universiti untuk kita melihat kembali dan balik ke pangkal dari sudut, dengan izin, *research* bagaimana kita boleh memastikan supaya setiap budaya ataupun setiap... [*Bunyi telefon bimbit*] Adat yang ada dapat dirangkumkan sebagai satu khazanah negara supaya ia tidak dilupai, pertama.

Keduanya berkaitan peruntukan ataupun bajet yang dipersoalkan sebentar tadi. Kita tahu peruntukan ataupun bajet yang disediakan untuk perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator sebentar tadi, tidaklah sebesar seperti peruntukan untuk agensi-agensi lain di bawah MOTAC. Akan tetapi, ada sedikit penambahbaikan iaitu bajetnya lebih besar daripada tahun-tahun yang sebelumnya. Terima kasih Yang Berhormat Senator.

Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan: Saya mencelah lagi. Ini mungkin soalan cepu emas iaitu, apa pandangan Yang Berhormat kalau saya menyarankan dikembalikan soal ini *nomenclature*, iaitu penjenamaan itu bahawa kebudayaan itu seperti yang saya katakan satu rangkuman seluruh aspek kehidupan manusia. Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat kalau saya sarankan nama kementerian itu sendiri harus utamakan kebudayaan? Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan kalau pelancongan masih mahu dipadukan dengan- itu satu pertanyaan. Terima kasih.

Tuan Khairul Firdaus bin Akbar Khan: Terima kasih atas pandangan sekali lagi Yang Berhormat Senator. Perkara-perkara sebegini perlunya ada satu kajian ataupun satu perbincangan yang menyeluruh. Saya di sini tidak ada kapasiti untuk memberikan jawapan yang tepat. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua, MOTAC melalui agensinya, Jabatan Warisan Negara (JWN) akan melaksanakan fungsinya di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645] untuk memulihara, memelihara dan melindungi tapak melalui penyelidikan dan pembangunan (R&D) sebagaimana yang dirancang termasuklah tapak-tapak yang mempunyai kepentingan geologi.

Sebagai makluman, terdapat tiga Tapak Warisan Dunia *United Nations Educational Scientific and Cultural Organization UNESCO* di Malaysia yang mempunyai kepentingan geologi iaitu Taman Kinabalu tahun 2000, Taman Negara Mulu tahun 2000 dan Tapak Warisan Dunia Arkeologi Lembah Lenggong tahun 2012 yang mana Taman Kinabalu dan Arkeologi Lembah Lenggong telah disenaraikan sebagai Geopark Kebangsaan. MOTAC sentiasa memantau ketiga-tiga tapak ini bagi memastikan ia terus kekal sebagai status tapak warisan dunia UNESCO melalui *conservation management plan* (CMP) yang telah sedia ada.

Usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff berkenaan perolehan salinan manuskrip Melayu di luar negara.

■1350

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator, perkara ini bukan di bawah seliaan MOTAC. Arkib Negara Malaysia yang merupakan jabatan yang bertanggungjawab dalam melaksanakan fungsi ini, tidak lagi bersama MOTAC kerana telah diletakkan di bawah pentadbiran Kementerian Perpaduan Negara.

Yang Berhormat Senator Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff juga membawa usul berkenaan promosi pusat ekopelancongan di Dabong.

Tuan Yang di-Pertua, menerusi Pelan Ekopelancongan Kebangsaan 2.0, MOTAC telah pun mengenal pasti kluster ekopelancongan Merapoh, Gua Musang, Stong, Kuala Koh yang turut merangkumi Dapong. Kluster ini merupakan salah satu daripada 60 kluster ekopelancongan di Malaysia yang telah dikenal pasti berpotensi dibangunkan bagi merancang ekonomi setempat. Antara tarikan utama di Dabong dan kawasan sekitar kluster ini adalah Gunung Stong yang terkenal dengan keindahan Air Terjun Jelawang, *homestay and train* yang menyediakan kemudahan penginapan, hospitaliti dan pengalaman ekobudaya di samping pengembaraan melalui kereta api- *train to Dabong*. Gua Ikan turut menjadi tumpuan pelancong yang meminati aktiviti *caving adventure*.

Tourism Malaysia juga berterusan mempromosi produk-produk pelancongan Malaysia di peringkat antarabangsa dengan menyertai pameran-pameran pelancongan dengan menjemput kerajaan negeri seperti mengambil bahagian dalam acara *World Travel Mart* di London, *International Tourismus-Borse* di Berlin, *Arabian Travel Mart* di Dubai, *Asian Tourism Forum* dan *Roadshow* di Australia, Eropah, *Nordic* dan lain-lain yang merupakan antara platform terbaik bagi merangka dan mempromosi pakej-pakej percutian dengan rakan-rakan industri di peringkat antarabangsa. Selain itu, *Tourism Malaysia* giat memperkenalkan produk-

produk pelancongan yang berpotensi di seluruh negara di bawah program *Mega Familiarization (Mega Fam)*.

Sekali lagi Yang Berhormat Senator Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff ada membawa isu berkenaan dengan pembangunan infrastruktur pelancongan. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator, penyediaan infrastruktur jalan raya ke kawasan tumpuan pelancongan adalah di bawah pihak kuasa tempatan walaupun isu yang dinyatakan menyentuh sektor pelancongan.

Namun MOTAC sentiasa memberi perhatian kepada ketersediaan infrastruktur sokongan dalam menyokong aktiviti sektor pelancongan di seluruh negara. MOTAC sememangnya bekerjasama rapat dengan semua kerajaan negeri termasuklah Kerajaan Negeri Kelantan. MOTAC turut bersedia untuk mempertimbangkan sebarang permohonan produk-produk baharu selaras dengan hala tuju MOTAC dan keutamaan Kerajaan Negeri Kelantan melalui Unit Perancangan Ekonomi Negeri Kelantan bagi membantu menaik taraf infrastruktur dan kemudahan pelancongan di negeri Kelantan demi menyokong industri pelancongan tempatan sekali gus menjana ekonomi setempat dengan syarat aspek penyelenggaraan secara berkala diberi perhatian yang sewajarnya selepas projek dilaksanakan dan diserahkan kepada agensi pemilik.

Yang Berhormat Puan Susan Chemerai Anding, ada di sini...? Ada, okey. Ada membawa usul cadangan memberi fokus kepada kawasan pedalaman di Sarawak. Kementerian ini sentiasa menyokong usaha dalam mempromosikan produk-produk unik dalam negara termasuk kawasan pedalaman di Sarawak bagi mempelbagaikan penawaran keunikan produk pelancongan dan warisan sebagai tunjang utama daya penarik kepada pelancong dalam dan luar negara.

Sarawak sememangnya terkenal dengan alam semula jadi yang menarik, unik dan sentiasa menjadi tumpuan pelancong tempatan mahupun antarabangsa. Antara kawasan pedalaman yang menyediakan aktiviti pelancongan termasuklah Sungai Serin dan Sungai Semadang. Lokasi ini menjadi tarikan pelancong kerana terdapat aktiviti *bamboo rafting* dan *river kayaking* yang menarik pelancong domestik dan antarabangsa.

Kementerian turut memperkasakan produk pelancongan *homestay* melalui geran sokongan bagi menaik taraf dan menyelenggarakan *homestay* di Sarawak seperti *Homestay Rumah Panjang Bario Highland*, Miri, *Homestay Rumah Panjang Long Iman*, Mulu dan *Homestay Pueh*, Lundu.

Bagi membangunkan usahawan di kawasan pedalaman pula bagi mereka menghasilkan dan mengeluarkan produk kraf tangan, kraf tangan Malaysia sentiasa mengadakan program-program pembangunan industri secara berterusan dengan melatih dan memperkasa usahawan melalui program pembangunan produk, program pembangunan

kemahiran teknikal dan program keusahawanan serta pemasaran kraf dalam meningkatkan mutu dan kualiti produk yang dihasilkan bagi memenuhi permintaan pelancong.

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: Boleh saya mohon mencelah, Tuan Yang di-Pertua? Saya tadi *happy, I'm quite* gembira apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa *Tourism Malaysia* ini telah menyertai *Arab Travel Mart, ITB Berlin* dan *World Travel Mart* di London.

Jadi, saya punya soalan sekarang ini sebenarnya *Tourism Malaysia*, MOTAC ini, ia punya *target tourist arrival* untuk tahun ini berapa orang? Pendapatan yang dijangka dijanakan untuk negara sehingga bulan 12 ini berapa orang? Saya juga minta *until* bulan Mac ini sebenarnya kedatangannya berapa orang? Ini sebab saya tidak ada dengar pengumuman daripada MOTAC lagi.

Tuan Khairul Firdaus bin Akbar Khan: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Untuk makluman Yang Berhormat Senator dengan izin, *target* pelancong ataupun *tourist arrival* ke negara kita pada tahun ini adalah dalam 15.1 juta dan dianggarkan pendapatan yang kita boleh dapat ialah RM49.2 bilion.

Bagi data bulan tiga ini, kita belum mendapat data sepenuhnya kerana ia berkaitan dengan kementerian-kementerian dan agensi-agensi lain. Kita hanya memastikan supaya promosi dan juga berkaitan dengan pelancongan dapat diuruskan dengan baik. Bila kami sudah dapat data itu, nanti kita akan hantar jawapan bertulis. Terima kasih.

Pengiktirafan tersebut adalah sejajar dengan hasrat Sarawak untuk mempromosikan makanan masyarakat setempat Sarawak di peringkat antarabangsa. Pengiktirafan ini juga akan merancakkan lagi ekonomi dan industri pelancongan serta kebudayaan Malaysia terutamanya bagi negeri Sarawak.

Yang Berhormat Senator Puan Susan Chemerai Anding ada membawa cadangan berkenaan dengan rumah panjang lama sebagai *homestay*. Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini telah memperkenalkan Program Pengalaman Homestay Malaysia yang berkonsepkan pengalaman pelancongan- *experiential tourism*, dan Pelancongan Berasaskan Komuniti- *Community-Based Tourism* di mana pelancong yang datang perlu menginap bersama pengusaha program, menjalani gaya hidup masyarakat luar bandar dan turut serta dalam aktiviti seharian seperti memasak, menoreh, memancing, makan bersila, rewang, belajar tarian, sukan tradisional dan lain-lain lagi.

Berhubung cadangan Yang Berhormat Senator supaya rumah panjang yang ditinggalkan diusahakan sebagai *homestay*, MOTAC menyambut cadangan tersebut sekiranya rumah panjang lama yang ditinggalkan memenuhi kriteria Program Pengalaman *Homestay* Malaysia. Komuniti rumah panjang tersebut boleh mengemukakan permohonan untuk berdaftar di bawah MOTAC.

Mohon bertanya kalau Yang Berhormat Senator Tuan Amir bin Ghazali ada di sini? Yang Berhormat Senator Tuan Amir bin Ghazali ada membawakan beberapa perkara berkenaan dengan nilai-nilai seni, budaya dan masyarakat, kekurangan sokongan daripada kerajaan dan syarikat swasta, seni bela diri pelbagai kaum, karya seni sebagai elemen perpaduan kaum.

Tuan Yang di-Pertua, MOTAC melalui jabatan dan agensinya serta pihak swasta dan Badan Bukan Kerajaan sentiasa merancang dan melaksanakan pelbagai program dan aktiviti seni budaya di pelbagai peringkat daripada peringkat kebangsaan sehingga ke akar umbi dalam usaha mengembang dan menyemarakkan kesenian Malaysia.

Melalui Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), antara program dan aktiviti seni budaya yang dijalankan adalah seperti berikut;

- (i) Pelancongan Budaya- *Culture-Based Tourism* seperti Pesta Angin Timur;
- (ii) permainan tradisional kebangsaan; dan
- (iii) iftar@Kuala Lumpur.

Festival Seni Hidup@*Living Arts Cultural Festival* merupakan festival yang mengangkat dan mempromosikan pelbagai kesenian warisan, masyarakat dunia, kesenian yang diketengahkan adalah kesenian yang telah diiktiraf oleh UNESCO dan mendapat pengiktirafan warisan kebangsaan.

Program perantisan dalam usaha memulihara, memelihara dan mengekalkan kesenian tradisional yang hampir pupus melalui pewujudan kumpulan pelapis dan Program Bimbingan Seni Budaya (PBSB) yang merupakan usaha untuk memupuk minat murid sekolah terhadap seni budaya.

■1400

Manakala kementerian menerusi Jabatan Warisan Negara (JWN) telah mengambil pelbagai usaha untuk memulihara, memelihara dan melindungi warisan negara dengan mewartakan mana-mana butiran yang berkepentingan termasuk warisan kebudayaan tidak ketara- *intangible cultural heritage* sebagai warisan kebangsaan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645]. Sehingga kini, sejumlah 517 warisan kebudayaan tidak ketara telah diiktiraf sebagai warisan kebangsaan yang meliputi adat dan budaya, seni persembahan, seni halus dan kraf serta bahasa dan persuratan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645].

Di peringkat antarabangsa pula, sejumlah enam warisan tidak ketara telah berjaya diberikan pengiktirafan di peringkat UNESCO seperti: mak yong; dondang sayang; pantun; wangkang; silat; dan songket. Bagi menggalakkan penerusan kegiatan seni dan budaya yang berkaitan dengan pertahanan diri, MOTAC melalui JWN sentiasa bekerjasama rapat dan

memberi sokongan kepada mana-mana persatuan serta komuniti agar ia boleh bergerak secara aktif dengan merangka pelbagai aktiviti atau program yang berkaitan seni dan budaya. Manakala Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara (LPSVN) turut melaksanakan penganjuran pameran seperti Pameran Nusa yang sedang berlangsung di Balai Seni Negara sehingga tahun 2025 dengan tujuan membawa mesej perpaduan bangsa melalui pameran sebanyak 439 koleksi negara.

Selain itu, Projek Khas Jejak Seni LPSVN juga mengambil inisiatif untuk memetakan ekosistem seni di seluruh negara dengan mengenal pasti 286 karya seni yang terdiri daripada karya awam, lorong seni, persatuan, komuniti dan kolektif seni, galeri, studio dan residensi yang dihasilkan oleh aktivis seni visual daripada pelbagai bangsa dan kaum.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum mengakhiri sesi penggulangan, saya merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengemukakan pandangan, saranan dan cadangan dalam memajukan sektor pelancongan, seni dan budaya Malaysia Madani.

Tuan Amir bin Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, mencelah tentang pelancongan. Bagi mengekang hakisan identiti negara, apakah tindakan Kementerian Pelancongan tentang isu lambakan makanan-makanan asing yang sekarang ini menjajah negara kita? Ini bawah pelancongan ya.

Jadi, dia telah mengekang, menghakiskan identiti negara sedangkan kita punya makanan, kita punya kuih-kuih yang tradisional, yang banyak melimpah ruah tetapi kita di dalam negara kita ini, kebanyakan pelancong-pelancong suka kawasan-kawasan, tempat-tempat makanan Barat, Asia Timur dan pelbagai lagi. Itu saya nak tanyalah tentang apakah tindakan Kementerian Pelancongan.

Tuan Khairul Firdaus bin Akbar Khan: Terima kasih Yang Berhormat Senator atas keprihatinan berkenaan dengan makanan tradisional kita. Kalau kita guna ayat kena jajah itu bahaya sedikit Yang Berhormat Senator, pasal saya tengok rakyat kita pagi-pagi masih juga sarapan nasi lemak. So, masih selamat, jangan risau... *[Ketawa]* Bagaimana kita hendak memastikan supaya makanan-makanan tradisional ataupun makanan-makanan kita dapat dipertahankan, itu sebabnya kita ada agensi seperti JWN dan JKKN. Dua buah agensi inilah yang sentiasa memantau dan memastikan supaya setiap perkara yang berkaitan dengan seni dan budaya kita dan bab ini merupakan makanan tradisional.

Mereka akan sentiasa mempromosikan dan membanyakkan aktiviti kesedaran. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, dua minggu yang lalu kita ada buat Pesta Sambal dan Pesta Sambal ini kita selalu nampak sambal nasi lemak tetapi sebenarnya sambal ini ada pelbagai cabang dan ini salah satu bentuk program yang kita telah lakukan. Jangan risau, mustahil sama sekali makanan luar dari Malaysia boleh menjajah Malaysia. Ini pertama kali saya dengar, cukup terkejut.

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: Mohon mencelah lagi sekali, pasal makanan ini tadi.

Tuan Khairul Firdaus bin Akbar Khan: Yang Berhormat Senator, cukuplah. Habis sudah masa.

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: Tak, tak. Saya ingat kita cadangkan balik, Dewan ini cadangkan balik '*Malaysia Truly Kitchen*' itu kita letak balik bawah Kementerian Pelancongan sebab Yang Berhormat Timbalan Menteri ini pandai masak ini. Saya tengok dia pandai masak makanan. So, kita ambil balik, kita bagi balik. Sebab apa, mempromosikan makanan ke luar negara ini amat perlu dan saya tahu peranan Kementerian Pelancongan ini amat penting untuk masakan Malaysia ke *international* punya level.

Tuan Khairul Firdaus bin Akbar Khan: Cadangan Yang Berhormat Senator memang amat baik. Kalau saya ada kuasa lebih, saya lantik Yang Berhormat Senator jadi *chairman* tetapi saya tak ada kuasa... [Ketawa] Selain itu juga, saya ingin memanjangkan jemputan kepada semua Yang Berhormat yang ada di dalam Dewan yang mulia ini untuk menghadirkan diri ke Program Iftar pada 8, 9 dan 15 hari bulan di Dataran Merdeka di bawah anjuran bersama MOTAC. Mana-mana Ahli Yang Berhormat Senator ada masa lapang, mahu merasakan makanan tempatan, tradisional, datanglah. Jadi, boleh rasa sendiri.

Kami di MOTAC akan terus komited untuk membantu industri pelancongan negara termasuklah dalam usaha melipatgandakan persediaan ke arah Tahun Melawat Malaysia 2025 (*Visit Malaysia 2025*). Sekian. *Wabillahitaufik walhidayah. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Tuan Khairul Firdaus bin Akbar Khan atas jawapan yang telah diberikan.

Seterusnya, saya menjemput Kementerian Komunikasi dan Digital. Dipersilakan, Yang Berhormat Menteri.

2.07 ptg.

Menteri Komunikasi dan Digital [Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Alhamdulillah*, syukur kita ke hadrat Allah SWT kerana diberikan kesempatan dan saya khususnya buat pertama kali hadir ke Dewan yang mulia ini.

Saya perhatikan kerusinya lebih empuk kalau dibandingkan dengan Dewan Rakyat. Jadi, saya bercakap dengan timbalan saya di sini, alangkah baik kalau kita ada kerusi yang lebih ergonomik di Dewan Rakyat seperti yang ada di Dewan Negara. Apa pun, saya ambil kesempatan ini untuk mengucapkan salam Ramadhan Mubarak. Semoga segala amalan kita diterima Allah SWT.

Bagi pihak Kementerian Komunikasi dan Digital, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada tujuh Ahli Yang Berhormat Senator yang prihatin dan telah mengambil

bahagian dalam memberikan pandangan serta saranan yang menyentuh bidang tugas kementerian saya sepanjang sesi perbahasan ke atas Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa Istiadat Pembukaan Penggal Kedua, Majlis Parlimen Kelima Belas yang bermula pada 21 Mac hingga 23 Mac yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk John Ambrose, Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai dan Yang Berhormat Senator Tuan Abun Sui Anyit telah membahaskan isu berkaitan perkhidmatan Internet ataupun komunikasi di Sabah dan Sarawak. Kerajaan memahami keperluan kesalinghubungan Internet untuk semua rakyat dan ini telah mendorong kerajaan untuk membuat penaiktarafan pelan jalur lebar di Sabah dan Sarawak termasuklah di kawasan luar bandar dan pedalaman yang sedang diperluaskan secara berperingkat melalui pelaksanaan Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) Fasa 1 tahun 2020-2022, dan Fasa 2 bagi tahun 2023-2025.

Bagi Sabah, setakat suku ke-empat tahun 2022, peratus liputan 4G di kawasan berpenduduk telah meningkat kepada 90.33 peratus berbanding 73.41 peratus sebelum pelaksanaan JENDELA pada suku kedua 2020. Melalui inisiatif JENDELA fasa 1 di Sabah, sebanyak 171,554 buah premis telah siap disediakan dengan sambungan gentian optik bagi jalur lebar talian tetap manakala baki sebanyak 79,431 dalam peringkat pelaksanaan daripada 251,165 yang telah dirancang.

Sebanyak 4096 alat pemancar komunikasi telah siap dinaiktarafkan kepada teknologi 4G manakala bagi sebanyak 27 lagi dalam peringkat pelaksanaan daripada 4,123 yang dirancang. Kementerian ini melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) juga telah menyiapkan 159 buah menara baru setakat suku keempat 2022 dan dalam proses menyiapkan baki 455 buah menara daripada 614 buah menara yang telah dirancang.

■1410

Kesemua inisiatif yang sedang dalam peringkat pelaksanaan dijangka akan siap sepenuhnya menjelang suku keempat 2023. Bagi memperluas capaian Internet yang lancar dan laju di kawasan luar bandar dan pedalaman, kerajaan telah membina sebanyak 138 - jalur lebar satelit di Sabah yang telah pun siap beroperasi sepenuhnya pada April 2022.

Selain itu, kerajaan turut melaksanakan penyediaan infrastruktur jalur lebar menggunakan kaedah *point of presence* (POP) hab gentian optik. Jumlah projek POP yang dirancang di seluruh Sabah sebanyak 695 projek berhampiran sekolah dan kawasan industri. Jumlah ini terdiri daripada 59 projek POP fasa satu, 636 projek POP fasa dua dan 8 projek POP di kawasan industri. Sehingga 20 Mac 2023, pelaksanaan POP fasa satu di Sabah telah berjaya disempurnakan dengan penyediaan premis sebanyak 7004, yang mana daripada jumlah tersebut, 2912 telah dilanggan oleh penduduk sekitarnya.

Bagi Sarawak pula, setakat suku ke-empat tahun 2022, peratus liputan 4G di kawasan berpenduduk telah meningkat kepada 87.12 peratus berbanding 73.67 peratus sebelum

pelaksanaan JENDELA pada suku kedua 2020. Bagi membekalkan perkhidmatan komunikasi yang baik di Sarawak, sebanyak 90,840 buah premis telah siap disediakan dengan sambungan gentian optik bagi jalur lebar talian tetap. Manakala, baki sebanyak 24,447 lagi dalam peringkat pelaksanaan daripada jumlah 115,287 yang dirancang setakat suku keempat 2022.

Selain itu, sebanyak 3546 alat pemancar komunikasi telah siap dinaiktarafkan kepada teknologi 4G. Manakala, baki sebanyak 43 lagi dalam peringkat pelaksanaan daripada 3589 yang dirancang. SKMM juga telah menyiapkan 158 buah menara baharu dan dalam proses menyiapkan baki 684 buah menara daripada 842 buah menara yang dirancang. Kesemua inisiatif yang sedang dalam peringkat pelaksanaan dijangka siap sepenuhnya menjelang suku keempat 2023.

Kerajaan telah mempercepat penyediaan perkhidmatan jalur lebar melalui teknologi satelit di 523 buah lokasi di kawasan pedalaman Sarawak yang pada asalnya dirancang dilaksanakan pada tahun 2023 dalam JENDELA fasa dua yang berjaya disiapkan sepenuhnya dalam JENDELA fasa satu pada tahun 2022.

Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai telah membangkitkan kenyataan kadar liputan 4G di Sarawak dikatakan pada kadar 54 peratus. Untuk makluman Yang Berhormat Senator..., Datuk ada, ya? Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kadar 54 peratus 4G di Sarawak yang dirujuk adalah sebenarnya memetik kenyataan akhbar oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Utiliti dan Telekomunikasi Sarawak sebelum ini. Kadar ini merujuk kepada liputan geografi 4G ataupun, dengan izin, *geographical coverage* yang merangkumi semua kawasan Sarawak.

Seperti yang saya sebutkan tadi, angka yang kita gunakan, takrifnya ialah kawasan berpenduduk; bukan geografi tetapi kawasan yang ada penghuni. Di Sarawak bagi liputan 4G, nilainya ataupun kadarnya ialah 87.12 peratus. Ini sebenarnya Yang Berhormat Senator, ia tidak memaafkan masalah apabila kita keluar katalah di mana-mana tempat pun dari Kuching kita keluar 10-15 minit pun kadang-kadang tidak ada *line*. Ini masalah yang dihadapi dan saya telah meminta pihak SKMM untuk meneliti supaya masalah *network sharing* dengan izin, dapat diselesaikan.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Tuan Abun Sui Anyit..., ada? Yang telah membangkitkan isu liputan Internet di kampung Data Kakus. Sukacita saya maklumkan bahawa sebuah menara di bawah inisiatif JENDELA fasa 1, sedang dilaksanakan di kampung tersebut. Menara ini dijadualkan siap beroperasi menjelang suku ke-empat tahun 2023. Sebagai langkah interim, perkhidmatan jalur lebar melalui teknologi satelit (VSAT) di bawah inisiatif JENDELA telah dipasang di Uma Mudung, Data Kakus.

Selain itu, kerajaan turut melaksanakan POP di Sarawak. Jumlah projek POP yang dirancang di seluruh Sarawak iaitu sebanyak 748 projek iaitu 60 bagi Fasa 1, 681 bagi Fasa 2, dan 7, projek POP di kawasan industri.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, bagi kawasan Hulu Rajang, satu projek POP di Sekolah Kebangsaan Abun Matu telah disiapkan. Manakala, 34 projek POP di bawah Fasa 2 telah dirancang dan akan disiapkan sebelum 2025. Pada masa yang sama, kerajaan negeri melalui *Sarawak Multimedia Authority (SMA)* dan *Sarawak Digital Economy Corporation (SDEC)* telah mewujudkan inisiatif *Sarawak Linking Urban, Rural and Nation (SALURAN)* dalam usaha memperluaskan perkhidmatan Internet di Sarawak.

Di bawah inisiatif SALURAN, kerajaan negeri telah mewujudkan projek pembinaan sejumlah 600 buah menara telekomunikasi baharu yang dikenali sebagai *Sarawak Multimedia Authority Rural Telecommunication (SMART)* Fasa 1, dan 2. SMART Fasa 1 dijangka beroperasi pada suku kedua 2023. Manakala, SMART fasa 2 dijangka beroperasi menjelang penghujung tahun 2023. Bagi Parlimen Hulu Rajang, sejumlah 13 buah menara diperuntukkan di bawah SMART Fasa 1, dan 23 buah menara diperuntukkan di bawah SMART Fasa 2.

Yang Berhormat Senator juga telah membangkitkan isu kemudahan talian telefon di Kampung Data Kakus. Sukacita dimaklumkan, bagi Fasa 1, 2 daripada 13 buah menara yang telah siap dibina telah beroperasi dengan perkhidmatan 4G. Manakala, baki 11 buah menara masih belum beroperasi.

Ketika ini, pihak SDEC dan pihak pemberi perkhidmatan seperti *CelcomDigi*, *Maxis* dan *U Mobile* masih mengadakan proses rundingan komersial yang turut difasilitasi oleh SKMM bagi membolehkan perkhidmatan 4G disediakan di menara-menara kendalian SDEC tersebut. Dijangkakan proses rundingan dan seterusnya pemasangan peralatan komunikasi di menara-menara SMART Fasa 1 dapat dilaksanakan menjelang suku ke-2 tahun ini.

Yang Berhormat Senator Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan ada? Yang Berhormat Senator Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan bertanyakan mengenai penggunaan sistem amaran secara pesanan ringkas ke talian telefon sebagai persediaan menghadapi bencana alam.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, setakat bulan Januari dan Februari 2023, sebanyak 1,447,151 hebahan SMS amaran banjir ataupun *SMS blast* telah dihantar oleh pihak pemberi perkhidmatan- *service provider* kepada orang awam di kawasan-kawasan terlibat. Perincian maklumat hebahan SMS amaran banjir yang merangkumi pemberi perkhidmatan, negeri terlibat bagi bulan Januari dan Februari 2023 akan saya beri kepada Yang Berhormat Senator Dato' sekarang. Mungkin nanti pihak Bentara akan berikan. Ia ada satu- graf, satu- *table* yang mana ada perinciannya di situ.

Yang Berhormat Senator Dato' Arman Azha Abu Hanifah..., ada? Tidak ada. Akan tetapi, perkara ini penting. Jadi, saya akan jawab. Juga, Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai

telah menyarankan supaya Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 diteliti dan dikemas kini agar seiring dengan perkembangan teknologi dan perubahan perundangan privasi global.

Dalam usaha untuk menambah baik Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 [Akta 709] agar selari dengan perkembangan teknologi semasa dan perubahan perundangan antarabangsa, kementerian ini melalui Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP) dalam proses meminda Akta 709.

Antara cadangan pindaan termasuk mewajibkan pengguna data- data *user* melantik pegawai perlindungan data, melaporkan sebarang insiden kebocoran data kepada Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi Malaysia dalam tempoh masa yang ditetapkan dan meletakkan tanggungjawab secara langsung kepada pemproses data- *data processor* untuk melindungi keselamatan data peribadi.

JPDP juga telah membangunkan kod tata amalan bagi golongan pengguna data daripada sektor industri yang diwartakan untuk berdaftar di bawah akta dan menambah baik kod tersebut dari semasa ke semasa. Kod tata amalan ini merupakan dokumen perundangan yang memberikan panduan yang khusus untuk mengaplikasikan prinsip-prinsip yang terkandung dalam Akta 709 dalam urusan perniagaan di organisasi.

■1420

Sehingga Mac 2023, terdapat tujuh kod tata amalan khusus yang telah dibangunkan dan didaftarkan oleh Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi, iaitu melibatkan sektor elektrik, air, komunikasi, perbankan serta industri kewangan, insurans, penerbangan dan hospital swasta serta satu kod tata amalan umum bagi sektor yang belum mempunyai kod khusus. Di bawah seksyen 29, Akta 709, seseorang pengguna data yang gagal mematuhi kod tata amalan yang telah dibangunkan, jika sabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan tidak lebih setahun ataupun kedua-duanya.

Selain itu, pelbagai bentuk program kesedaran dijalankan di seluruh negara untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman pihak syarikat dan rakyat umum. Persidangan khusus bagi pihak syarikat atau pengguna data berdaftar dilaksanakan bagi memastikan golongan tersebut sentiasa cakna dan memahami tanggungjawab perlindungan data peribadi pelanggan yang sekali gus diharap dapat membantu mengurangkan insiden ketirisan data peribadi. Sejak tahun 2013 sehingga 14 Mac 2023, JPDP telah menganjurkan sebanyak 141 program kesedaran di seluruh negara melibatkan 135,445 orang peserta secara keseluruhannya.

Aktiviti penguatkuasaan dan pemeriksaan sistem data peribadi pengguna data juga dilakukan secara berkala untuk memastikan kepatuhan kepada Akta 709. Tindakan siasatan berdasarkan aduan dan maklumat mengenai insiden ketirisan data peribadi serta pelanggaran peruntukan Akta 709 turut dilaksanakan bagi memberi kesedaran kepada pihak syarikat serta

individu terlibat. Sejumlah 274 sesi pemeriksaan sistem data peribadi telah dilaksanakan mulai tahun 2016 hingga 21 Mac 2023.

JPDP juga menggunakan medium- *social media* untuk membuat hantaran harian berkaitan keperluan untuk mendaftar dan mematuhi Akta 709 yang menyasarkan pihak syarikat serta peringatan serta tip dalam mengendalikan data peribadi kepada masyarakat umum. Beberapa program yang melibatkan kerjasama strategik antara JPDP dan agensi di bawah kementerian ini termasuklah FINAS, BERNAMA, RTM dan Jabatan Penerangan telah dirancang dan akan dipaparkan kepada masyarakat umum dalam tempoh terdekat.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya, Yang Berhormat Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran telah mencadangkan supaya Kementerian Komunikasi dan Digital memberikan tumpuan untuk memperkasa penguatkuasaan undang-undang bagi mengawal selia industri ekonomi digital.

Seiring dengan agenda transformasi digital di Malaysia, KKD melalui agensinya *CyberSecurity Malaysia* telah melaksanakan *CyberSecurity Malaysia Collaboration Programme* (CCP) yang merupakan salah satu inisiatif bagi meningkatkan kerjasama awam-swasta ataupun *public-private partnership* (PPP), di mana PPP ini telah dikenal pasti sebagai satu tunggak rangka kerja keselamatan siber nasional bagi semua negara.

Program *CyberSecurity Malaysia Collaboration Programme* ini menyasarkan syarikat berdaftar di Malaysia yang menyediakan produk dan perkhidmatan keselamatan siber. Kerjasama strategik antara industri keselamatan siber tempatan dan entiti kerajaan ini bertujuan untuk membangunkan hubungan yang mampan antara kerajaan, industri dan akademik serta menangani jurang kemahiran tenaga kerja.

Selain itu, kerjasama strategik ini juga meningkatkan sumbangan industri keselamatan siber kepada pertumbuhan ekonomi negara dan memperkukuhkan ekosistem siber negara. Sejak tahun 2019, sebanyak 120 buah syarikat daripada sektor ICT telah mendaftar sebagai ahli CCP.

Bagi mencerminkan Malaysia sebagai sebuah negara yang mempunyai ekosistem ekonomi digital yang baik dan selamat kepada pasaran global, *CyberSecurity Malaysia* telah membangunkan Program SiberKASA sebagai sebahagian daripada peneraju transformasi digital negara. SiberKASA menyalurkan perkhidmatan dan kepakaran keselamatan siber dalam membangun, memperkasa, melestarikan, dan memperkukuhkan prasarana ekosistem keselamatan siber Malaysia agar sentiasa mampan, terpelihara dan berdaya tahan.

Sebagai pusat kecemerlangan yang menjalankan lapan domain aktiviti keselamatan siber di bawah sebuah bumbung, SiberKASA merupakan pendekatan secara holistik yang merangkumi tiga buah komponen utama keselamatan siber iaitu insan, proses dan teknologi. Program ini mengandungi lebih daripada 40- produk dan perkhidmatan keselamatan siber

yang dibangunkan oleh *CyberSecurity Malaysia* untuk menangani ancaman dan serangan siber.

CyberSecurity Malaysia juga, melalui penyelidikan dan penglibatan strategik, berupaya untuk mengenal pasti secara dinamik bidang keselamatan siber yang mengancam keselamatan siber dan kesejahteraan rakyat, menyediakan perkhidmatan, merangka pelan strategi *preemptive*, dengan izin, dan responsif termasuk program pembangunan keupayaan modal insan bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan ruang siber negara.

Dalam usaha menangani isu jenayah penipuan melalui panggilan telefon dan SMS, SKMM dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia, Bank Negara Malaysia dan syarikat-syarikat telekomunikasi secara berterusan memantau dan menambah baik tahap keselamatan perkhidmatan telekomunikasi bagi melindungi orang awam daripada ancaman *scammer* melalui inisiatif-inisiatif berikut.

Pertama, pembentukan pasukan petugas khas bagi penipuan telekomunikasi dengan kerjasama syarikat telekomunikasi dan Jabatan Siasatan Jenayah Komersial PDRM.

Kedua, mewujudkan satu garis panduan baharu bagi mengekang penipuan melalui panggilan dan perkhidmatan SMS yang menggariskan prosedur pemantauan dan peraturan sekatan ke atas panggilan dan SMS yang meragukan. Garis panduan ini diguna pakai oleh syarikat telekomunikasi berdasarkan kewajipan am di bawah seksyen 263(2) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan merangkumi kewajipan untuk memantau, mengesan, menyekat SMS yang meragukan dan melaporkan tindakan kepada SKMM.

Ketiga, menjalankan *advocacy* kepada pengguna dengan kerjasama agensi-agensi terlibat dan syarikat-syarikat telekomunikasi secara berterusan melalui pelbagai platform termasuk Portal Sebenarnya.my, Mycheck.my, Klik Dengan Bijak, hebahan SMS, media sosial, siaran televisyen dan radio.

Keempat, pengeluaran arahan sekatan kepada syarikat telekomunikasi untuk menapis dan menyekat larangan kandungan SMS seperti berikut: penggunaan pautan yang menjurus pengguna untuk klik suatu pautan; memohon maklumat peribadi pengguna seperti nama, nombor MyKad, nombor akaun perbankan dan lain-lain; dan mengandungi nombor talian mudah alih atau talian tetap untuk dihubungi.

Point akhir. Inisiatif-inisiatif ini terbukti berupaya meminimumkan isu jenayah penipuan SMS dan panggilan berdasarkan pencapaian-pencapaian utama seperti berikut:

- (i) sebanyak 2.1 bilion panggilan meragukan telah disekat bermula tahun 2017 hingga hujung tahun 2022;
- (ii) sebanyak 2,804 laman sesawang pancingan- *fishing* telah berjaya disekat akses bermula tahun 2020 hingga 2022;
- (iii) sebanyak 581 juta SMS yang meragukan telah berjaya disekat dari tahun 2021 hingga 2022; dan

- (iv) sebanyak 235,999 talian termasuk talian mudah alih dan tetap yang menghantar SMS meragukan telah ditamatkan perkhidmatannya bermula tahun 2021 sehingga 2022.

Ada satu lagi isu melibatkan *TikTok*. Yang Berhormat Senator Datin Hajah Ros Suryati binti Alang ada? Nanti saya akan jawab secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua...

Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan: Boleh saya mencelah, Yang Berhormat? Mungkin ada satu isu- terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Satu isu yang saya kira saya bangkitkan dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Kebawah Duli Yang di-Pertuan Agong. Peranan Kementerian Komunikasi dalam konteks menjadi penyalur dasar-dasar kerajaan, dasar-dasar negara paling penting. Itu saya kira pernah saya nyatakan sedikit kerja rumah saya lakukan, dalam seminggu saya meneliti siaran-siaran di media kerajaan ini, tidak campur lagi media swasta dan sebagainya.

Jadi, saya melihat bagaimana perancangan Yang Berhormat Menteri dalam konteks menjadikan Kementerian Komunikasi benar-benar berperanan sebagai penyalur dasar-dasar negara, terutamanya dasar-dasar perpaduan, Dasar Kebudayaan Kebangsaan, pendidikan, Dasar Bahasa Kebangsaan, soal agama dan sebagainya? Jadi, yang itu barangkali memerlukan sedikit jawapan ringkas, kalau dapat. Terima kasih.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Seri. Walaupun tidak sebahagian apa yang dibangkitkan ataupun disediakan jawapannya, tetapi semestinya pihak kementerian memandang serius isu terutama penyampaian maklumat yang tepat, yang jelas dan memberi penerangan kepada rakyat tentang dasar kerajaan yang membezakan antara fakta dan auta, antara fakta dan fitnah.

■1430

Ini yang sering kita lihat berlaku pada waktu ini, terutama dengan platform-platform media sosial yang terlalu banyak untuk kita pantau semuanya setiap masa, setiap hari di setiap tempat. *Everywhere all at once*. Jadi, mengambil tajuk filem yang menang Oscar baru-baru ini.

Walau apa pun, yang penting untuk saya nyatakan di sini antara cara kita memastikan maklumat yang disampaikan itu adalah tepat dan betul pertama, mengutamakan agensi seperti BERNAMA sebagai organ ataupun lidah rasmi kerajaan bagi semua kementerian. Ini kerana BERNAMA merupakan satu, dengan izin, *news wire* yang mana berita yang diterbitkan, semua yang media-media yang lain boleh memetik tanpa segan ataupun silu, tanpa waswas, itu yang pertama.

Kedua, pengisian program-program bagi penyiar utama, penyiar rasmi seperti RTM daripada segi program, ada penambahbaikan yang sedang dilakukan oleh Ketua Pengarah

yang baharu yang berasaskan kepada trend-trend yang kita lihat pada waktu ini di mana lebih ramai terutama di kalangan anak muda, mereka menonton berita pun melalui media sosial. Jadi, trend-trend ini kita ambil maklum untuk pastikan maklumat yang sampai ke tangan, mata dan telinga terutama rakyat Malaysia, golongan muda iaitu maklumat yang betul, tepat dan sahih daripada pihak kerajaan. Sekian dahulu Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil, Menteri Komunikasi dan Digital atas jawapan-jawapan yang telah diberikan.

Seterusnya saya menjemput Kementerian Dalam Negeri. Dipersilakan Yang Berhormat Menteri.

2.32 ptg.

Menteri Dalam Negeri [Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail]:
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Timbalan Yang di-Pertua: *Walaikumussalam.*

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: *[Membaca sepotong doa]* Tuan Yang di-Pertua, saya mulakan dengan ucapan Ramadan Kareem kepada Tuan Yang di-Pertua dan sekalian Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya mulakan dengan menghulurkan penghargaan terima kasih khususnya kepada seramai lapan Ahli Yang Berhormat yang saat mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja di Dewan ini telah secara langsung menyentuh dan menyinggung portfolio Kementerian Dalam Negeri. Pelbagai perkara telah dibangkitkan, tetapi ia berkisar kepada empat- paksi utama. Jawapan saya akan menjurus kepada empat- paksi ini.

Pertama, paksi keselamatan. Rakan kita Yang Berhormat Senator Tuan Aknan a/ Ehtook timbulkan perkara khusus tentang kehadiran istilahnya “sami palsu”. Yang Berhormat Senator Aknan ingin tahu, apa usaha yang dilakukan oleh kerajaan khususnya kementerian, untuk mengawal keadaan ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kawalan kerajaan merupakan kawalan yang bersifat mengguna pakai undang-undang yang ada. Apakah undang-undang yang ada? Undang-undang yang ada iaitu Akta Kesalahan Kecil 1955, di bawah seksyen 27(c). Apa lagi..? Akta Imigresen 1959/63, di bawah seksyen 6(1)(c). Akta ini gunanya untuk mengawal atau mengambil tindakan ke atas individu yang menyamar dan kemudian dalam samarannya itu dia membuat kutipan wang atau merayu wang daripada orang ramai.

Jadi, itu menyalahi undang-undang. Dalam kes yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, itu memang telah diambil tindakan oleh pihak polis. Tangkapan dibuat, kemudiannya pertuduhan di mahkamah juga telah dilakukan. Tangkapannya berlaku pada 8

Mac, kemudian kertas siasatan dibuka pada 16 Mac, terus dituduh di mahkamah di bawah akta yang saya sebutkan tadi.

Saya mengambil peluang ini untuk mengingatkan masyarakat dan orang ramai untuk berhati-hati dan melaporkan segera kalau kehadiran individu seperti ini berada di kawasan masing-masing. Kementerian juga dalam perkara yang sama melihat kalau-kalau berlaku atau wujudnya elemen pemerdagangan orang. Oleh sebab itu, kerajaan dan KDN serta Kementerian Luar Negeri sering bekerjasama dengan kedutaan Thailand dalam kes ini untuk memastikan elemen antipemerdagangan manusia itu tidak berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mohon menyentuh perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris yang bertanyakan tentang status Harimau Pembebasan Tamil Eelam (LTTE). Soalannya, adakah masih kerajaan klasifikasikan kumpulan ini sebagai kumpulan pengganas di Malaysia. Jawapannya, *ya*. Prosesnya adalah setiap enam bulan sekali, penelitian dibuat ke atas entiti-entiti atau organisasi-organisasi seumpama ini. Semakannya setiap enam bulan sekali.

Menteri pada waktu itu akan mendapat dan mengumpul maklumat daripada pelbagai agensi kawal selia, *intelligence* dan seumpamanya dan pada akhir menilai serta menganalisis maklumat itu, maka Menteri akan membuat keputusan. Saat ini, LTTE ini masih kita letakkan sebagai kumpulan pengganas di Malaysia mengikut undang-undang sedia ada.

Rakan kita Yang Berhormat Senator Tuan Haji Aziz bin Ariffin dan Yang Berhormat Senator Tuan Amir bin Ghazali bertanya secara khusus apakah rencana pemerintah untuk memastikan keselamatan sempadan darat dan maritim ini terpelihara dan terjaga. Tuan Yang di-Pertua, perkara tentang keselamatan sempadan ini dia menjurus kepada empat perkara. Pertama, soal kompetensi anggota-anggota keselamatan kita. Baik polis marin ataupun Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia. Komponen yang kedua, pemilikan aset yang betul-betul menunjukkan keupayaan. Ketiga, penggunaan teknologi. Keempat, aspek kerjasama serantau dengan negara-negara jiran kerana sempadan maritim kita ini, kita bersempadan dengan Indonesia, Singapura, Vietnam, Filipina dan segala macam.

Oleh sebab itu, bagi memberikan satu keyakinan kepada golongan rakyat terbanyak di luar sana, kita mengulangi komitmen kerajaan khususnya bahawa dalam soal kawalan terhadap sempadan darat dan maritim ini, ini merupakan tugas hakiki Kementerian Dalam Negeri melalui agensi yang berkaitan. Oleh sebab kehidupan semakin kompleks, maka perbuatan jenayah juga semakin rencam. Maka, ancaman jenayah sempadan ini termasuklah *kidnap for ransom group*- penculikan untuk wang tebusan, rompakan laut, *illegal fishing*, dengan izin.

■1440

Nelayan asing menjalankan kegiatan tangkapan ikan di kawasan perairan kita. Itu kerugiannya melebihi RM4 bilion ke RM5 bilion setahun. Penyeludupan manusia, penyeludupan senjata, penyeludupan dadah, penyeludupan rokok, penyeludupan minuman keras.

Itu data-data yang terkumpul dalam rekod pasukan keselamatan ketika menjalankan tugas mengawal keselamatan sempadan negara. Apakah elemen teknologi yang kita guna pakai?

Buat masa sekarang untuk makluman Ahli Yang Berhormat. Kita ada keupayaan radar, kita ada keupayaan dron, kita ada keupayaan *GPS tracker*, kita ada keupayaan *night vision goggle* dan kita juga gabungkan elemen *control, command, communication, computer intelligence surveillance* dan segala macam. Khusus untuk memastikan bahawa kita berada dalam keadaan yang terbaik bagi tujuan mengawal keselamatan darat, laut dan udara.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada paksi yang kedua iaitu Imigresen. Rakan kita Yang Berhormat Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran timbulkan satu tajuk khusus tentang Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS).

Sebenarnya ini garis samar. Tajuk ini lebih tepat dijawab oleh Kementerian Sumber Manusia tetapi kerana ia berkaitan pekerja asing ada juga komponen yang KDN terbabit, khususnya tentang semakan keselamatan, pengurusan visa dan seumpamanya.

Lalu jawapan saya begini, untuk tiga subsektor dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran iaitu tukang emas, gunting rambut dan gedung tekstil, ini sub sektor.

Sebenarnya kerajaan seawal tahun 2009 lagi sudah tutup terus sudah tidak buka lagi untuk sub sektor ini kerana kebergantungan industri ini, sub sektor ini kepada pekerja asing itu rendah. Ada keperluan tetapi tidak ramai diperlukan.

Jadi rasional kerajaan menghentikan waktu itu ialah alangkah baiknya kalau tiga subsektor ini dibuka keutamaan kepada penglibatan warga tempatan. Walaupun tutup tetapi kerajaan benarkan tiga subsektor ini kalau sebelum ditutup mereka sudah ada pekerja asing.

Jadi kalau tempoh mereka tamat mereka dibenarkan buat penggantian, itu keputusan awal. Keputusan yang kedua adalah pada tahun 2019. Pada 2019, kerajaan sekali buat ketetapan tentang tiga subsektor ini bahawa menjelang 31 Disember tahun 2022, tiga subsektor ini tidak lagi dibenarkan. Yang Berhormat Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran bertanyakan.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua boleh mencelah?

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: Ya silakan.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan ayat itu tergantung tadi. Teruskan dahulu.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Sila.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: Rakan kita Yang Berhormat Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran bertanyakan ketika tiga subsektor ini yang ramai penglibatannya adalah daripada rakan-rakan kita kaum India.

Saya hendak sebutkan bahawa dalam membuat satu keputusan benar atau tidak, tutup atau longgarkan. Pertimbangan kita merupakan pertimbangan ekonomi semata-mata. Waktu kita buat keputusan, kita tidak semak sektor ini didominasi oleh mana-mana kaum.

Jadi saya rayu kepada Yang Berhormat Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran ketika mengangkat tentang keperluan tiga subsektor ini untuk dibuka balik yang saya akan respons sekejap lagi. Asas keputusan kita asasnya ekonomi dan bukannya soal ia didominasi mana-mana kaum. Silakan.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua saya ingin mencelah dan saya harap masih ada hubung kait dalam isu Imigresen. Tidakkah ada hasrat kerajaan untuk mengkaji semula Imigresen yang terpakai di antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak.

Oleh sebab terasa sekarang ini macam masih ada Perjanjian Hudaibiyah maksudnya yang kena sana ada Imigresen yang ke sini tidak ada halangan Imigresen dalam keserasian pembentukan negara Malaysia mungkin sampai waktunya untuk isu ini dikaji semula. Mohon pencerahan.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: Analogi dengan Perjanjian Hudaibiyah itu agak tersasar sedikit saya ingat sebab konteks kita ini konteks MA63 menubuhkan sebuah negara merdeka yang namanya Malaysia.

Hudaibiyah ini kerjasama *Muslim* dan *Non Muslim* supaya memelihara kepentingan bersama, keamanan, *mutual respect* dan sebagainya. Jadi saya kurang bersetuju analogi Hudaibiyah tetapi saya jurus dekat sini ya.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Saya boleh tarik perkataan itu cuma sekadar hendak untuk hendak hubungkannya sahaja. Akan tetapi saya harap ada pandangan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak benarkan berhujah.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Okey terima kasih.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: Baik, jadi dalam perkara yang dipersetujui seawal kerangka penubuhan. Itu memang memperuntukkan beberapa perkara untuk masuk dalam jalur penguasaan Sabah dan Sarawak.

Oleh sebab itu Sabah dan Sarawak *they are equal partner*, dengan izin. Kita tidak panggil mereka "negeri Sabah", kita tidak panggil mereka "negeri Sarawak" dan kalau semangat MA63. Jadi dalam banyak-banyak komponen itu salah satunya ada kuasa Imigresen.

Jadi buat masa sekarang kerajaan tidak bercadang untuk mengkaji atau melihat semula kerana sistem itu kekal berjalan dan keadaannya tidak dianggap sebagai tidak kondusif sebaliknya hubungan itu sangat akrab, saling memahami antara kedua-dua negara, kedua-dua Borneo dan juga Semenanjung Malaya.

Jadi Tuan Yang di-Pertua saya mohon bahawa dalam soalan yang sedang saya berikan maklum balas sekarang tentang PLKS ini. Kerajaan ada rasional untuk tidak meneruskan setakat berakhir 31 Disember 2022.

Namun kerana ada permintaan supaya tidak dilihat terlalu mendaratnya itu terlalu mengejut walhal sudah lama keputusan 2019 lagi, tamatnya 31 Disember 2022. Akan tetapi masih dirasakan oleh tiga subsektor ini sebagai mereka perlu ruang untuk melakukan semacam, dengan izin, *soft landing*. Maka saya telah membuat keputusan untuk melanjutkan tempoh tiga subsektor ini untuk membenarkan PLKS mereka selama tiga bulan lagi. Apakah akan berlaku dalam masa tiga bulan?

Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri akan duduk sebuah dalam satu Jawatankuasa dan kita akan mengangkat syor sebagai penamat kepada isu beberapa subsektor yang kita tidak benarkan.

Buat masa sekarang kita lanjutkan tetapi lanjutannya adalah ke arah kita memuktamadkan. Satu buah dasar atau ketetapan yang lebih jelas kerana hal ini pun kita buat berdasar kepada maklum balas industri misalnya industri tekstil yang kita tidak benarkan ataupun kita tamatkan setakat 31 Disember 2022.

Itu kerana penggajian pekerja asing itu kebanyakannya untuk menjadi jurujual atau pembantu jualan dan ini tidak termasuk dalam sektor 3D yang kita terima sebagai dasar awal untuk membenarkan pekerja asing masuk iaitu *dirty, dangerous and difficult*- kotor, bahaya dan payah. Itu kerana rakyat tempatan kurang berminat. Jadi industri memerlukan pekerja.

Akan tetapi apabila kita benarkan pekerja diambil industri tekstil ini kajian oleh kementerian oleh kerajaan menunjukkan bahawa mereka berakhir sebagai jurujual atau pembantu jualan. Itu kita rasa perlu diutamakan dahulu rakyat tempatan.

Saya tahu industri akan bersungut susah dan payah untuk dapat pekerja ini. Sementara subsektor tukang emas ini. Rasional di sebalik kerajaan menghentikannya itu kerana yang diambil setakat ini semasa kita buka. Itu bukannya merupakan tukang emas yang punya kemahiran tinggi.

■1450

Jadi kalau sekadar pekerja asing yang berkemahiran rendah, kerajaan berpendapat tidak ada keperluan untuk subsektor ini diberikan kebenaran begitu, juga sektor gunting rambut. Ini kita anggap sebagai menjejaskan peluang rakyat tempatan lagipun *demand* ataupun tuntutan ke atas ketiga-tiga subsektor ini masih relatif rendah berbanding pembuatan, berbanding perkilangan, perladangan, perkhidmatan ataupun pertanian.

Yang Berhormat Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa bertanyakan tentang polisi imigrasi...

Dato' Sivaraj a/l Chandran: Boleh mencelah sedikit?

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: Ya, sila.

Dato' Sivaraj a/l Chandran: Yang Berhormat Menteri terima kasih. Saya menghargai atas keputusan untuk melanjutkan tempoh permohonan atau tambahan kepada pemegang PLKS. Saya hendak tekankan di sini, saya bukan- *argument* saya bukan berdasarkan agama / *mean* kaum, tetapi hakikatnya memang ketiga-tiga sektor ini didominasi oleh pengusaha-pengusaha India sebab itulah saya membawa isu ini daripada aspek itu.

Jadi seperti yang tadi bercakap tentang tukang emas katakan. Tukang emas itu memang permit itu tidak diberi khas untuk kemahiran atau pekerja yang berkemahiran. Jadi sebab itulah mereka terpaksa mengambil sebagai jurujual atau pekerja am dan mereka ini dilatih atau digunakan untuk kerja-kerja bukan kemahiran.

Kalau kementerian tidak dapat memenuhi permintaan untuk jurujual, saya cadangkan kalau boleh pertimbangkan untuk mengeluarkan satu segmen baharu untuk pekerja berkemahiran. Saya percaya itu amat penting khususnya bagi tukang-tukang emas.

Bagi tekstil saya setuju sebagai jurujual mungkin tidak ada keperluan banyak tetapi malah kedai-kedai tekstil ini menghadapi masalah untuk melatih jurujual-jurujual.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ini memberi ceramah. Kalau mencelah soalan penjelasan, fakta, penentuan.

Dato' Sivaraj a/l Chandran: Ya- tekstil. Jadi saya harap kementerian ada cadangan lain atau alternatif lain untuk membantu mereka lebih daripada tiga bulan ini dan saya percaya untuk kedai gunting rambut, kita boleh melatih orang- itu saya faham. So, saya berterima kasih dan saya berharap perkara ini dapat diselesaikan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kita tidak mengira masa yang telah digunakan semasa pencilahan. Jadi saya seru supaya Ahli Yang Berhormat hendak celah biar relevan, tepat, kemas supaya Menteri senang menjawab. Sila Yang Berhormat.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas panduan. Kita masing-masing belajar. Saya pun suka belajar- mendengar nasihat dan pandangan.

Saya hargai Yang Berhormat Senator Dato' Sivaraj tetapi kerajaan terbuka Yang Berhormat Senator boleh sahaja mengusulkan apa-apa juga syor baharu ke arah penambahbaikan dekat mana halanya- Jawatankuasa Kabinet yang dianggotai oleh KDN, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kementerian Sumber Manusia dalam masa terdekat, kami akan meneliti kesemua syor ini dalam tempoh tiga bulan ini untuk mengangkat satu- dasar yang kita harap menjadi *win-win solution*, dengan izin, kepada semua.

Baik, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk berganjak kepada isu Imigresen seterusnya. Yang Berhormat Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa bertanyakan tentang polisi Imigresen kerajaan sekarang untuk pastikan polisi sekarang itu mampu menarik sumber tenaga kerja muda dan produktif bagi meningkat daya saing Malaysia.

Saya hendak sebut begini, fungsi Kementerian Dalam Negeri kita cuma mempermudah cara apa-apa dasar mengenai tenaga kerja iaitu di bawah bidang tanggungjawab Kementerian Sumber Manusia. Jadi misalnya, Kementerian Sumber Manusia berpendapat melalui data Jabatan Tenaga Kerja mereka perlukan 518 ribu orang pekerja asing untuk suku pertama tahun ini. Laporan ekonomi kata, kalau dapat dipenuhi 518 ribu orang suku pertama ia akan melonjakkan GDP kepada satu peratus.

Jadi apa fungsi Kementerian Dalam Negeri? Kita mempermudah cara sebab kita menjawab soal memproses pembayaran levi, kita bertanggungjawab soal pengeluaran Visa, kita juga bertanggungjawab soal melantik agen Visa di luar negara di negara-negara sumber, itu proses kita.

Jadi kalau Yang Berhormat bertanyakan kaitan polisi imigrasi dengan peluang untuk menarik sumber tenaga kerja. Reaksi saya sekadar terangkum di dalam daerah tanggungjawab Kementerian Dalam Negeri sahaja iaitu fungsi pemudah cara.

Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Boleh saya mencelah Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri? Terima kasih.

Soalan saya, mengenai memudahkan cara atau menarik pekerja-pekerja muda ke negara kita adalah berkaitan dengan penuaan negara.

Soalan saya ialah, apakah tindakan kementerian dan kerajaan terhadap impak dan kesan penuaan negara? Itu satu. Memandangkan ia mempunyai kesan yang mendalam dan ini merupakan isu yang *cross-ministry*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, dan adakah terdapat jawatankuasa yang telah ditubuhkan untuk mengenal pasti apakah tindakan- supaya kalau kita lihat sebagai contoh negara-negara di Portugal, di luar negara, di Eropah mereka cuba menarik orang-orang muda di antara berumur 21-45 tahun...

Tuan Yang di-Pertua: Soalkan Yang Berhormat.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Soalkan apa yang dimaksudkan? Jangan diberi ulasan.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Okey, minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Jadi kita hendak tahu jawatankuasa ini dapat ditubuhkan atau tidak untuk *address* isu penuaan negara? Terima kasih. *Assalamualaikum*.

Tuan Yang di-Pertua: Penuaan, *aging*-lah tu agaknya.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: Ya, saya setuju, dengan izin, *we are moving toward the aging population*. Betul, iaitu bila keadaan perkhidmatan kesihatan makin

baik, tahap pendidikan makin baik, tahap pemakanan dan nutrisi makin baik, sesuai dengan pembangunan negara yang relatifnya semakin baik. Maka usia hidup rakyat pun makin bertambah- itu *perfect*. Saya setuju.

Dalam keadaan ini bukan sahaja soal tenaga kerja muda mahir tetapi ia akan disertai dengan pelbagai masalah lain. Masalah perumahan, kos kesihatan dan segala macam. Oleh sebab itu, apakah sudah ada jawatankuasa yang khusus bab ini? Saya percaya hal ini ada di bawah Unit Perancang Ekonomi- *Economic Planning Unit*, kerana dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas, EPU menasaskan tenaga kerja asing di negara kita menjelang 2025 tidak boleh melebihi 2.4 juta. Okey ya.

Dari manakah datang anggaran? Dianggarkan sebab dengan penduduk sekitar 30 juta Jabatan Perangkaan akan letakkan *target estimate* guna tenaga kita sekitar 16 juta, kemudian kita akan lihat pula daripada segi kadar pengangguran, kita akan lihat daripada segi kadar yang mendapat peluang pekerjaan semua ini.

Pengangguran pula ia bagi lagi *unemployment* dengan izin dengan *underemployment*, ia beza pula takrifnya. *Underemployment* ia kelulusan tinggi tetapi buat kerja peringkat SPM jadi itu *underemployment*. EPU dan Jabatan Perangkaan ini domain kerja mereka untuk membuat *projection*, dengan izin, jangkaan rumusan ke depan.

Saya percaya hal yang disinggung oleh Yang Berhormat Senator memang dalam catatan mereka kerana yang saya sebut fungsi pemudah cara bagi kami ialah misalnya ada kepakaran-kepakaran khusus yang kita perlukan tenaga asing memang ada. Ini bidang *expatriate* dengan izin memang ada, dalam bidang IT dalam bidang *services* dan bidang *manufacturing*, tangga gaji yang tinggi, yang itu kita mempermudah, kerana kepakaran itu kepakaran yang diperlukan dalam negara itu ada.

Dalam rekod kami sekitar 100 ribu orang begitu untuk khusus ini. Lagipun *poll* kita itu agak besar 30 juta. Kalau Singapura dengan empat juta ia sangat perlukan ini. Jadi terima kasih Yang Berhormat dalam tiga, empat bulan saya duduk di kementerian ini Tuan Yang di-Pertua, ini soalan pertama yang menyangkut perkara ini, yang lain itu hampir-hampir kita boleh teka. Soalan teka itu biasa keluar. Akan tetapi yang ini pertama kali. Saya ucap terima kasih.

Baik, Yang Berhormat Senator yang sama Yang Berhormat Hajah Zurainah juga bangkitkan soal, adakah polisi daripada segi pemberian kewarganegaraan untuk anak luar nikah.

■1500

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah buat satu keputusan. Kita hendak pinda Bahagian 3, Jadual 2. Ini adalah mengenai anak yang dilahirkan di luar negara oleh ibu rakyat Malaysia.

Aturannya begini- bagi undang-undang yang sedia ada- kalau ibu rakyat Malaysia anak lahir di luar negara, suaminya warga asing, maka warganegara anak ikut bapa.

Oleh sebab itu baru-baru ini bila sampai kes Suriani Kempe yang mewakili tujuh orang ibu yang lain, kita sekarang masih di peringkat Mahkamah Persekutuan. Baik. Di Malaysia bila undang-undang yang memaksa sesetengah ibu yang terlibat ini minta adalah kerana tafsiran Perlembagaan itu iaitu warganegara ini dia ikut bapa. Jadi bila ikut bapa, ibu itu macam mana? Daripada segi persamaan hak Perkara 8(2) Perlembagaan Persekutuan berbangkit.

Pada masa yang sama, proses kalau kita hendak buat keputusan serta-merta tanpa kajian dan tinjauan, kita pula tidak mengiktiraf *dual citizenship*, dengan izin. Itu bercanggah pula dengan Perkara 24 dan Perkara 25, Perlembagaan Persekutuan. Keputusan politik yang kerajaan buat adalah- ya, kita akan pinda Bahagian 3 Perkara 2 dengan memasukkan ayat, "Mana-mana satu, ibu atau ayah, atau kedua-dua sekali..." Itu sahaja. Dengan memasukkan itu kita harap kita boleh melegakan tuntutan dan permasalahan yang berbangkit.

Pada masa yang sama, prosesnya adalah pertama- kerajaan sudah bentuk Jawatankuasa Kabinet yang saya mempengerusikan, dan ada beberapa kementerian lain. Kami jangkakan kajian ini akan siap September tahun ini. Kalau tidak ada aral melintang. Kemudian jawatankuasa ini akan bentang kepada Jemaah Menteri.

Dari situ kita akan persembahkan untuk dimaklumkan kepada Raja-Raja Melayu sebab daripada hal warganegara, tertibnya mesti dimaklumkan dan diperkenankan oleh Raja-Raja Melayu. Itu daripada segi *sequence* kerjanya, dengan izin. Keputusan politik telah dibuat, prosesnya sekarang sedang dilalui dan kalau semuanya berjalan mengikut jadual, kita jangka persidangan hujung tahun dapat kita buat. Kemudian ada lagi dua, tiga perkara teknikal yang sedang kita perhalusi. Itu menjawab tentang isu warganegara.

Tuan Yang di-Pertua, rakan saya Yang Berhormat Senator Abun Sui Anyit bertanyakan, apakah kerajaan bersedia untuk memastikan orang yang lahir di negara ini diberi taraf warganegara?

Ia begini, isu warganegara ini undang-undangnya jelas dalam Perlembagaan Persekutuan. Perkara 14, Perkara 15, Perkara 16, Perkara 19 dan Perkara 30. Perkara 30 ini ialah waham. Ada juga dalam bahasa undang-undang ini... Yang Berhormat Senator Dato' Haji Husain, rupa-rupanya ada... [*Melihat kepada Yang Berhormat Senator berkaitan*]

"Waham" ini benda yang ragu. Misalnya "Che'.." masa buat permohonan itu hilang *comma* itu, itu kategori waham. Saya pun baru belajar dua, tiga bulan ini. Begitu cermat sekali pembikin undang-undang ini sampai tahap itu diperhalusinya.

Isu warganegara ini dia terangkan dengan jelas dalam Perlembagaan Persekutuan. Maknanya, walaupun kuasa diberikan kepada Menteri Dalam Negeri tetapi kuasa Menteri tidak boleh sewenang-wenangnya melampaui perkara ini. Dia jelas. Kalau anak lahir luar negara- itu 15(2). Kalau naturalisasi, misalnya ada nenek moyang terdahulu rakyat Malaysia, itu pun boleh. Itu di bawah naturalisasi dan segala macam.

Oleh sebab itu, apakah lahir dalam negara terus dapat? Jawapannya tidak. Oleh sebab itu, kita ada beberapa buah dokumen wajib. Misalnya Sijil Perkahwinan. Kalau tidak nanti bapa warga Vietnam- contohnya, ibu warga Indonesia, anak lahir di Kuala Lumpur. Warganegara kah anak dia?

Seorang Ahli: Tidak.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: Tidaklah. Ada proses. Akan tetapi kalau bapa warganegara Malaysia, ibu orang Thailand, anak lahir di Malaysia. Itu boleh. Ada sijil ikatan perkahwinan? Ada. Itu boleh. Kita proses terus.

Hari ini komitmen yang diberi oleh kerajaan melalui kementerian ini. Saya letakkan KPI untuk Kementerian Dalam Negeri. Tahun ini kami mesti membuat keputusan terhadap sekurang-kurangnya 10,000 buah permohonan. Tahun ini sahaja... [*Tepuk*] Tuan Yang di-Pertua, dalam tiga bulan pertama, saya telah pun membuat keputusan ke atas 5,500 permohonan. Saya yakin menjelang tahun ini, kami boleh cecah sehingga 10,000. Berapa ramai, rekod lama 150,000...

Tuan Yang di-Pertua: Timbang sahajalah, tetapi lulus belum kan?

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: Ya, timbang. Saya guna istilah "keputusan". Keputusan boleh berakhir dengan lulus atau tidak. Ada yang kita tidak Tuan Yang di-Pertua. Misalnya dia mohon tetapi dia duduk nun di luar negara. Tidak pernah pijak kaki pun dalam negara kita. Tidak bolehlah. Jawatankuasa ini akan cermat meneliti hal ini. Itu hal warganegara.

Tuan Yang di-Pertua, saya sudah hampir tamat. Yang Berhormat Senator Tuan Aknan a/l Ehtook- ini soal status Siam dan Thai dalam Kad Pengenalan. Saya akui, saya mewarisi satu kesilapan sistem, *system error* dalam Jabatan Pendaftaran. Akan tetapi kita sudah betulkan. Bila kita betulkan ini maknanya yang dikehendaki oleh rakan-rakan kita warga Siam ini iaitu nama pada Kad Pengenalan itu keturunannya "Siam." Akan tetapi sistem kita satu ketika tertukar menjadi Thai. Akan tetapi itu sudah dibetulkan. Banyak mana kita betulkan? Kita sudah betulkan 9,687. Ketika Yang Berhormat Senator Tuan Aknan timbulkan ada 8,910. Akan tetapi yang telah kita betulkan melebihi.

Ini saya minta pegawai-pegawai saya guna pendekatan *outreach*, Jangan tunggu mereka datang. Bawak bas MEKAR. MEKAR ini salah satu *brand* kita. Orang ramai tidak payah pergi Jabatan Pendaftaran. Tuan Yang di-Pertua, hendak tukar Kad Pengenalan, MyKad tidak payah pergi. Bas ini akan sampai. Kalau tiba giliran Jelevu, contohlah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Aknan ada itu, dia mendengar.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: Yang Berhormat Senator Aknan dia timbulkan sebab dia dahulu Jabatan Pendaftaran Negara. Jadi dia mahir.

Saya hendak sebut, Yang Berhormat Senator Tuan Aknan juga suarakan- kalau sudah kena tukar nanti, kena bayar denda. Saya hendak sebut denda pun kita hapus kira kerana kesalahan sistem. Tidak payah bayar denda.

Yang Berhormat Senator Aknan meminta kalau boleh bas itu pergi ke kawasan pedalaman dan luar bandar Tuan Yang di-Pertua. Dalam pemodenan kita sekarang ini, kalau kes di Kelantan misalnya, kawasan Yang Berhormat Senator Tuan Aknan kita, pejabat-pejabat yang terletak di Tumpat, yang terletak di kawasan-kawasan itu, dia jaraknya bukanlah terlalu jauh lagi.

Akan tetapi kalau dia rasakan ada keperluan untuk bas MEKAR ini datang, saya akan buat keputusan bas MEKAR dari Putrajaya dihantar terus ke Tumpat. Saya minta Yang Berhormat Senator Tuan Aknan, kumpulkan semua yang terlibat. Pertama, kita hapus denda. Kedua, kita kempen supaya mereka tukar MyKad di Jabatan Pendaftaran. Kalau itu pun tidak terkumpul lagi, kita hantar bas. Itu jelas Yang Berhormat Senator Aknan ya?

Tuan Yang di-Pertua: Saya syorkan Yang Berhormat Senator Tuan Aknan, tengok belakang sedikit, angguk. Terima kasih- budi bahasa.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: Terima kasih banyak.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ada sedikit kekangan sebab masa. Kalau boleh Yang Berhormat Menteri laju sedikit bagi baki yang masih ada.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: Saya sudah habis. Tinggal satu isu sahaja lagi iaitu tentang program pemulihan penagih dadah. Itu penamat. Kalau Tuan Yang di-Pertua bagi saya tiga minit, *insya-Allah* saya selesai.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, AADK ini peranannya adalah *downstream*. Bahagian Narkotik Bukit Aman itu *upstream*. Kawal dadah, tangkap sindiket sebagainya. Akan tetapi pulih ini kerjanya AADK. Baik, dari manakah mereka dapat pelatih? Mereka dapat dengan dua cara iaitu:

- (i) pelatih secara sukarela atau keluarga pelatih itu sendiri minta anak mereka dipulihkan; dan
- (ii) dengan perintah mahkamah.

Bila dapat melalui dua cara ini, AADK, rawatannya ada dua cara. Satu, pemulihan dalam institusi iaitu dalam premis pemulihan AADK. Satu lagi pemulihan dalam komuniti. Itu dua cara.

Sekarang ini yang *success rate* kita apabila selesai dua, tiga tahun mereka menjalani pemulihan, kadar pemulihan mereka tinggi sehingga mencecah 70 peratus. Mereka tidak ulangi balik. Akan tetapi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator ada ruang lagi untuk kita atasi. Apakah lagi kita buat? Kita buat iaitu kita sekarang sedang membuat undang-

undang baharu. Undang-undang ini ialah bagi penglibatan pesalah kecil ini, yang kalau undang-undang sekarang ditemui dadah pada diri dia, pada tubuh dia, itu terus dibuka *investigation paper*, *discharge* di mahkamah kemudian dijatuhkan hukum.

■1510

Itu menyebabkan penjara sesak balik. Penjara muatannya 65,000 tetapi penghuninya 70,000. Jadi, sesak. Antara puncanya ialah kes dadah yang macam ini.

Jadi, apabila kita gubal undang-undang baharu, kes-kes yang ditemui dadah dalam amaun yang kecil, ia tidak lagi dibawa ke mahkamah tetapi terus ke pusat pemulihan. Itu jalur pantas yang kita buat, dan ini hanya kita boleh lakukan setelah undang-undang yang sekarang dalam pembikinan, sedang digubal, akan dibentangkan *insya-Allah*, pada tahun ini juga. Kalau tidak sidang pertengahan tahun, sidang hujung tahun. Gunanya untuk memudahkan kes-kes kecil, kesalahan kecil ini yang tidak boleh dilihat dari kaca mata jenayah sahaja. Itu dianggap sebagai khilaf dalam perjalanan hidup, satu-satu individu. Begitu cara kita respons terhadap permasalahan.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas ihsan dan murah hati Tuan Yang di-Pertua sabar mendengar penggulungan saya. Bagi pihak Kementerian Dalam Negeri, saya juga hendak hurkan penghargaan terima kasih kepada sekalian Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian berbahas dan tekun mendengar serta memberikan beberapa syor dan cadangan. Saya akhiri dengan... [*Berucap dalam bahasa Arab*] *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumsalam*. Terima kasih. Majlis mengucapkan kepada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri dan saya berasa bahawa ada beberapa sudut kelegaan yang telah didengar. Semoga semua Menteri dapat berhujah dan memberi penjelasan sedemikian. *Insya-Allah...* [*Tepuk*]

Kita beralih kepada Kementerian Perpaduan Negara.

3.12 ptg.

Menteri Perpaduan Negara [Datuk Aaron Ago anak Dagang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Salam sejahtera dan salam perpaduan Malaysia MADANI.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan usul menjunjung kasih Titah Diraja dan menyentuh tentang perkara-perkara di bawah peranan Kementerian Perpaduan Negara.

Ahli-ahli Yang Berhormat ini ialah Yang Berhormat Senator Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan; Yang Berhormat Senator Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol; Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda; Yang Berhormat Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli; dan Yang Berhormat Senator Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan.

Yang Berhormat Senator Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan telah menyentuh tentang pelaksanaan Dasar Perpaduan Negara.

Yang Berhormat, kerajaan sentiasa menggiatkan usaha untuk mengukuhkan penyatupaduan masyarakat pelbagai kaum dan agama. Persoalan ini sebenarnya telah bermula sejak sekian lama di mana penubuhan Jabatan Perpaduan Negara pada 1 Julai 1969 membuktikan bahawa kerajaan benar-benar meletakkan elemen perpaduan sebagai agenda utama untuk diuruskan.

Pada tahun 2013, kerajaan telah menubuhkan Majlis Konsultasi Perpaduan Negara- *National Unity Consultative Council (NUCC)* sebagai sebuah badan bebas untuk menasihati kerajaan mengenai hal ehwal perpaduan dan integrasi nasional. NUCC telah melaksanakan kajian persepsi rakyat tentang isu-isu yang mempengaruhi perpaduan. Hasil daripada analisis maklum balas rakyat, terdapat beberapa cabaran utama telah dikenal pasti iaitu perbezaan kaum dan agama, pendidikan, politik dan media.

Pada tahun 2018, kajian Indeks Perpaduan Nasional (IPNAS) telah mula dilaksanakan untuk mengukur tahap perpaduan dengan mengambil kira isu-isu perpaduan yang dikenal pasti hasil maklum balas rakyat. IPNAS 2018 telah mencatat skor 0.567 dan IPNAS 2022 mencatatkan skor 0.629. Ini membawa maksud kesepaduan nasional negara berada pada tahap sederhana dan terkawal, namun masih mempunyai ruang untuk penambahbaikan dalam hubungan sosial rentas etnik, tadbir urus dan pembangunan.

Berpandukan pada hasil maklum balas rakyat yang dilaksanakan oleh NUCC dan dapatan IPNAS 2018 yang berteraskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara sebagai asas pembentukan negara dan penyatupaduan masyarakat, Kementerian Perpaduan Negara telah membangunkan Dasar Perpaduan Negara dan Rangka Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030. Tiga- teras utama dalam Dasar Perpaduan Negara ialah patriotisme dan demokrasi, identiti nasional dan ekosistem perpaduan.

Bagi menterjemahkan dasar tersebut ke dalam bentuk pelaksanaan, maka Pelan Tindakan Perpaduan Negara telah dihasilkan, pelbagai program telah disusun dan dilaksanakan dengan melibatkan kerjasama pelbagai agensi kerajaan, badan bukan kerajaan, swasta dan syarikat umum.

Task dan strategi yang digariskan melalui dasar ini adalah selari dengan agenda pembangunan Malaysia MADANI ataupun masyarakat madani yang menjadi aspirasi kerajaan pada masa ini. Dengan nilai-nilai masyarakat madani sebagai kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan.

Berhubung dengan pertanyaan Yang Berhormat Senator Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol, Yang Berhormat Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta dan Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda mengenai strategi dan usaha kementerian untuk memastikan kewujudan perpaduan dan mengelakkan perpecahan. Selari dengan hasrat

membangunkan masyarakat madani ataupun Malaysia MADANI, Kementerian Perpaduan Negara telah mengambil inisiatif menghasilkan kerangka perpaduan negara, perpaduan Malaysia MADANI berkonsepkan perpaduan dalam kepelbagaian- *unity in diversity*, bagi mencapai agenda membangun Malaysia MADANI.

Melalui kerangka perpaduan Malaysia MADANI, *flagship* program yang diperkenalkan ialah Kembara Perpaduan Malaysia MADANI dan telah dilancarkan pada 1 Mac 2023 di Muzium Negara dan ia merupakan usaha Kementerian Perpaduan Negara untuk meningkatkan jati diri dan menyemarakkan semangat perpaduan.

Ada tiga kluster program di bawah kembara ini. Pertama ialah Semarak Kenegaraan iaitu bagi meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan tentang Perlembagaan Persekutuan dan prinsip Rukun Negara serta sejarah ketamadunan negara bagi mengukuhkan jati diri dan semangat cinta akan negara dalam kalangan semua lapisan masyarakat. Ada empat kumpulan sasaran dalam hal ini iaitu umum, mahasiswa, pelajar sekolah dan komuniti. Program pengisian adalah seperti dialog anak muda, apresiasi dan pameran mini Rukun Negara, bicara pemikiran tokoh negarawan dan lain-lain.

Kedua, Semarak Perpaduan. Ini adalah bagi menyemarakkan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum, agama dan budaya bersesuaian dengan konsep perpaduan dalam kepelbagaian ke arah merealisasikan aspirasi Malaysia MADANI. Program-program adalah untuk memupuk keharmonian masyarakat melalui detik-detik perpaduan- *moments of unity* seperti Sambutan Minggu Perpaduan seperti *Unity Fun Walk*, Liga Sukan Perpaduan, *Unity* Keamatan, dan Gawai dan lain-lain.

Ketiga, program Komuniti Rahmah. Ini adalah untuk membina komuniti yang mampan dan rahmah khususnya dalam KRT yang menjunjung tinggi nilai-nilai kemanusiaan dan saling menghormati, mengasihi dan menghargai melalui kerjasama semua pihak kementerian, agensi kerajaan, swasta, NGO dan komuniti. Antara program adalah seperti Bakul Rahmah, Ziarah Rahmah, Projek Ekonomi KRT, Projek Mesra Jiran dan sebagainya.

Bagi memastikan pelan tindakan dan strategi yang disusun tadi dapat dilaksanakan hingga ke peringkat akar umbi, kementerian menggerakkan jentera perpaduan khususnya kawasan Rukun Tetangga di seluruh negara. Agenda kerja Rukun Tetangga telah dihasilkan dengan menggariskan empat gerak kerja iaitu gerak kerja KRT Sejahtera, KRT Selamat, KRT Bersih dan Indah dan KRT Sihat.

Pada masa ini, terdapat 8,348 KRT di seluruh negara dan untuk makluman Yang Berhormat Senator Puan Rita Sarimah, sebanyak 1,064 KRT adalah di Sarawak dan lapan KRT adalah di Parlimen Selangau.

■1520

Bagi pertanyaan Yang Berhormat Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli berhubung keperluan untuk menggubal undang-undang baharu mengenai penyatupaduan

kaum di negara ini, saya ingin menyatakan bahawa dalam menguruskan perpaduan, perkara yang paling utama merupakan usaha-usaha mengekalkan kesefahaman, toleransi dan hormat-menghormati antara masyarakat pelbagai kaum dan agama. Realitinya, perpaduan itu perkara yang perlu diurus melalui pelbagai mekanisme seperti interaksi dan jalinan hubungan sosial secara berterusan pada peringkat inter dan intra-etnik dengan penuh berhemah.

Perlembagaan Persekutuan merupakan undang-undang tertinggi yang menjadi asas pembentukan negara ini serta identiti rakyat Malaysia. Sejarah penggubalan Perlembagaan Persekutuan perlu dihayati dan difahami oleh semua rakyat, terutamanya yang melibatkan tolak ansur, kompromi dan pengorbanan semua pihak serta berlandaskan proses persetujuan timbal balik atau perkongsian kuasa antara pelbagai etnik.

Manakala Rukun Negara termasuk cita-cita dan prinsipnya pula merupakan satu ideologi untuk menyeragamkan dan meningkatkan kefahaman Perlembagaan dan kepatuhan kepada undang-undang di kalangan masyarakat pelbagai etnik dengan tujuan membentuk perpaduan yang kukuh.

Dasar-dasar utama kerajaan turut memberi penekanan kepada elemen perpaduan sebagai asas untuk pembangunan negara. Bermula dengan Rancangan Malaysia Kedua hinggalah Rancangan Malaysia seterusnya, kerajaan telah menerapkan elemen pengukuhan dan kesepaduan sosial, *or social cohesion*, dalam setiap dasar yang diperkenalkan.

Di bawah Kementerian Perpaduan Negara pula, telah ditubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa yang berperanan sebagai platform untuk membincangkan usaha-usaha pengukuhan perpaduan dan isu-isu berbangkit berkaitan perpaduan.

Ada tiga buah Jawatankuasa utama. Pertama, Majlis Penasihat Perpaduan Negara, dan ahli daripada majlis ini terdiri daripada wakil-wakil pelbagai sektor termasuk akademik, korporat, sukan, belia, pengamal media seni dan OKU. Kedua, Jawatankuasa Exco Perpaduan ataupun *MExUnity*. Inilah jawatankuasa bagi membincangkan isu perpaduan di peringkat negeri. Ahli jawatankuasa ini terdiri daripada Exco-Exco perpaduan setiap negeri dan Menteri dari Sabah dan Sarawak. Ketiga, Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (HARMONI) dan Jawatankuasa HARMONI ini merupakan platform penting dalam menangani dan mengendurkan ketegangan berkaitan isu-isu sensitif agama.

Ahli Jawatankuasa ini terdiri daripada pemimpin-pemimpin badan agama yang dipengerusikan bersama oleh Menteri Perpaduan Negara dan Menteri Agama.

Di samping itu, di peringkat komuniti pula, isu-isu perpaduan diuruskan oleh *mediator community* yang telah ditauliahkan oleh kementerian melalui langkah-langkah intervensi sosial berdasarkan isu-isu atau insiden. Bagi kes-kes yang memerlukan tindakan bersepadu antara agensi, isu atau insiden akan dirujuk kepada agensi yang berkaitan seperti Polis

Diraja Malaysia, MCMC dan *local government* ataupun PBT. Pada masa ini, terdapat 428 *mediator community* di seluruh negara.

Daripada segi perundangan, undang-undang sedia ada masa ini sudah memadai bagi memastikan perpaduan kaum kekal terpelihara. Antara akta dan perundangan yang berkuat kuasa adalah Akta Hasutan 1948 [*Akta 15*], Akta Kanun Keseksaan ataupun *Penal Code* [*Akta 574*] dengan pelbagai sub seksyen, dan juga Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [*Akta 588*]. Akta-akta sedia ada telah mengambil kira pelbagai aspek kawalan bagi mengekang unsur-unsur yang menjejaskan keharmonian.

Justeru, kementerian ini berpendapat, tiada keperluan untuk menggubal atau memperkenalkan suatu undang-undang baharu pada masa ini dan memadai dengan meningkatkan penguatkuasaan undang-undang yang sedia ada.

Walau bagaimanapun, kalau keadaan mendesak dan kerajaan memikirkan bahawa undang-undang sedia ada perlu dibuat semakan semula untuk pindaan bagi mengekang sesetengah percakapan atau *hate speech*, atau perbuatan provokasi yang boleh menggugat keharmonian, maka kementerian akan mendukung penuh hasrat tersebut.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Yang Berhormat Menteri, minta penjelasan sedikit.

Terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana sudi untuk mengulas dan menjawab cadangan yang saya kemukakan. Memang saya mengatakan sendiri dalam ucapan bahawa *this is the last thing*. Atau benda yang terakhir yang kita minta iaitu undang-undang. Saya cukup tak suka kalau undang-undang.

Akan tetapi, kalau keadaan di mana terlanggar kereta sedikit kah, oleh sebab berlainan kaum, angkat dengan suara, dengan tindakan perkauman, perkara runtuh tempat meniaga jadi isu perkauman, Tuan Yang di-Pertua, jadi ia menggosarkan saya. Jadi, saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana opsyen itu masih dibuka. Kalaulah terpaksa juga, jadi kita tidak ada pilihan melainkan merangka ataupun membuat undang-undang, saya rasa itu merupakan opsyen yang boleh memberi jaminan kepada masa depan kita.

Sementara menunggu itu, saya harapkan kerajaan mengambil perhatian supaya isu-isu kecil yang kalau dulu, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, kita *brush-off*, kita bersalam, selawat, selesai. Akan tetapi kini menjadi isu yang terbit dari mulut- bahasa-bahasa yang boleh memecahbelahkan perpaduan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Itu pandangan beliau.

Datuk Aaron Ago anak Dagang: Ya, terima kasih Yang Berhormat.

Bagi pertanyaan Yang Berhormat Senator Tuan Balasubramaniam mengenai api permusuhan yang dimainkan oleh segelintir pemimpin dari blok kerajaan sedangkan rakyat hidup aman dan harmoni, saya sering mengatakan bahawa perpaduan ini bukan terletak di bahu Kementerian Perpaduan Negara semata-mata. Usaha menjaga keharmonian dan

mengekalkan perpaduan negara merupakan tanggungjawab secara bersama melibatkan semua pihak, daripada rakyat hinggalah pemimpin. Semua pihak perlu memainkan peranan masing-masing dengan menjaga sensitiviti antara kaum dan agama supaya tidak berlaku pertelingkahan yang boleh mencetuskan kemarahan, seterusnya menggugat keharmonian.

Di samping itu, kita faham bahawa sistem politik negara kita pada masa ini terbentuk hasil daripada sistem pemerintahan sejak Zaman British di Tanah Melayu lagi. Sistem politik yang berasaskan kaum menjadi satu cabaran yang perlu ditangani dengan baik bagi memastikan ia tidak mencetuskan perselisihan antara kaum. Di sinilah pentingnya peranan pemimpin dalam memupuk nilai perpaduan.

Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah bertitah sempena Istiadat Pembukaan Penggal Kedua, Parlimen Kelima Belas pada 13 Februari 2023, supaya semua rakyat mengetepikan agenda politik sempit dan bersatu hati atas nama perpaduan.

Dalam sistem politik pluralisme yang mengikut kaum dan etnik, negara tetap mampu bergerak ke arah landskap politik yang menggalakkan perpaduan serta meningkatkan amalan saling menghormati dan toleransi dalam kalangan masyarakat dengan contoh teladan yang baik daripada pemimpin kepada rakyat.

Dasar Perpaduan Negara juga menggariskan strategi memperkukuhkan peranan pemimpin sebagai pemangkin perpaduan. Untuk itu, semua peringkat kepimpinan bermula daripada peringkat persekutuan, negeri, daerah sehingga peringkat akar umbi perlu menjadi teladan dan contoh terbaik kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, begitulah jawapan kementerian ke atas isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih kembali kepada Yang Berhormat Menteri yang datang sendiri untuk membentangkan jawapan-jawapan bagi pihak Kementerian Perpaduan Negara. Beliau berada dalam lingkungan masa, jadi Dewan mengucapkan terima kasih.

Kita beri satu penjelasan seterusnya. Masih ada empat kementerian. Jadi, di bawah Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Kesihatan, di samping Jabatan Perdana Menteri di mana diduga sekurang-kurangnya dua orang Menteri akan menjawab.

Oleh itu, segera kita memanggil untuk menjelaskan bagi pihak jawapan dan penerangan lain bagi Kementerian Belia dan Sukan.

■1530

3.30 ptg.

Menteri Belia dan Sukan [Puan Hannah Yeoh]: Tuan Yang di-Pertua, saya juga tidak akan mengambil masa yang lama. Saya nak mengucapkan terima kasih kepada dua orang Ahli Yang Berhormat Senator yang sangat prihatin dalam memberikan cadangan,

pandangan dan pertanyaan kepada kementerian ini sepanjang tempoh perbahasan Usul Menjunjung Kasih atas Titah Diraja berlangsung iaitu Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris dan Yang Berhormat Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff.

Terdapat dua perkara menyentuh isu belia dan sukan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator. Pertamanya ialah isu belia, program Jom Ziarah Gereja di bawah seliaan KBS.

Tuan Yang di-Pertua, semasa giliran perbahasan, Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris ada membangkitkan pertanyaan berhubung program Jom Ziarah Gereja dan Rakan Masjid oleh Kementerian Belia dan Sukan.

Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya saya telah memberikan jawapan yang panjang lebar di Dewan Rakyat, tetapi saya akan ulang sedikit untuk rekod *Hansard* dalam Dewan Negara kalau Tuan Yang di-Pertua izinkan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Puan Hannah Yeoh: Untuk makluman Yang Berhormat, Jom Ziarah Gereja seperti mana yang telah diterangkan sebelum ini merupakan usaha untuk mengenali perbezaan agama yang ada di kalangan kita. Ia sebagai usaha untuk melihat dan membezakan dan supaya dengan cara itu, masyarakat Malaysia yang berbilang agama dan bangsa ini boleh hidup rukun damai, lebih harmoni dan lebih bertoleransi.

Pelaksanaan program melawat rumah ibadat bukan satu perkara yang baharu. Kementerian Perpaduan Negara juga pernah mengadakan lawatan ke rumah ibadat yang melibatkan pelbagai penganut melalui Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Antara Penganut Agama yang kini dikenali sebagai Jawatankuasa Harmoni di bawah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional yang bertujuan untuk mempromosikan persefahaman dan keharmonian di antara penganut agama yang berlainan di negara kita.

Bagi isu yang telah dibangkitkan berkenaan pendaftaran program Jom Ziarah Gereja, pihak kementerian menerusi *Impact Malaysia* sememangnya tidak akan melibatkan penyertaan belia Muslim dan tiada belia Muslim yang akan memasuki gereja menerusi program ini. Yang Berhormat, ingin saya tekankan sekali lagi bahawa, program seperti ini telah diserahkan balik kepada Kementerian Perpaduan yang sememangnya bertanggungjawab ke atas program yang membabitkan pengukuhan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia.

Untuk rekod juga, pihak-pihak luar yang fitnah saya, saya telah buat laporan polis dan siasatan masih berjalan dan saya juga telah memberikan kerjasama kepada pihak polis. Ada ramai yang hanya menggunakan poster Jom Ziarah Gereja. Sebenarnya ada Jom Ziarah Masjid... *[Menunjukkan dokumen berkaitan]* Akan tetapi ini tidak dipaparkan dan hanya bagi

gambaran bahawa saya hanya mempromosikan gereja. Kita ada masjid, gurdwara, tetapi semua ini isu lama, telah diserahkan kepada Kementerian Perpaduan.

Saya juga ingin memberikan sedikit pencerahan mengenai Rakan Masjid yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator. Untuk makluman Yang Berhormat, sewaktu Kementerian Belia dan Sukan melancarkan program Rakan Muda pada tahun 1994, pada masa itu saya masih di sekolah menengah. Terdapat sembilan gaya hidup telah diperkenalkan.

Antara sembilan gaya hidup tersebut, terdapat gaya hidup Rakan Masyarakat yang di bawahnya diwujudkan Program Rakan Masjid. Tujuan program ini adalah untuk memberi kesedaran dan pendedahan mengenai peranan dan fungsi masjid, menggalakkan penyertaan, keceriaan dan penglibatan generasi muda dalam gaya hidup beragama dan meningkatkan penyebaran ilmu pengetahuan dan ajaran Islam kepada masyarakat umum. Antara pengisian aktiviti iaitu dialog, tadarus al-Quran, bacaan qasidah, kursus-kursus kefahaman dan peningkatan pengetahuan lebih mencintai agama dan bersikap positif menghadapi cabaran hidup.

Walau bagaimanapun, program Rakan Masjid tersebut tidak lagi dilaksanakan tetapi telah digantikan dengan program Rakan Muda Ramadhan. Program ini dilaksanakan pada mula tahun 2007 dengan tujuan meningkatkan kemahiran dan memberikan pendedahan berhubung aspek sahsiah dan pembangunan kerohanian untuk memperkukuhkan jati diri kepada golongan belia berusia 15 tahun hingga 25 tahun. Program tahunan ini dilaksanakan di seluruh Malaysia bagi menggalakkan golongan belia beragama Islam menghayati bulan Ramadhan melalui pelbagai aktiviti di masjid anjuran Jabatan Belia dan Sukan negeri seperti tadarus dan khatam al-Quran serta pertandingan nasyid.

Pada tahun lepas, program ini telah dilaksanakan di setiap daerah di seluruh negara dan berjaya menarik penyertaan seramai 5,800 orang belia. Pada tahun ini, program ini sedang berjalan di setiap negeri dan dijangka mampu menarik penyertaan lebih ramai lagi belia kira-kira 6,000 orang belia.

Selain itu, kementerian ini juga sedang melaksanakan inisiatif memberikan nafas baharu kepada program Rakan Muda dan usaha ini melibatkan pelaksanaan pelbagai aktiviti yang berkaitan dengan pembentukan karakter golongan belia termasuk berkaitan dengan penerapan nilai-nilai murni.

Tuan Yang di-Pertua, saya masuk isu kedua iaitu isu sukan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Wan Martina. Yang Berhormat Senator Dr. Wan Martina bertanyakan sama ada kementerian mempunyai perancangan untuk menganjurkan pertandingan sukan ekstrem peringkat kebangsaan dan antarabangsa di Dabong, Kelantan.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini, kementerian belia dan sukan belum mempunyai perancangan untuk menganjurkan pertandingan sukan ekstrem peringkat

kebangsaan atau antarabangsa yang melibatkan lokasi di Gua Ikan, Dabong, Kelantan. Ini kerana pelaksanaan program di bawah kementerian adalah tertakluk kepada peruntukan sedia ada. Kita ada program sukan ekstrem, tetapi kita buat di lokasi lain dan kita juga bergilir-gilir sukan ekstrem yang terlibat. Walau bagaimanapun, pihak kementerian sentiasa bersedia untuk menjalinkan kerjasama dengan pihak-pihak berkaitan untuk menganjurkan pertandingan sukan ekstrem di lokasi yang dimaksudkan.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, kementerian ini sentiasa cakna dengan program pembangunan sukan ekstrem di Malaysia. Misalnya pada tahun ini, kementerian telah merancang untuk menganjurkan Karnival Sukan Ekstrem Kebangsaan yang melibatkan acara *inline skating*, *skateboarding*, dengan izin, dan BMX serta Karnival Rekreasi Luar Kebangsaan yang meliputi aktiviti perkhemahan, tali tinggi, jualan barangan rekreasi, pameran, majlis pentauliahan jurulatih rekreasi, forum pembangunan sukan rekreasi dan perhimpunan penggiat sukan rekreasi.

Bagaimanakah kita memilih acara ini? Kita berdasarkan penyertaan dan populariti sukan tersebut di kalangan belia. Saya juga akan menyarankan kepada Yang Berhormat untuk jumpa Jabatan Belia dan Sukan negeri di daerah di sana untuk berbincang, kalau ada keperluan untuk kita anjurkan program di Dabong, Kelantan. Kedua-dua karnival ini akan dilaksanakan dengan penggerak sukan rekreasi dan sukan ekstrem dan dijangka menarik penyertaan kira-kira 5,500 orang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan semua jawapan yang diberikan ini dapat memenuhi keperluan pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat. Kementerian ini sentiasa terbuka untuk menerima cadangan semua Yang Berhormat Senator bagi memastikan martabat belia dan sukan di negara ini terus diperkukuhkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih kembali kepada Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan. Semoga jawapan yang telah diberi itu memuaskan bagi pihak yang menyoal. Terima kasih dan selamat berjaya.

Terus kepada Kementerian Sumber Manusia.

3.38 ptg.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Tuan Haji Mustapha @ Mohd Yunus bin Sakmud]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam Malaysia Madani.

Tuan Yang di-Pertua, saya merakamkan ucapan penghargaan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan keizinan kepada saya bagi menjawab pertanyaan dan isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkaitan Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang

begitu prihatin dengan hal yang berkaitan warga pekerja dan perkembangan modal insan yang menjadi tulang belakang kepada pembangunan negara.

Seramai dua orang Ahli Yang Berhormat Senator telah menyentuh perkara-perkara berkaitan fungsi, peranan dan tanggungjawab Kementerian Sumber Manusia sepanjang perbahasan ini. Jadi, mungkin masa yang diperlukan tidaklah banyak untuk menjawab dua Ahli Yang Berhormat Senator ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Aknan a/l Ehtook mencadangkan agar Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) diletakkan di bawah satu kementerian, dan bertanya, apakah sasaran kerajaan berkaitan dengan TVET untuk tiga tahun akan datang serta komitmen kementerian berhubung isu ini?

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia, Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional menjadi agenda utama kerajaan memandangkan ia adalah antara asas untuk membangunkan kemapanan ekonomi negara. TVET dikenal pasti sebagai salah satu daripada 14- pemacu perubahan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) dengan pelbagai strategi dirangka termasuk merombak tadbir urus TVET, mempromosikan TVET sebagai satu jenama, meningkatkan kualiti program TVET dan mewujudkan pangkalan data berkaitan laluan TVET serta padanan kerjaya.

Sehubungan itu, bagi memperkemas tadbir urus dan penyelarasan TVET, Majlis TVET Negara ditubuhkan sebagai badan tertinggi dalam membuat keputusan berkaitan hala tuju TVET negara di mana keanggotaannya merentasi semua kementerian penyedia TVET dan pelbagai pemegang taruh yang berkaitan.

■1540

Agenda memperkasakan pelaksanaan TVET di Malaysia adalah berpaksikan kepada tiga- teras strategi yang digariskan oleh Majlis TVET Negara iaitu melalui tadbir urus bersepadu dan terselaras, TVET dipacu industri dan TVET mencorakkan masa hadapan. Untuk makluman Dewan yang mulia, pada masa ini terdapat 12 buah kementerian yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaan program TVET. Setiap kementerian memiliki institusi TVET, penawaran program dan kumpulan sasar tersendiri dalam usaha menyediakan modal insan untuk memenuhi keperluan pasaran pekerjaan.

Ketika ini terdapat kira-kira 1300 buah institusi TVET merangkumi institusi latihan kemahiran awam dan institusi latihan kemahiran swasta yang menawarkan pelbagai program TVET di negara ini. Berkaitan cadangan daripada Yang Berhormat Senator untuk meletakkan tadbir urus semua institusi dan program TVET di bawah satu kementerian sahaja merupakan satu cadangan yang baik dan dilihat sebagai satu langkah yang boleh dipertimbangkan oleh kerajaan bagi menambah baik ekosistem TVET negara ini. Namun begitu, pelaksanaan cadangan ini memerlukan penelitian yang terperinci daripada pelbagai aspek seperti

kewajaran, kebolehlaksanaan, modal tadbir urus yang ideal, implikasi kewangan dan sumber manusia.

Kementerian Sumber Manusia selaku sekretariat Majlis TVET Negara bersedia untuk merangka perancangan komprehensif bagi merealisasikan cadangan penyatuan ini sekiranya ia menjadi satu- dasar yang diputuskan oleh kerajaan. Kementerian melihat cadangan ini memerlukan masa yang panjang untuk dinilai dan dirancang khususnya bagi mengadakan libat urus secara menyeluruh dan mendapatkan persetujuan semua pihak terlibat.

Kerajaan menyasarkan kemasukan sekurang-kurangnya 55 peratus daripada lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) ke program TVET seperti yang digariskan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas. Penyertaan lepasan SPM dalam program TVET ini amat penting sebagai pemangkin untuk meningkatkan bilangan tenaga kerja mahir kepada 35 peratus menjelang 2030. Sehubungan itu, kerajaan secara berterusan akan memantapkan kolaborasi semua pihak berkepentingan agar TVET dapat diangkat sebagai pendidikan pilihan dan kerjaya masa depan yang lumayan serta berpotensi tinggi.

Kerajaan juga melihat keperluan dan kepentingan memberikan pendedahan terhadap TVET daripada usia yang sangat muda. Kementerian bersama semua pemegang taruh berkaitan akan menilai secara terperinci mekanisme yang sesuai bagi mempromosikan TVET daripada usia muda bagi memupuk minat dan menyalurkan maklumat program TVET serta potensi laluan kerjaya.

Seterusnya, kerajaan melihat kepentingan penglibatan pihak industri khususnya syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat swasta dalam pelaksanaan program TVET berimpak tinggi. Penglibatan ini amat diperlukan bagi mengatasi isu-isu dalam pelaksanaan TVET seperti penyediaan infrastruktur dan kemudahan latihan, ketidakpadanan kemahiran-*mismatch*, dengan izin, dan isu pengangguran di kalangan graduan TVET.

Pelaksanaan TVET dipacu industri seperti di negara maju dilihat sebagai satu solusi komprehensif dalam merealisasikan agenda transformasi TVET negara ini. Menerusi kolaborasi ini, rakan strategik industri akan dilibatkan dalam pembangunan kurikulum dan bahan latihan, sumbangan dan perkongsian kemudahan serta peralatan, sumbangan khidmat kepakaran, pembangunan kompetensi tenaga pengajar dan pembiayaan program latihan.

Kerajaan memberi penekanan agar kerjasama kukuh ini diperkasakan untuk memastikan wujudkan padanan antara penawaran dan permintaan dalam pelaksanaan program TVET. Kerjasama ini berupaya melahirkan tenaga kerja mahir baharu berasaskan teknologi terkini, menjana pendapatan berpadanan dan seterusnya menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa memohon penjelasan berkaitan proses kelulusan ...

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencelah.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum Yang Berhormat Timbalan Menteri meneruskan topik yang berlainan, saya ada satu penjelasan nak minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan mengenai TVET. Baru-baru sahaja kita difahamkan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mencadangkan satu bentuk industri memacu TVET itu. Soalan saya ialah, oleh sebab di negara lain, mereka- satu buah tempat atau satu buah kampung untuk memberikan latihan dan memberikan kemahiran dan untuk membekalkan kemahiran itu kepada industri yang tertentu seperti di Itali, kemahiran mereka adalah daripada *design* dan di negara yang lain, kemungkinan kemahiran yang berlainan.

Akan tetapi, pandangan atau cadangan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu ialah satu bentuk industri itu *champion* TVET. Adakah semua latihan yang diberikan di TVET itu hanya untuk memenuhi kemahiran industri tersebut sahaja seperti Petronas. Adakah semua kemahiran yang memberikan latihan kemahiran itu untuk memenuhi keperluan untuk Petronas sahaja? Minta penjelasan. Terima kasih,

Tuan Haji Mustapha @ Mohd Yunus bin Sakmud: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Ya, untuk makluman memang bukan hanya satu buah industri Tuan Yang di-Pertua, yang kita libatkan. Untuk tahun ini sahaja, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri meminta dan dibentangkan dalam Bajet supaya kita mengadakan libat urus dengan kerjasama dengan 50 buah industri di negara ini.

Semua ini memang menjurus kepada keperluan industri tersebut dan untuk makluman, pada 16 Mac yang lalu, kita telah memulakan dengan 10 memorandum kerjasama telah dimeterai antara kerajaan dengan 10 buah industri iaitu PETRONAS, Gamuda Berhad, Sunway Services, DRB-HICOM, Berjaya Corporation, Redbeat Academy (AirAsia Academy), Daikin Malaysia, Bermaz Auto Berhad, Malaysia Technology Development Corporation dan Malaysia Marine and Heavy Engineering Holdings Berhad.

Contohnya Daikin, Daikin memerlukan pekerja. Jadi maknanya, kursus yang ditawarkan memang untuk pekerja Daikin dan juga begitulah. Akan tetapi maknanya kita akan melibatkan lebih kurang atau minimum 50 buah industri untuk menandatangani memorandum kerjasama dengan pihak kerajaan. Okey? Diharap dapat menjawab soalan Yang Berhormat Senator. Saya sambung ya. Terima kasih Yang Berhormat Senator.

Untuk makluman Dewan yang mulia, Kementerian Sumber Manusia melalui Pembangunan Sumber Manusia Berhad bertanggungjawab untuk mendorong aspirasi pekerja berkemahiran melalui pembiayaan program latihan serta pembangunan untuk tenaga kerja Malaysia berdasarkan pungutan levi daripada majikan.

Peranan Pembangunan Sumber Manusia Berhad turut merangkumi peluang pekerjaan dan latihan industri, bimbingan serta kaunseling kerjaya. Di samping itu,

Pembangunan Sumber Manusia Malaysia Berhad turut meningkatkan peluang bagi menjana pendapatan rakyat Malaysia daripada pelbagai kemahiran, latar belakang dan kemampuan.

Tuan Yang di-Pertua, Pembangunan Sumber Manusia Berhad menyediakan pelbagai skim latihan di bawah levi pembangunan sumber manusia bagi menyokong aktiviti pembangunan pekerja oleh para majikan bagi tujuan peningkatan kemahiran dan pengetahuan yang seterusnya akan meningkatkan produktiviti dan prestasi perniagaan syarikat. Program latihan yang dianjurkan oleh syarikat latihan adalah di bawah Skim Kursus Yang Dituntut- *HRD Corp Claimable Course*, dengan izin, yang melibatkan tiga proses utama iaitu:

- (i) pendaftaran program latihan oleh syarikat latihan,
- (ii) permohonan geran latihan oleh majikan; dan
- (iii) permohonan tuntutan oleh syarikat latihan dan majikan.

Proses yang pertama perlu dijalankan oleh syarikat latihan di mana semua maklumat berkenaan modul, cara dan profil jurulatih didaftarkan untuk kelulusan Pembangunan Sumber Manusia Berhad. Ini bagi memastikan kualiti latihan adalah sejajar dengan piawaian dan syarat yang telah ditetapkan. Manakala proses kedua pula melibatkan majikan di mana permohonan dibuat dengan pilihan program yang telah didaftarkan seperti di proses pertama. Maklumat pengaturan latihan seperti tempat, pelatih dan yuran akan ditetapkan oleh majikan berdasarkan kesesuaian perancangan syarikat.

■1550

Pembangunan Sumber Manusia Berhad akan memberikan kelulusan bersyarat berdasarkan perancangan yang dibuat. Jika ia latihan di bawah kategori bidang tumpuan, ia akan diberikan kelulusan sewajarnya jika latihan melibatkan modul yang dibenarkan dengan cara pengajaran teori dan praktikal. Selanjutnya, proses ketiga akan dilakukan oleh syarikat latihan setelah tamat latihan yang dijalankan. Ini adalah bertujuan agar tuntutan hanya dibayar bagi latihan yang dijalankan dan dihadiri sekurang-kurangnya 75 peratus kehadiran daripada masa keseluruhan yang dirancang. Tuntutan akan dibayar sepenuhnya jika perancangan dan kehadiran adalah penuh.

Tuan Yang di-Pertua, proses yang ditetapkan adalah bagi memastikan pembelajaran disalurkan dengan telus secara purata lebih 90 peratus kelulusan geran akan dibayar sepenuhnya. Manakala, baki adalah disalurkan oleh pelaksanaan latihan kurang daripada perancangan asal. Pembangunan Sumber Manusia Berhad mengambil maklum terhadap sebarang cadangan serta penambahbaikan yang diutarakan oleh pihak majikan serta syarikat latihan menerusi pelbagai sesi libat urus yang dilaksanakan bagi memastikan pelaksanaan latihan, peningkatan kemahiran dan latihan semula kemahiran berada pada aras yang terbaik.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan pertanyaan dan mengemukakan cadangan kepada Kementerian Sumber Manusia semasa perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja. Kementerian ini amat menghargai segala cadangan dan teguran yang telah dikemukakan dan kementerian akan mengambil tindakan yang sewajarnya. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih kembali kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kementerian Sumber Manusia.

Sekarang, Kementerian Kesihatan. Kita telah jimat lebih kurang 6 minit. *Alhamdulillah*. Silakan.

3.52 ptg.

Timbalan Menteri Kesihatan [Tuan Lukanisman bin Awang Sauni]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*. Salam Malaysia Madani.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada 12 orang Ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam Perbahasan Usul Menjunjung Kasih atas Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan telah menyentuh isu-isu berkaitan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Berdasarkan tempoh masa yang diberikan bagi sesi penggulungan Kementerian Kesihatan, saya akan memberikan tumpuan kepada perkara-perkara utama yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator berkaitan kesihatan mental dan penjagaan kesihatan orang kurang upaya, prasarana kesihatan, sumber manusia, vaksin dan isu-isu lain seperti kemudahan kesihatan kepada kanak-kanak yang tidak mendapat taraf warganegara.

Tuan Yang di-Pertua, KKM menghargai keprihatinan Yang Berhormat Senator Datuk (Dr.) Ras Adiba binti Mohd Radzi mengenai isu-isu kesihatan mental, kebajikan golongan Orang Kurang Upaya (OKU) dan penyakit jarang jumpa yang mana isu yang sama sering kali dibangkitkan oleh beliau dalam sidang Parlimen yang lepas. Juga, semalam saya telah menjawab beberapa persoalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator. Maka, soalan-soalan yang terperinci akan saya jawab pada penggulungan kali ini.

Seperti apa yang diminta oleh Yang Berhormat Senator, dalam hal berkenaan tentang pemansuhan seksyen 309, Kanun Keseksaan [Akta 574], di mana individu yang melakukan percubaan bunuh diri tidak lagi dianggap sebagai seorang penjenayah tetapi seorang yang mengalami krisis kesihatan mental yang perlu menerima rawatan. Ini secara tidak langsung dapat mendidik masyarakat agar prihatin untuk membantu mengurangkan stigma dan menggalakkan mereka yang mempunyai tingkah laku bunuh diri agar tampil untuk

mendapatkan bantuan dan rawatan. Dengan usaha ini, kematian akibat bunuh diri boleh dicegah.

Seperti yang telah saya maklumkan dalam jawapan lisan saya semalam, Jabatan Peguam Negara kini sedang menyediakan cadangan pindaan kepada Kanun Keseksaan dan Akta Kesihatan Mental 2001. Memorandum berhubung pelaksanaan usaha dekriminalisasi cubaan bunuh diri yang melibatkan pindaan kepada kedua-dua akta ini akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri dalam masa yang terdekat dan rang undang-undang berkenaan akan dibentangkan di Parlimen untuk kelulusan.

Berkenaan isu MENTARI. Saya akan menjawab berkenaan tentang pertanyaan Yang Berhormat Senator untuk menambah sekurang-kurangnya satu buah pusat MENTARI di setiap daerah menerusi Rancangan Malaysia Kedua Belas. Sejak 2018, KKM telah menubuhkan sekurang-kurangnya satu hingga dua MENTARI bagi setiap tahun dan menyasarkan sebanyak 40 buah MENTARI ditubuhkan menjelang tahun 2025. Pada masa kini, perluasan perkhidmatan ini menggunakan sumber tenaga kerja yang terhad sedia ada. Hasrat bagi meningkatkan MENTARI di setiap daerah memerlukan suntikan peruntukkan kewangan dan juga sumber tenaga kerja yang mencukupi bagi penyampaian perkhidmatan yang berkesan.

Berhubung pertanyaan Yang Berhormat Senator berkenaan peruntukkan yang diterima. Sebanyak RM3 juta telah diperuntukkan untuk perbelanjaan mengurus pada tahun 2022 dan akan diteruskan pada tahun 2023 serta tahun seterusnya demi kepentingan perkhidmatan psikiatri dan kesihatan mental. Pada tahun 2022, sebanyak RM1 juta peruntukkan aset telah dibelanjakan bagi pembelian aset bagi kegunaan MENTARI dan perkhidmatan psikiatri di hospital-hospital KKM.

Berkenaan tentang penjagaan kesihatan orang kurang upaya. Seperti saya nyatakan tadi, Yang Berhormat Senator juga telah membangkitkan persoalan mengenai isu-isu OKU iaitu antaranya mengenai hasil pencapaian menerusi Pelan Tindakan Penjagaan Kesihatan OKU 2011-2020.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, berikutan pandemik COVID-19 yang melanda Malaysia dan pelaksanaan perintah kawalan pergerakan pada tahun 2020 hingga April 2022, banyak aktiviti kesihatan yang dirancang telah tertangguh.

Walaupun demikian, melalui analisis awal yang diperoleh, antara pencapaian yang telah dilaksanakan oleh KKM adalah seperti berikut. Perwujudan Jawatankuasa Teknikal Kesihatan OKU yang bertanggungjawab merancang dan memantau program pencegahan dan rehabilitasi...

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Mohon mencelah, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Mohon Timbalan Menteri jelaskan...

Tuan Yang di-Pertua: Akan tetapi, mencelah bergantung pada beliau. Cuma, hala itu mesti kepada Tuan Pengerusi atau Tuan Yang di-Pertua. Semasa berucap, pihak yang menerima soalan mesti duduk dahulu. Peraturan 36.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni: Okey, silakan.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Mohon Timbalan Menteri jelaskan, bagaimana jumlah tawaran *sub-specialization*, dengan izin, kepakaran yang begitu rendah melalui HLP dapat membantu perubatan berkaitan geriatrik. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan tentang soalan tersebut adalah sangat memerlukan data dan juga berkenaan peningkatan *sub-specialist* ini. Isu yang kami hadapi ialah kekurangan minat pakar-pakar untuk melakukan *sub-specialist* kepakaran berkenaan tentang geriatrik ini. Walaupun demikian, tawaran biasiswa tetap diteruskan bagi sesiapa ataupun pegawai-pegawai perubatan yang berminat untuk meneruskan berkenaan tentang kepakaran berhubung kait dengan geriatrik ini.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, antara pencapaian yang turut telah dicapai adalah berkenaan tentang semua *facilities* baharu termasuk hospital dan klinik kesihatan mengambil kira keperluan OKU seperti tandas OKU, lif, *ramp*, *tactile paving*, dengan izin, parkir OKU dan sebagainya.

Juga, KKM menggalakkan Pegawai KKM mengambil bidang perubatan dan kesihatan yang lebih khusus seperti dalam bidang rehabilitasi yang boleh membawa manfaat kepada aktiviti-aktiviti dan program kesihatan OKU di lapangan.

Juga, berhubung dengan bilangan klinik dan hospital yang menawarkan rehabilitasi kepada OKU. Seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator, dimaklumkan kesemua 146 buah hospital kerajaan terutamanya di hospital pakar mempunyai kemudahan ini. Perkhidmatan rehabilitasi diperluaskan lagi melalui inisiatif kluster hospital yang mendapatkan konsultasi melalui lawatan pakar di hospital-hospital di bawah kluster yang berkenaan.

Bagi menambah baik kemudahan dan fasiliti rehabilitasi kepada OKU di Malaysia, pelbagai usaha turut dilaksanakan. Antaranya, memastikan perkhidmatan yang diberikan dilaksanakan secara terus-menerus di peringkat komuniti melalui program-program kesihatan komuniti, ujian-ujian saringan, konsultasi rehabilitasi, terapi dan khidmat latihan berterusan selain perkhidmatan yang diberikan melalui pesakit dalam dan luar di hospital-hospital dan klinik-klinik KKM.

■1600

Berkenaan penjagaan kesihatan ibu mengandung. Yang Berhormat Senator Datuk (Dr.) Ras Adiba binti Mohd Radzi turut menyentuh penjagaan ibu mengandung yang

mengambil asid folik dan mengenai bayi yang mengalami kecacatan tiub saraf ataupun *neural tube defect* (NTDs).

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, punca penyakit ini masih tidak jelas tetapi mungkin berkaitan dengan genetik pemakanan ibu termasuk kekurangan asid folik semasa mengandung atau faktor-faktor lain. Kelaziman ataupun *prevalence*, dengan izin, penyakit ini 0.42 bagi setiap 1,000 kelahiran hidup. Sehubungan itu, KKM mengambil berat pengambilan makanan yang tinggi asid folik. Kepentingan sering ditekankan semasa sesi ceramah pemakanan dan aktiviti demonstrasi makanan kepada ibu hamil di klinik dan komuniti serta telah dimasukkan dalam modul Kursus Pra Perkahwinan, JAKIM. Selain itu, wanita yang berhasrat untuk hamil akan dinasihatkan untuk mengambil suplemen asid folik sekurang-kurangnya tiga bulan sebelum hamil.

Penyakit jarang jumpa. Yang Berhormat Senator juga telah membangkitkan dua isu berkenaan tentang penyakit jarang jumpa iaitu perkhidmatan kesihatan penyakit jarang jumpa di kawasan pedalaman. Jumlah pakar genetik dan kaunselor genetik tersedia dalam negara serta hospital-hospital menyediakan perkhidmatan perubatan kepada penyakit jarang jumpa.

Untuk maklumat Tuan Yang di-Pertua, berhubung bilangan Pakar Genetik sehingga Mac 2023, terdapat seramai hanya tujuh orang Pakar Genetik di fasiliti KKM iaitu lima orang di Hospital Kuala Lumpur sebagai pusat rujukan, Zon Lembah Klang. Dua orang di Hospital Pulau Pinang sebagai pusat rujukan Zon Utara.

Bagi Sabah dan Sarawak, sebanyak empat kali setahun lawatan dibuat untuk Hospital Umum Sarawak dan juga sebanyak dua kali lawatan ke Hospital Wanita dan Kanak-kanak Sabah dan juga setiap kali lawatan ini seramai 30 orang pesakit dalam setiap sesi lawatan tersebut. Atas keprihatinan kerajaan madani, kerajaan melalui Belanjawan 2023 telah memperuntukkan sebanyak RM25 juta untuk menampung pembelian ubatan bagi penyakit jarang jumpa ini. Ini merupakan satu peningkatan daripada jumlah RM16 juta pada tahun 2022.

Penjagaan kesihatan warga emas. Yang Berhormat Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff, mengenai program kesihatan warga emas dan bilangan warga emas yang mempunyai isu kesihatan.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, satu Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi 2018, kesihatan warga emas telah dijalankan pada tahun tersebut. Tinjauan telah menunjukkan statistik warga emas di Malaysia yang mengalami isu kesihatan adalah seperti berikut: 27.2 peratus menghidapi diabetes; 51.1 peratus menghidapi hipertensi; dan 41.8 peratus menghidapi *hypercholesterolemia* dan juga sindrom *Geriatric* seperti kemungkinan *dementia*, mengalami depresi, menghidapi *urinary incontinence*, mempunyai sejarah jatuh dalam tempoh 12 bulan, mengalami ketidakupayaan penglihatan, mengalami ketidakupayaan pendengaran dan juga mengalami malnutrisi di kalangan warga emas.

Perkhidmatan kesihatan kepada warga emas yang diberikan di klinik-klinik kesihatan merangkumi promosi pendidikan kesihatan, saringan dan penilaian kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua: Malnutrisi sudah menjadi terma rasmi?

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni: Seperti yang dalam ucapan ini, malnutrisi mungkin Tuan Yang di-Pertua dapat membantu berkenaan ayat yang sesuai.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apa, saya tanya sahaja sebab kadangkala bila dengar malnutrisi...

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni: Malnutrisi.

Tuan Yang di-Pertua: Macam ilusi sahaja bunyinya... [Ketawa]

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni: Okey... [Ketawa] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga rawatan perawatan di rumah, pemulihan anggota dan cara kerja dan aktiviti sosial kebajikan yang dijalankan di bawah Kelab Warga Emas di setiap klinik kesihatan.

Untuk meningkatkan akses warga emas kepada perkhidmatan kesihatan ini, sebanyak 1,076 buah klinik kesihatan telah melaksanakan perkhidmatan kesihatan warga emas di peringkat penjagaan kesihatan primer secara percuma dan perkhidmatan ini diperluaskan ke 266 buah klinik desa terpilih. Melalui aktiviti-aktiviti ini seramai 214,841 orang warga emas, enam peratus daripada populasi warga emas telah disaring kesihatan oleh KKM pada tahun 2022.

Sehingga Mac 2023, terdapat 15 buah hospital KKM dengan Unit Geriatrik yang menawarkan perkhidmatan dengan 33 kepakaran *Geriatric Resident* seperti:

- (i) Hospital Sultanah Bahiyah Alor Setar, Kedah;
- (ii) Hospital Seberang Jaya, Pulau Pinang;
- (iii) Hospital Taiping, Perak;
- (iv) Hospital Raja Perempuan Bainun, Ipoh;
- (v) Hospital Kuala Lumpur;
- (vi) Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang;
- (vii) Hospital Selayang;
- (viii) Hospital Sungai Buloh;
- (ix) Hospital Tuanku Ja'afar, Seremban;
- (x) Hospital Melaka;
- (xi) Hospital Sultan Ismail, Johor Bahru;
- (xii) Hospital Sultanah Nora Ismail, Batu Pahat;
- (xiii) Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu;
- (xiv) Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu; dan
- (xv) Hospital Umum Sarawak.

KKM juga dalam perancangan untuk memperluaskan perkhidmatan *geriatric* di Hospital Cyberjaya pada penghujung tahun 2023.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih pula kepada isu penyakit berjangkit yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol. Yang Berhormat Senator memohon statistik terkini penyakit kelamin di Bahagian Miri, Bintulu, Sibul, Kapit dan Kuching. Punca utama jangkitan dan beliau telah mencadangkan agar libat urus dilaksanakan melibatkan ketua-ketua kaum, ketua-ketua masyarakat, dan NGO agar meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap penyakit berbahaya ini.

Pada tahun 2022, kes baharu sifilis yang dilaporkan di bahagian-bahagian di negeri Sarawak adalah seperti berikut.

NEGERI	BILANGAN KES SIFILIS
Kuching	234
Sibu	89
Miri	93
Bintulu	81
Kapit	17

Manakala kes *gonorrhoea* yang dilaporkan adalah seperti berikut:

NEGERI	BILANGAN KES GONORRHEA
Kuching	213
Sibu	44
Miri	48
Bintulu	55
Kapit	15

Untuk HIV, statistik mengikut bahagian adalah seperti berikut:

NEGERI	BILANGAN KES HIV
Kuching	85
Sibu	15
Miri	28
Bintulu	38
Kapit	6

Untuk makluman...

Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mohon penjelasan.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni: Okey.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya cuma ingin bertanya dengan pelaksanaan PrEP, adakah bilangan kes penyakit kelamin akan bertambah?

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni: Terima kasih Yang Berhormat Senator, sememangnya pada ketika ini KKM sedang menjalankan *pilot project*, dengan izin, di 18 buah fasiliti KKM dengan kita membekalkan PrEP secara percuma kepada individu-individu yang mempunyai gaya hidup yang berisiko.

Penggunaan PrEP ini dikatakan mempunyai 90 peratus dapat menghindari daripada penyakit HIV ini untuk merebak bagi individu-individu yang mengamalkan gaya hidup yang berisiko tersebut. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kebanyakan kes-kes yang tercatat adalah di kalangan lelaki iaitu 91 peratus daripada jangkitan di Sarawak yang sebutkan sebentar tadi, 91 peratus tersebut adalah di kalangan lelaki.

Sudah menjadi pertanggungjawaban kami untuk tidak membiarkan HIV ini merebak dengan lebih serius. Dengan pelaksanaan PrEP ini kita jangka kita akan dapat menurunkan kadar jangkitan HIV kepada individu-individu yang tidak bersalah. Contohnya, pasangan isteri ataupun anak-anak dan juga saya meneruskan Tuan Yang di-Pertua...

Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff: Boleh saya tambah sedikit. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab untuk pesakit HIV. Maksud saya untuk penyakit-penyakit kelamin lain contohnya sifilis dan *gonorrhoea*. Sekiranya pelaksanaan PrEP ini adakah jangkakan daripada pihak KKM kes-kes ini akan meningkat? Terima kasih.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni: Kalau berdasarkan kajian yang telah dibuat sememangnya akan ada penurunan kerana penggunaan PrEP ini akan merendahkan kadar jangkitan HIV. Bagi individu-individu yang mendapat sifilis, *gonorrhoea*, sememangnya mereka sudah mengamalkan gaya hidup seksual yang tidak selamat dan juga berisiko.

■1610

Golongan berisiko ini kebarangkalian untuk mendapatkan jangkitan HIV adalah tinggi dan juga penggunaan PrEP ini adalah merupakan salah satu *solution*, dengan izin, untuk menghindari penyakit HIV.

Saya teruskan kepada berkenaan tentang prasarana kesihatan. Yang Berhormat Senator Dato' Juhani binti Abd Aziz telah menyentuh isu kekurangan doktor pakar di hospital daerah, kesesakan hospital, ubat-ubatan yang dikatakan tidak mencukupi dan soal naik taraf hospital yang uzur.

Untuk menjawab persoalan ini, berkenaan tentang perbelanjaan pembangunan yang telah diluluskan dalam Belanjawan Pembangunan Tahun 2023, sebanyak RM4.83 bilion jumlah peruntukan ini, telah meningkat sebanyak 10.27 peratus dan RM448 juta berbanding peruntukan yang diterima pada tahun 2022.

Peruntukan ini akan dibelanjakan untuk projek pembangunan fizikal fasiliti kesihatan meliputi pembinaan hospital, klinik baharu dan menaiktarafkan sebanyak 400 buah klinik daif yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Juga, bagi menambah baik hospital KKM, kerajaan juga telah menaikkan taraf kemudahan sebanyak 26 buah hospital seperti Hospital Lundu, Hospital Bentong, Hospital Gerik, Hospital Tangkak, Hospital Jelebu dan juga hospital-hospital yang lain.

Bagi menambah fasiliti perkhidmatan di hospital seperti mesin pemeriksaan imbasan tomografi berkomputer- *CT scan*. Yang Berhormat Senator Datuk John Ambrose, KKM sedang dalam rancangan untuk menempatkan mesin pemeriksaan imbasan CT di semua hospital pakar minor secara berperingkat. Pada tahun ini, sebanyak lapan buah hospital akan menerima seunit mesin imbasan CT baharu bagi setiap hospital iaitu Hospital Marudu, Hospital Beaufort, Hospital Pendang, Hospital Tanjong Karang, Hospital Baling, Hospital Gua Musang, Hospital Rembau dan juga Hospital Banting.

Berkenaan tentang bekalan ubat. Yang Berhormat Senator Dato' Juhani binti Abd Aziz, KKM sentiasa komited dalam memastikan bekalan ubatan sentiasa mencukupi untuk keperluan pesakit. Walau bagaimanapun, KKM mengambil maklum terdapat isu gangguan bekalan ubatan tertentu menyebabkan pesakit tidak mendapat bekalan ubat yang mencukupi. Sehubungan dengan itu, antara langkah yang diambil oleh KKM menetapkan paras simpanan stok maksimum dan minimum dalam kawalan inventori ubat bagi memastikan stok disimpan pada paras yang optimum.

Secara dasarnya, semua ubat yang dibekalkan di fasiliti KKM adalah berdasarkan Formulasi Ubat KKM dan perolehan menggunakan peruntukan KKM. Namun begitu, sekiranya terdapat keperluan mengguna ubat yang tidak tersenarai dalam FUKKM, akses kepada ubatan ini boleh diperolehi melalui peruntukan kementerian atau dana daripada pihak luar seperti badan berkanun, zakat, MAKNA ataupun pembelian sendiri.

Berkenaan tentang isu tempat letak kereta. Tuan Yang di-Pertua, masalah ini merupakan masalah yang sangat kerap disebut dan juga langkah-langkah serta inisiatif yang diambil oleh KKM adalah dengan penyumberluaran tempat letak kereta secara premis dengan menawarkan kepada syarikat swasta yang berminat, bekerjasama dan berkolaborasi menggunakan tempat letak kereta PBT, memperkenalkan tempat letak kereta *valet*, menaik taraf tempat letak kereta sedia ada secara berskala kecil melalui peruntukan pembangunan dan juga mempertimbangkan penyediaan tempat letak kereta bertingkat secara kerjasama awam-swasta.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Datuk Bobbey Ah Fang Bin Suan, tempat letak kereta bertingkat di Hospital Elizabeth dan juga Hospital Elizabeth II memang terdapat cadangan daripada pihak swasta untuk membina tempat letak kereta bertingkat di hospital tersebut. Kebolehlaksanaan cadangan ini sedang diperhalusi dengan lebih mendalam. Juga,

untuk makluman Yang Berhormat Senator, bagi pembinaan dan juga reka bentuk pada masa akan datang, KKM akan menitik berat berkenaan tentang keperluan tempat letak kereta bagi reka bentuk hospital dan klinik pada masa akan datang.

Untuk menjawab berkenaan tentang persoalan isu sumber manusia yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta berkenaan kualiti doktor pelatih yang tidak bekerja semasa menunggu panggilan *housemen*. Pada tahun 2019, KKM telah memperkenalkan program Sangkutan Klinikal di fasiliti KKM bagi graduan perubatan yang ingin mendapat pendedahan awal tentang bidang tugas dan suasana kerja doktor yang sebenar.

Pada masa kini, tempoh menunggu bagi graduan perubatan adalah selama dua bulan hingga empat bulan iaitu tempoh daripada graduan perubatan lengkap mendaftar dalam Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) sehingga dilantik sebagai PPS.

Setiap pegawai perubatan bertanggungjawab dalam memastikan ilmu pengetahuan dan kemahiran klinikal berada pada kualiti dan kompetensi yang tinggi. Hal ini adalah selaras dengan konsep pembelajaran sepanjang hayat dalam profesion perubatan yang bermula sejak universiti lagi.

Juga, meningkatkan bilangan doktor pakar. Soalan daripada Yang Berhormat Senator Dato' Juhani binti Abd Aziz berhubung kekurangan doktor pakar di fasiliti kesihatan KKM. Perkara ini memerlukan penyelesaian jangka sederhana dan juga jangka panjang kerana melibatkan isu dana dan juga perjawatan.

Pada masa ini, KKM melaksanakan langkah-langkah seperti berikut. Meningkatkan jumlah doktor pakar dengan meningkatkan slot tajaan sarjana kepakaran Hadiah Latihan Persekutuan daripada 1,000 slot pada tahun 2018 kepada 1,500 slot pada sesi tahun 2023. Pertambahan slot ini adalah bagi menggalakkan lebih ramai pegawai perubatan melanjutkan pengajian dalam bidang kepakaran.

Selain itu, kepakaran *parallel pathway* yang merupakan program kepakaran latihan alternatif kepada Pegawai Perubatan KKM dengan 600 slot latihan setiap tahun melibatkan sebanyak 14 buah bidang kepakaran. Pada tahun 2022, jumlah pegawai perubatan lantikan kontrak yang sedang mengikuti pengajian dalam program sarjana adalah seramai 61 orang dan *parallel pathway* iaitu seramai tujuh orang. Anggaran implikasi kewangan adalah sebanyak RM1.83 juta.

Berkenaan tentang kebajikan petugas kesihatan yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai berkenaan tindakan yang telah atau sedang dilaksanakan berkaitan isu kebajikan doktor termasuk gaji, kenaikan pangkat dan sebagainya. Kementerian Kesihatan Malaysia telah mengadakan sesi libat urus bersama dengan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) dengan lebih kerap ketika ini. Kita juga mengemukakan bilang-bilangan pakar dan juga perjawatan yang diperlukan oleh pihak

Kementerian Kesihatan. Sebagai contoh, pada tahun ini hampir 4,900 perjawatan tetap telah diwujudkan dan perjawatan ini akan diteruskan sebanyak 1,500 pada masa akan datang.

Mengenai isu vaksin seperti apa yang disebut oleh Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair berkenaan tentang pembekalan vaksin. Negara kita telah berjaya keluar daripada kemelut penularan pandemik COVID-19 melalui langkah kawalan dan pencegahan bukan farmaseutikal melalui program pemberian vaksin. Terbukti, langkah vaksinasi ini telah berjaya melandai kelok pandemik COVID-19, seterusnya memulihkan beban kesihatan awam negara.

Semasa menangani COVID-19, KKM menjunjung tinggi yang diberikan oleh rakyat untuk mendapatkan vaksinasi COVID-19. Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara telah pun membuat prosiding ke atas pelaksanaan perolehan vaksin COVID-19 ini dan telah merumuskan bahawa perolehan vaksin COVID-19 yang telah dilaksanakan adalah teratur mengikut tatacara kewangan Kementerian Kewangan Malaysia. Untuk makluman, Kertas Putih perolehan vaksin juga akan dibentangkan pada Mesyuarat Kedua Parlimen yang akan datang pada Mei dan juga Jun.

Tentang pelupusan vaksin. Berdasarkan unjuran, penerima dos lengkap dalam populasi dewasa dan remaja adalah melebihi 98.4 peratus ataupun sebanyak 23,141,678 populasi dewasa serta 91.9 peratus populasi remaja telah menerima dos lengkap sehingga 27 Mac. Begitu juga dengan sasaran penerima dos penggalak populasi dewasa iaitu sebanyak 69.1 peratus ataupun 16,254,539 orang.

Terakhir Tuan Yang di-Pertua, berkenaan tentang persoalan Yang Berhormat Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa berkenaan tentang kemudahan kesihatan kepada kanak-kanak yang tidak mendapat taraf warganegara. Isu terakhir yang disentuh oleh KKM ialah berkenaan tentang kemudahan kesihatan kepada anak-anak yang masih belum mendapat kewarganegaraan. Garis Panduan Pelaksanaan Perintah Fi (Perubatan)(Kos Perkhidmatan) 2014, kanak-kanak bukan warganegara yang berumur 12 tahun ke bawah yang memegang sijil kelahiran Malaysia dan bapa dan ibunya ialah seorang warganegara ataupun pemastautin tetap di Malaysia dikenakan caj seperti warganegara.

■1620

Selain itu, pasangan isteri dan juga suami kepada warganegara Malaysia yang berstatus warganegara asing seperti memiliki dokumen perkahwinan yang sah, sijil nikah, sijil perkahwinan yang disahkan oleh Pejabat Majlis Agama Islam negeri di Malaysia, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di luar negara dan Jabatan Pendaftaran Negara turut dikenakan caj mengikut kadar warganegara sebagaimana yang ditetapkan di bawah Perintah Fi (Perubatan) 1982 dan pindaan 2017.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja penggulungan saya bagi Kementerian Kesihatan. Sudah pasti tempoh masa yang diperuntukkan ini tidaklah mencukupi. Juga, bagi soalan-

soalan yang belum terjawab, kami akan berikan satu jawapan yang bertulis dan juga bolehlah dikemukakan pada soalan-soalan yang akan datang. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Lukanisman bin Awang Sauni, Timbalan Menteri Kesihatan atas jawapan yang telah diberikan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab Jabatan Perdana Menteri sebagai kementerian yang bertanggungjawab menggulung perbahasan Titah Diraja, maka dengan ini saya menjemput Yang Berhormat Datuk Armizan bin Mohd Ali, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah, Sarawak dan Tugas-tugas Khas). Dipersilakan.

4.21 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah, Sarawak dan Tugas-tugas Khas) [Datuk Armizan bin Mohd Ali]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Pertamanya, bagi pihak Jabatan Perdana Menteri, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator Dewan Negara yang telah terlibat dalam perbahasan Titah Diraja. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan tahniah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator Dewan Negara yang baru mengangkat sumpah sebagai Ahli Dewan Negara baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan memberikan jawapan berpandukan kepada bidang tugas yang telah dipertanggungjawabkan kepada saya di Jabatan Perdana Menteri meliputi dua komponen utama iaitu:

- (i) bahagian hal ehwal Sabah dan Sarawak yang merupakan urusan setia kepada pelaksanaan dan pemantauan isu-isu berbangkit berkaitan dengan Perjanjian Malaysia 1963; dan
- (ii) komponen tugas-tugas khas khususnya perkara-perkara yang melibatkan isu pengurusan bencana.

Pada hari ini juga, Tuan Yang di-Pertua, saya juga diberikan tanggungjawab untuk mewakili Yang Berhormat Dato Setia Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) yang pagi tadi sempat ke Dewan Rakyat untuk menjawab, namun terpaksa untuk bergegas balik kerana kurang sihat. *Insya-Allah*, saya juga akan memberikan jawapan bagi pihak beliau yang tidak mempunyai Timbalan Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya, saya ingin memberikan jawapan untuk isu berkaitan dengan banjir dan pengurusan bencana, di mana terdapat seramai tujuh Ahli Dewan Negara yang telah membangkitkan isu-isu berkaitan sepanjang perbahasan iaitu Yang Berhormat Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh; Yang Berhormat Senator

Dato' Arman Azha Abu Hanifah; Yang Berhormat Senator Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan; Yang Berhormat Senator Dato' Haji Husain bin Awang; Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda; Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen; dan akhir sekali Yang Berhormat Senator Datuk Teo Eng Tee, yang telah antara lain membangkitkan isu-isu berkaitan dengan pengurusan bencana.

Di peringkat awal ini juga, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memperjelaskan bahawa pengurusan bencana di negara kita ini, khususnya berkaitan banjir, diselaraskan, diuruskan melalui, dengan izin, *three tier community*, jawatankuasa tiga peringkat iaitu: pertama, Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri I, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, dan urus setianya merupakan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA).

Kedua, Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri yang dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri semua negeri dan urus setianya Angkatan Pertahanan Awam Malaysia.

Dan ketiga, di peringkat lapangan iaitu Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah yang dipengerusikan oleh pegawai-pegawai daerah, dan juga diurussetiakan oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia di peringkat daerah.

Itu merupakan strukturnya yang digerakkan melalui Arahan No. 20 Majlis Keselamatan Negara yang berkaitan dengan dasar dan mekanisme pengurusan bencana negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin pertamanya menyentuh tentang perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh yang mencadangkan agar NADMA perlu lebih proaktif dengan merancang lebih awal dan bersiap sedia bagi menangani bencana alam, terutamanya banjir, seperti persiapan bot penyelamat, pembekalan makanan kering dan jaket keselamatan.

Ingin saya maklumkan juga, selain daripada yang saya sebutkan tadi, jawatankuasa tiga peringkat tersebut, untuk makluman Ahli-ahli Dewan juga, NADMA menyelaras pengurusan ini di peringkat pusat, namun tugas-tugas tertentu yang lebih spesifik juga dilaksanakan oleh, dengan izin, *respective ministry*, kementerian-kementerian yang bertanggungjawab. Contohnya, berkaitan dengan pembekalan makanan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Pembangunan Wanita, isu berkaitan tebatan banjir diuruskan secara langsung oleh NRECC dan isu pembaikan jalan-jalan raya pasca bencana akan disusul oleh Kementerian Kerja Raya.

Namun, di peringkat pusat, NADMA akan memantau dan menyelaras gerak kerja ini untuk memastikan setiap kementerian dan agensi bergerak berdasarkan dasar dan mekanisme yang telah ditetapkan di bawah Arahan No. 20 Majlis Keselamatan Negara tersebut.

Kita juga sedia maklum, syukur, *alhamdulillah*, kita telah melalui fasa yang agak kritikal Monsun Timur Laut (MTL) 2022/2023 yang sebenarnya telah pun bermula pada 7 November yang lepas, tahun 2022 yang lalu dan mengikut pengumuman Jabatan Metrologi Malaysia (MET Malaysia), bahawa fasa tersebut iaitu MTL 2022/2023 telah pun berakhir pada 23 Mac yang lalu dengan permulaan fasa peralihan.

Jadi, daripada 7 November 2022 hingga 22 Mac 2023, kita telah melalui MTL 2022/2023 dan sekarang kita berada di fasa peralihan. Walaupun fasa peralihan, pengurusan kesiapsiagaan kita untuk menghadapi bencana ini perlu diteruskan memandangkan fasa peralihan monsun ini akan menyebabkan rantau negara menerima tiupan angin lemah dari pelbagai arah yang kondusif untuk kejadian ribut petir yang lazimnya membawa hujan lebat berserta angin kencang dalam jangka masa yang singkat. Keadaan cuaca ini berpotensi menyebabkan banjir kilat serta kerosakan pada struktur yang tidak kukuh.

Itu sebab kita dapat melihat walaupun secara rasminya MTL itu telah berakhir, namun masih berlaku kejadian hujan lebat. Namun, hujan-hujan lebat itu akan berlangsung berlaku dalam tempoh yang singkat dan bukannya hujan lebat yang berterusan untuk tempoh yang lama. Itu sebab kita telah meminta PBT-PBT dan semua agensi yang berkaitan untuk melihat pemantauan parit-parit dan sebagainya untuk memastikan walaupun hujan itu singkat, namun ia boleh membawa risiko banjir kilat.

Daripada segi melaksanakan...

■1630

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Celahan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Armizan bin Mohd Ali: Silakan Yang Berhormat.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, saya tidak nampak tentang ulasan itu yang menghubungkan kolaborasi pihak kerajaan secara aktif dengan NGO yang saya fikir NGO antara *third force* yang sangat perkasa dalam menangani isu bencana. Mohon komen daripada Yang Berhormat Menteri.

Datuk Armizan bin Mohd Ali: Terima kasih Yang Berhormat. Saya belum sampai ke tahap itu. Memang sebenarnya sebagaimana perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tan Sri Fatmi yang meminta tentang penjelasan tentang tindakan-tindakan kita yang meliputi aspek pra bencana, semasa bencana dan juga pasca bencana. Kalau di peringkat pra bencana, kita telah melaksanakan program simulasi dan sesi libat urus di seluruh negara bagi memantapkan pergerakan khususnya Jawatankuasa Pengurusan Bencana di peringkat negeri dan daerah, Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB), Pos Kawalan Tempat Kejadian serta Pusat Pemindahan Sementara (PPS).

Dalam peringkat pra bencana ini, untuk makluman Yang Berhormat juga, kita telah melaksanakan juga program yang dinamakan *Community-Based Disaster Risk Management* (CBDRM) di seluruh negara yang melibatkan penglibatan NGO-NGO. Kita amat mengalu-

alukan dan amat menghargai penglibatan NGO-NGO kita di seluruh peringkat. Kita mendesak agar NGO-NGO bekerja sama rapat dengan PKOB ataupun Jawatankuasa Pengurusan Bencana di peringkat daerah untuk memastikan penglibatan mereka itu berdasarkan kepada keperluan, berbezanya keperluan di setiap daerah dan dapat sampai kepada golongan sasaran, kampung-kampung yang terlibat.

Sebagai untuk memastikan lagi kerjasama dengan NGO-NGO ini dapat kita perkasakan untuk pengetahuan Yang Berhormat juga, kita telah mengeluarkan kenyataan di awal MTL yang lepas supaya NGO-NGO ini untuk mendaftar dengan NADMA. Bukan tujuan kita mahu *regulate*, tetapi untuk memastikan kita dapat bekerjasama dengan lebih baik lagi.

Jadi kepada NGO-NGO, mungkin Ahli-ahli Dewan juga mempunyai hubungan *networking* dengan izin, dengan NGO-NGO tertentu, silalah bekerjasama dan daftar dengan unit yang kita namakan Rakan NADMA yang sedia ada di NADMA untuk kita mengenal pasti apakah bentuk-bentuk tujuan dan juga *niche area* kebitaraan NGO-NGO ini.

Ini sebab ada NGO yang terlibat dengan bantuan kebajikan, ada juga NGO-NGO yang sebenarnya berkepakaran dalam aspek teknikal sendiri. Ramai NGO di Malaysia ini juga sebagaimana yang kita libatkan juga Ihsan Johor di Johor baru-baru ini dan ada yang kita libatkan juga dalam misi-misi kemanusiaan di peringkat antarabangsa.

Jadi, kita menggalakkan penyertaan dan kesiapsiagaan. Namun, satu perkara yang kita ingin sebutkan di sini bahawa ada dalam kes-kes tertentu bencana yang berlaku itu adalah pada magnitud yang cukup besar. Jadi, untuk memastikan pihak-pihak yang boleh masuk ke kawasan kejadian itu memerlukan kepada *first responder* yang terlatih. Kita tidak membenarkan semua orang termasuklah agensi kerajaan tertentu masuk ke kawasan lokasi yang kita lihat mempunyai risiko yang besar. Jadi, kita memerlukan kepada pasukan-pasukan *first responder* kita daripada APM, daripada bomba penyelamat, daripada angkatan tentera dan PDRM untuk masuk ke kawasan-kawasan yang mempunyai risiko yang tinggi.

Seterusnya Yang Berhormat, daripada segi tindak balas bencana. Persiapan awal yang telah kita laksanakan di awal sebelum bermulanya MTL 2022-2023 ini, secara keseluruhannya seramai 76,336 orang pegawai dan anggota agensi tindak balas di semua peringkat berada dalam keadaan siap siaga melibatkan 22,622 - aset darat, air, udara, perubatan dan lain-lain.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, bagi pengurusan mangsa, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di bawah Kementerian Wanita yang bertanggungjawab untuk PPS-PPS telah menyediakan sejumlah 6,010 Pusat Pemindahan Sementara (PPS) di seluruh negara yang mempunyai kapasiti untuk menempatkan seramai 1,620,855 orang mangsa. Itu persiapan awal.

Namun dalam kes MTL yang baru berakhir ini, banyak juga PPS-PPS baharu yang kita secara *ad hock* buka. Ini kerana ada kawasan tertentu yang sebelum ini bukan dikenal

pasti sebagai *hotspot*, tetapi disebabkan keperluan, maka kita serta-merta mengeluarkan arahan untuk membuka kawasan PPS di kawasan tersebut walaupun tidak tersenarai sebagai PPS yang telah ditapis dan dikemukakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat di awal sebelum bermula. Di peringkat awal sebelum permulaan MTL yang lepas juga, NADMA telah menyalurkan peruntukan untuk negeri-negeri untuk persiapan awal sebelum MTL bermula adalah sebanyak RM280 juta bagi tujuan pengagihan bantuan wang ihsan kematian, Bantuan Barangan Keperluan Asas (BBKA) dan bantuan pembaikan rumah dengan kos maksimum RM5,000.

Maksudnya di sini apa yang saya sebutkan di sini, jumlah itu telah bertambah sekarang sehingga berakhir MTL dan akan terus kita tambah berdasarkan keperluan jumlah mangsa. Namun sebelum bermula MTL lagi, sebenarnya peruntukan awal telah disalurkan untuk negeri-negeri melaksanakan persiapan termasuklah untuk simpanan, rizab peruntukan di bawah KWABBN untuk mangsa-mangsa bencana. Ertinya kita tidak bertindak bila sudah berlaku banjir, bila sudah mangsa di PPS baru kita menyalurkan peruntukan tersebut. Namun sekiranya terdapat keperluan tambahan, kita akan tambah penyaluran peruntukan melalui Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara tersebut.

Ingin saya jelaskan kepada Ahli-ahli Dewan, ini merupakan perancangan dan pelaksanaan yang kita sentiasa terbuka untuk tambah baik termasuklah baru-baru ini, Kabinet Persekutuan telah membuat keputusan dan arahan telah dikeluarkan oleh Tan Sri Ketua Setiausaha Negara kepada semua Pengerusi Jawatankuasa Bencana Negeri kerana kita mendapat maklum balas yang cukup hebat di Dewan Rakyat sebagaimana juga Dewan Negara ini. Di Dewan Rakyat, lebih 40 Ahli Parlimen Ahli Dewan Rakyat yang telah membangkitkan isu banjir termasuklah satu usul khas dibahaskan. Dengan itu mengambil *alhamdulillah*, kita lihat di Dewan Negara juga keprihatinan itu cukup tinggi.

Dalam dua minggu lepas, Tan Sri KSN telah mengeluarkan surat kepada semua Pengerusi Jawatankuasa Bencana Negeri iaitu setiausaha-setiausaha kerajaan negeri untuk meminta semua wakil rakyat tanpa mengira parti iaitu Ahli Parlimen dan juga Ahli Dewan Rakyat dan juga ADUN-ADUN tanpa mengira parti dilibatkan sebagai ahli Jawatankuasa Pengurusan Bencana di peringkat daerah untuk membolehkan wakil-wakil rakyat kita ini terlibat secara langsung sama ada memberikan bantuan ataupun memberikan syor untuk persiapan dan juga pemantauan pelaksanaan banjir. Ini komitmen dan keterbukaan Kerajaan Persekutuan pada hari ini untuk memastikan keselamatan rakyat itu menjadi prioriti utama, keutamaan kita tanpa mengira warna parti dan sebagainya.

Silakan Yang Berhormat.

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan Kementerian Wilayah ini tidak ada, saya dimaklumkan bahawa kementerian ini diletakkan di bawah JPM, betul? Boleh saya tanya soalan mengenai banjir di Wilayah Persekutuan Kuala

Lumpur? Ini sebab saya tengok bila saya tanya soalan banjir ini, nama saya tiada dalam itu. Sudahlah kementerian tidak ada, nama pun tidak ada.

■1640

Sekarang ini semua tidak ada di Kuala Lumpur ini. Ya lah selepas habis pilihan raya ini Kementerian Wilayah sudah tidak ada. Ini masalah. Bercerita fasal *hotspot* banjir itu tadi, di Kuala Lumpur ini sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa DBKL sebelum ini telah mengenal pasti 25 buah *hotspot* banjir.

Sekarang ini pelbagai tindakan telah kita lakukan. Sekarang ini saya hendak tahu *hotspot* ini tinggal berapa dan di mana. Ini sebab tempatnya berselerak. Dahulu ketika banjir ada cadangan hendak buat *new tunnel* macam *SMART Tunnel*, *everything* semua ada kita fikir. Akan tetapi pada pendapat saya kedudukan *hotspot* di Kuala Lumpur ini berselerak. Dia tidak akan dapat menyelesaikan masalah banjir secara keseluruhan. Saya minta penjelasan sedikit. Warga Kuala Lumpur hendak tahu ini. Takut balik nanti banjir jadi masalah pula kita.

Datuk Armizan bin Mohd Ali: Terima kasih Yang Berhormat. Memang betul Jabatan Wilayah Persekutuan sekarang di bawah Jabatan Perdana Menteri. Yang Berhormat Menteri yang membantu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menjawab di Parlimen iaitu Yang Berhormat Datuk Seri Azalina. Namun berkaitan dengan banjir saya. Saya mohon maaf sebab saya tidak membawa hari ini butiran tentang kawasan-kawasan *hotspot* di kawasan Wilayah Persekutuan. *Hotspot* ini ditentukan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat. Saya akan minta NADMA untuk menyelaras untuk memberikan maklumat jawapan kepada Yang Berhormat tentang kawasan-kawasan *hotspot*.

Datuk Hisamudin bin Yahaya: *Next time* Yang Berhormat, jangan tinggalkan Kuala Lumpur dan Putrajaya ini sebab dia masih di bawah jabatan ini, kan?

Datuk Armizan bin Mohd Ali: Okey, terima kasih Yang Berhormat.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Arman Azha telah mencadangkan agar pengurusan bencana dipertingkatkan agar pihak berwajib terus bersiap siaga kerana bencana datang tanpa amaran. Terima kasih Yang Berhormat. Ini juga yang kita sebutkan tadi.

Dasar Pengurusan Risiko Bencana, *Disaster Risk Reduction Policy* sedang diusahakan di pelbagai peringkat. Perwujudan Repositori Daftar Risiko Bencana Negara, *National Risk Register* juga akan membantu mempertingkatkan perluasan dasar (DRR) dan bagi memastikan pengurusan bencana di Malaysia seiring dengan perkembangan teknologi semasa NADMA turut mengambil inisiatif untuk memperkasakan Pusat Kawalan Bencana Negara (NDCC) sebagai pusat koordinasi maklumat dan pemantauan bencana di peringkat nasional.

Yang Berhormat Senator Dato' Haji Jefridin ada membangkitkan tentang keberkesanan sistem penggunaan sistem amaran secara pesanan ringkas ke talian telefon masyarakat setempat. Ini adalah antara pendekatan rintis yang dilaksanakan untuk

memastikan kita dapat memberikan maklumat awal kepada penduduk sekiranya mendapat maklumat daripada MET tentang risiko berlakunya hujan lebat di kawasan tertentu. Ini merupakan empat *of* CSR, tanggungjawab sosial *telco-telco* tidak ditanggung oleh peruntukan kerajaan. Kita bekerjasama dengan SKMM, MET Malaysia dan juga JPS.

Inisiatif ini telah dimulakan pada tahun 2019 iaitu Inisiatif Penyampaian Amaran Banjir melalui sistem pesanan ringkas kepada penduduk di kawasan berisiko banjir dengan kerjasama JPS melalui Program Ramalan dan Amaran Banjir Negara (PRAB) yang telah dimulakan secara rintisnya di negeri-negeri kawasan pantai timur yang merupakan antara *hotspot* utama kepada banjir.

Hebahan SEMASA yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat telekomunikasi adalah secara SMS. *Push notification* berdasarkan keupayaan syarikat masing-masing. Hebahan yang dilaksanakan buat masa ini adalah berdasarkan kepada pengguna yang berdaftar di sesuatu poskod dan bukan berdasarkan penduduk di poskod kawasan berkenaan. Maksudnya kita bekerjasama dengan *telco*, *telco* akan menyampaikan mesej tersebut mengikut kepada butiran pelanggan masing-masing yang berdaftar berdasarkan rekod *telco* pada poskod mereka. Ia di-*match*-kan dengan amaran yang dikemukakan oleh JPS.

Untuk isu-isu berkaitan banjir yang lain, saya akan jawab secara bertulis kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Paling penting saya hendak sebut sedikit ini amanah daripada Menteri Agama untuk saya menjawab berkaitan. Ada dua perkara yang dibangkitkan yang melibatkan portfolio beliau. Pertama berkaitan dengan kos haji.

Bagi musim haji 1444H tahun ini Lembaga Tabung Haji menjangkakan kos menunaikan haji akan meningkat sehingga RM31,000 bagi setiap jemaah haji Muassasah berbanding RM28,362 seorang pada tahun lepas. Peningkatan kos haji tidak dapat dielakkan kerana ia terdedah kepada faktor-faktor di luar kawalan Lembaga Tabung Haji termasuk kadar tukar mata wang ringgit Malaysia berbanding Saudi riyal dan dolar Amerika, kadar inflasi dan percukaian di Arab Saudi, projek pembesaran yang berterusan di Mekah dan Madinah yang menyebabkan banyak bangunan penginapan jemaah haji dirobohkan. Ia memberi tekanan kepada pasaran harga sewaan serta caj-caj yang dikenakan oleh pihak berkuasa Arab Saudi bagi pelbagai perkhidmatan yang disediakan untuk kebajikan dan keselesaan jemaah haji di tanah suci.

Sebagai langkah strategik menangani kenaikan kos haji yang berterusan, Lembaga Tabung Haji telah memeterai perjanjian jangka panjang bagi beberapa perkhidmatan asas termasuk penerbangan carter haji, penyewaan bangunan penginapan di Mekah dan Madinah dan sajian makanan jemaah haji untuk mengikat harga-harga yang dikenakan. Lembaga Tabung Haji akan terus mengamalkan perbelanjaan secara berhemah demi menjaga kebajikan.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Boleh minta penjelasan kah? Saya tahu dipinjamkan.

Datuk Armizan bin Mohd Ali: Sila. Kalau saya tidak boleh jawab saya akan...

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Sekarang ini Tabung Haji sudah tentukan berapa harga untuk musim haji kali ini? Kalau dahulu RM26,000 dia boleh turunkan ke RM13,500. Yang ini sudah adakah jawapan untuk tahun yang terbaru?

Satu, kalau boleh jawab. Kedua penjelasan kedua ada mereka bertanya bila agak-agak dividen Tabung Haji tahun ini akan diberikan? Fasal sudah masuk bulan April ini tidak macam biasa-biasa. Biasa sudah ada. Akan tetapi tahun ini kenapa lambat sedikit pada biasa-biasa? Minta maaf. Kalau boleh yang belakang-belakang tolong jawab sedikit, *Insyallah*.

Datuk Armizan bin Mohd Ali: Terima kasih Yang Berhormat. Saya fikir berkenaan dengan kos haji bagi jemaah-jemaah kita akan tidak lama lagi pengumuman secara rasmi akan dibuat oleh pihak yang bertanggungjawab.

Namun saya ingin maklumkan dijangka dengan pengumuman itu bantuan kewangan haji pada tahun ini dijangka akan mencecah RM400 juta bagi tahun 2023. Itu *figure* yang dibekalkan di sini namun saya tidak mahu mendahului pihak yang bertanggungjawab untuk mengumumkan berapakah jumlah kos haji bagi Muassasah. Pertanyaan yang kedua yang disebutkan juga tadi kita akan minta pihak berkenaan untuk menjawab secara bertulis kepada Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua saya fikir saya perlu sentuh satu perkara daripada Yang Berhormat Senator Datuk John Ambrose kerana soalan ini ada berkaitan dengan fungsi utama saya, portfolio saya, Bahagian Hal Ehwal Sabah Sarawak. Beliau telah menyentuh berkaitan tuntutan mengenai pertambahan bilangan Ahli Dewan Rakyat dari Sabah dan Sarawak. Beliau juga meminta supaya pertambahan itu juga melibatkan jumlah Ahli Dewan Negara.

Untuk makluman Yang Berhormat berkaitan dengan jumlah Ahli Dewan Negara ini sebenarnya memang secara tersurat telah dimaktubkan dalam Perlembagaan Persekutuan. Ini memang telah dilaksanakan.

Perkara 45(1)(A) Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan bahawa Ahli Dewan Rakyat hendaklah terdiri daripada dua orang ahli yang dipilih bagi setiap negeri dan kedudukan undang-undang ini adalah selari dengan jaminan yang terkandung dalam perenggan 19, laporan antara kerajaan IGC di mana pelantikan dua Ahli Dewan Negara yang berasal dari Sabah dan Sarawak sememangnya telah dijamin di bawah peruntukan Perlembagaan ini.

■1650

Yang Berhormat Senator Dato Dr. Nuing Jeluing juga membangkitkan tentang MA63. Disebabkan kekangan masa inginkan saya perjelaskan secara ringkasnya berkaitan dengan MA63 ini. *Alhamdulillah*, kita bersyukur kerana walaupun perjuangan ini telah digerakkan

berpuluh-puluh tahun oleh para pemimpin dari Sabah dan Sarawak, namun bermula pada tahun 2016 telah diwujudkan secara rasmi platform rundingan yang dinamakan Jawatankuasa *Devolution of Authority* (JKDA) yang dipengerusikan bersama oleh salah seorang Yang Berhormat Senator sini, Yang Berhormat Senator Dato' Sri Anifah Aman dan Yang Berhormat Dato' Seri Nancy Shukri.

Alhamdulillah, walaupun punca kuasa pada masa itu, tahun 2016 adalah tentang *devolution of authority*, pada tahun 2018, platform rundingan rasmi ini telah diangkat kepada satu Jawatankuasa Khas Kabinet dan pada tahun 2020 diperkasakan lagi melalui Majlis Tindakan Khas MA63.

Dalam kepimpinan kerajaan yang baharu ini, disebabkan, kita telah pun mempunyai platform perundingan sebelum ini yang telah menggariskan isu-isu berbangkit, maka Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memutuskan bahawa kita tidak perlu bermula daripada *scratch* tetapi kita perlu untuk perkukuhkan gerakan kita daripada Majlis Khas kepada Majlis Tindakan Pelaksanaan MA63 yang beliau mempengerusikan, dan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Fadillah sebagai Pengerusi Jawatankuasa Teknikal, dan saya selaku Pengerusi Jawatankuasa Pelaksanaan.

Alhamdulillah, selain daripada isu-isu yang telah diselesaikan sebelum ini, dalam tempoh kurang 100 hari beberapa pengumuman penting telah pun dibuat dan telah dilaksanakan. Antara yang paling penting merupakan perjuangan sekian lama untuk memberi pengiktirafan Jabatan Teknik pada Jabatan Kerja Raya Sabah, Sarawak dan juga Jabatan Pengairan dan Saliran untuk melaksanakan projek-projek pembangunan Persekutuan di bawah RM50 juta. Kalau sebelum ini projek-projek ini perlu untuk dilaksanakan oleh agensi Persekutuan, namun kini JKR Sabah dan JPS Sabah dan Sarawak boleh untuk melaksanakan *A to Z* pengurusan daripada segi perolehan hinggalah pemantauan projek-projek.

Jadi, ini antara pengumuman-pengumuman yang telah dilaksanakan dan *insya-Allah* soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato Dr. Nuing memerlukan jawapan yang panjang tentang pencapaian kita akan jawab secara bertulis tentang pencapaian-pencapaian dan isu-isu yang telah pun dapat diselesaikan.

Insya-Allah, perjuangan ini, komitmen ini akan diteruskan untuk memastikan bukan hanya kepentingan kedua-dua Sabah dan Sarawak ini dapat diletakkan pada tempat yang sewajarnya tetapi yang paling penting untuk memastikan kelestarian Persekutuan Malaysia ini dapat terus kita semarakkan dan diperkukuhkan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua saya mohon maaf kepada Ahli-ahli Dewan Negara yang tidak dapat saya jawab secara lisan dan *insya-Allah* kita akan jawab secara bertulis kepada setiap isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Dewan Negara. Dengan itu sekali lagi terima kasih saya mohon untuk menyokong. Terima kasih.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Armizan bin Mohd Ali, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah, Sarawak dan Tugas-tugas Khas) atas penggulungan tadi.

Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi). Dipersilakan.

4.55 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) [Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bagi pihak Jabatan Perdana Menteri mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi penghargaan kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang telah pun menyertai perbahasan Titah Diraja ini dan di mana pelbagai isu telah pun dibangkitkan yang saya akan cuba menjawab secara lisan. Secara *as much as possible* tapi bergantung pada sekiranya masa mengizinkan, yang lain saya akan menjawab secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada Yang Berhormat Senator Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya yang telah pun bangun tadi bertanyakan berkenaan dengan isu Kementerian Wilayah Persekutuan juga isu berkaitan dengan banjir yang berlaku di Putrajaya dan juga di Kuala Lumpur. Jadi, saya akan menjawab atau cuba menjawab kepada *queries* yang telah pun ditimbulkan oleh Yang Berhormat tersebut, secara khususnya yang ingin tahu apakah rasional kerajaan menurun taraf Kementerian Wilayah Persekutuan yang menjaga hal ehwal Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan kepada sebuah jabatan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, organisasi dan fungsi-fungsi Kementerian Wilayah Persekutuan telah dipinda serta diletak di bawah bidang kuasa Jabatan Perdana Menteri. Kementerian Wilayah Persekutuan kini dikenali sebagai Jabatan Wilayah Persekutuan yang berada di bawah naungan Jabatan Perdana Menteri. Pemindahan ini dilaksanakan kerana kerajaan mengambil kira kepentingan Wilayah Persekutuan dan oleh itu wajar diletakkan di bawah tanggungjawab oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri. Dengan pemindahan ini juga saiz Kabinet telah dikecilkan dan kerajaan dapat memastikan kewangan negara ditadbir urus secara berhemah dan berkesan.

Justeru, Jabatan Wilayah Persekutuan kekal bertanggungjawab menjaga segala kepentingan pembangunan dan kesejahteraan warga Wilayah Persekutuan. Pengurusan Wilayah Persekutuan khususnya daripada aspek perancangan, penyelarasan, pemantauan dan penetapan dasar program dan aktiviti oleh Jabatan Wilayah Persekutuan diteruskan di bawah tadbir urus oleh seorang Menteri yang mana dalam hal ini iaitu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri.

Selain itu soalan daripada Yang Berhormat Senator yang sama juga ingin tahu berkenaan, ataupun mengapa kawasan bandar moden seperti Kuala Lumpur dan Putrajaya sering dilanda banjir walaupun hujan turun dalam tempoh yang singkat dan mencadangkan agar kolam takungan air di kedua-dua negeri tersebut ditambah bagi mengelakkan banjir kilat yang sering berlaku di masa depan.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Kuala Lumpur menghadapi cabaran banjir yang disebabkan oleh perubahan iklim seperti hujan lebat luar biasa dengan jumlah hujan tahunan purata yang tinggi sejak beberapa tahun kebelakangan ini mengakibatkan kapasiti infrastruktur saliran sedia ada menghadapi tekanan yang besar.

Untuk mengurangkan kesan banjir terhadap warga kota, DBKL mengambil pendekatan yang mengabungkan penyelesaian infrastruktur dengan amalan perancangan bandar lestari. DBKL telah melaksanakan pembinaan kolam-kolam takungan bawah tanah yang berfungsi ganda ataupun *dual-functions*, dengan izin, sebagai sistem kawalan banjir dan di bahagian atas kolam tersebut dijadikan sebagai ruang awam seperti taman rekreasi, taman permainan dan sebagainya untuk persekitaran bandar yang lebih lestari dan selesa.

Tasik Putrajaya berkeluasan 400 hektar adalah mencukupi untuk menampung kapasiti hujan yang turun di Putrajaya. Mengikut rekod Perbadanan, air tasik belum pernah melimpah melalui tebing ke kawasan sekitarnya. Walau bagaimanapun kejadian banjir kilat telah dikenal pasti iaitu di mana daun-daun yang gugur dan dibawa oleh air hujan lalu menutup permukaan *grating* di sepanjang jalan yang menyebabkan air tersebut lambat untuk masuk ke dalam longkang utama.

■1700

Dalam erti kata lain, itu menimbulkan *drainage problems*. Akhirnya terjadi banjir kilat tersebut. Pihak Perbadanan Putrajaya telah pun mengenal pasti kawasan-kawasan ini dan telah pun menubuhkan satu *task force* yang berfungsi sebagai pasukan bertindak untuk membuang mana-mana sampah sarap atau daun-daun yang menyebabkan *grating* tersebut tersumbat. Setakat ini, tindakan yang diambil amat berkesan dan akan diteruskan. Dalam masa yang sama, pihak Perbadanan juga mengkaji fungsi dan kesesuaian sistem perparitan di Putrajaya.

Memang terdapat beberapa buah lokasi *hotspot* banjir di kawasan Kuala Lumpur khususnya terdapat 31 buah kawasan *hotspot* yang telah pun dikenal pasti di mana DBKL kini dalam usaha untuk mengambil tindakan untuk mengatasi masalah banjir kilat tersebut. Antaranya adalah seperti yang saya katakan tadi di mana telah pun disediakan lokasi kolam takungan banjir dan juga kolam takungan bawah tanah di mana fasiliti-fasiliti ini dalam proses dinaiktarafkan bagi tujuan menangani masalah banjir kilat seperti yang saya katakan tadi. Tuan Yang di-Pertua, kini disebabkan oleh pelbagai faktor yang terutamanya boleh dikatakan disumbangkan oleh *climate change*, dengan izin.

Saya meneruskan Tuan Yang di-Pertua, kepada persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Husain bin Awang yang mencadangkan agar pelantikan Ketua Pesuruhjaya SPRM perlu melalui proses tapisan di Parlimen bagi menzahirkan ketelusan dalam proses menentukan kedudukan pegawai tertinggi suruhanjaya tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat, cadangan untuk melaksanakan proses pemilihan Ketua Pesuruhjaya SPRM melalui satu Jawatankuasa khusus sedang diperhalusi. SPRM sedang dalam tindakan mengkaji semula proses dan mekanisme pelantikan Ketua Pesuruhjaya SPRM. Bagi maksud ini, SPRM telah mengadakan beberapa sesi libat urus bersama beberapa orang pemegang taruh seperti Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Jabatan Akauntan Negara (JAN) dan Jabatan Peguam Negara bagi tujuan penanda aras dan juga mengkaji kebolehlaksanaannya.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, buat masa sekarang, proses pelantikan seorang *Commissioner* tersebut adalah seperti mana yang termaktub di dalam Akta SPRM 2009. So, itu merupakan prosedur di mana di bawah seksyen 5, akta tersebut, seorang *Commissioner* dilantik dan tempohnya juga ditetapkan mengikut surat lantikan tersebut.

Jadi, sekiranya terdapat apa-apa cadangan untuk menukar proses ataupun prosedur pelantikan seorang *Commissioner* tersebut, maka kajian yang sewajarnya perlu dibuat dan kita perlu juga melihat dan memperhalusi undang-undang yang berpotensi untuk dipinda seperti Perlembagaan Persekutuan dan juga Akta SPRM 2009.

Akan tetapi ini merupakan perkara seperti yang saya katakan tadi, yang sedang diperhalusi buat masa sekarang. Cadangan penambahbaikan mekanisme pelantikan Ketua Pesuruhjaya SPRM tersebut, seperti yang saya katakan, akan melibatkan pindaan kepada akta-akta yang saya telah sebutkan tadi.

Yang Berhormat Senator Tuan Robert Lau Hui Yew. Beliau mencadangkan agar kerajaan mengkaji semula persempadanan pilihan raya agar kawasan pilihan raya dapat diseimbangkan dan Yang Berhormat Senator tersebut juga mencadangkan agar bilangan Ahli Dewan Rakyat dan Ahli Dewan Undangan Negeri dihadkan.

Tuan Yang di-Pertua, urusan kajian semula persempadanan adalah berdasarkan Fasal 2, Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan serta menurut prinsip dan tatacara persempadanan yang ditetapkan sebagaimana Bahagian I dan Bahagian II, Jadual Ketiga Belas Perlembagaan Persekutuan. Berdasarkan peruntukan yang ditetapkan oleh Perlembagaan, prinsip-prinsip persempadanan yang dipegang oleh SPR adalah seperti berikut:

- (i) kemudahan diadakan bagi pemilih-pemilih mengundi semasa pilihan raya dan bahagian pilihan raya tidak merentasi sempadan negeri;

- (ii) mengambil kira kemudahan pentadbiran yang boleh didapati dalam bahagian pilihan raya itu untuk mengadakan jentera yang perlu bagi pendaftaran dan pengundian;
- (iii) jumlah pemilih yang seimbang bagi setiap bahagian pilihan raya dalam sesuatu negeri, kecuali apabila terdapat kesukaran perhubungan dan pengangkutan yang dihadapi di luar bandar, luas bahagian pilihan raya patut diberikan pertimbangan; dan
- (iv) memelihara hubungan tempatan.

Seterusnya, merujuk kepada cadangan bagi menghadkan bilangan Ahli Dewan Rakyat dan Ahli Dewan Negeri berkenaan. Kerajaan perlulah meminda Perkara 46 Perlembagaan Persekutuan berkaitan komposisi ataupun Ahli Dewan Rakyat terlebih dahulu dan pindaan ini perlu mendapat persetujuan dua pertiga daripada jumlah Ahli Dewan Rakyat. Bagi Dewan Undangan Negeri pula, bilangan Ahli Dewan Undangan Negeri adalah bergantung kepada Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan dan juga Yang Berhormat Senator Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan telah pun menimbulkan dan ingin mengetahui adakah terdapat penyelarasan antara pihak berkuasa dengan bank-bank bagi menyelesaikan kes-kes ataupun, dengan izin, kes-kes *scammer-scam* yang sering berlaku sekarang dan inisiatif yang diambil bagi membanteras kes-kes *scammer* tersebut, statistik dan kempen kesedaran dan isu-isu yang berkaitan berkenaan dengan isu ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi industri kewangan, Bank Negara Malaysia (BNM) telah menetapkan keperluan untuk bank-bank memastikan kawalan dan standard keselamatan mereka sentiasa berada pada tahap tertinggi pada setiap masa terutamanya-minta maaf Tuan Yang di-Pertua.

BNM telah menetapkan keperluan seperti yang saya katakan tadi untuk bank-bank memastikan kawalan dan standard keselamatan mereka sentiasa berada pada tahap tertinggi pada setiap masa terutamanya bagi perkhidmatan perbankan Internet dan mudah alih. BNM juga mengeluarkan panduan keselamatan serta langkah keselamatan tambahan yang perlu diambil kepada industri kewangan dari semasa ke semasa selari dengan modus operandi penipuan terkini.

BNM juga mengarahkan semua bank untuk mengambil langkah-langkah tambahan seperti yang berikut. Pertama, mempercepatkan peralihan daripada penghantaran kata laluan sekali sahaja, dengan izin, *one-time password* (OTP) melalui sistem pesanan ringkas atau SMS kepada kaedah pengesahan yang lebih kukuh bagi transaksi dalam talian yang berkaitan

dengan pembukaan akaun, pemindahan dana dan pembayaran serta pertukaran maklumat peribadi dan penetapan akaun ataupun *account setting*.

Status pelaksanaan ketika ini, semua institusi perbankan utama telah pun menawarkan kaedah pengesahan alternatif dengan hampir separuh daripada pengguna mereka telah berhijrah atau bertukar daripada SMS OTP. Usaha berterusan sedang dipergiatkan untuk beralih daripada SMS OTP sebelum 30 Jun tahun ini.

Kedua, untuk memperketat peraturan pengesanan penipuan dan sekat transaksi yang disyaki terlibat dengan aktiviti penipuan kewangan.

Ketiga, mengenakan tempoh bertenang ataupun *cooling off period*, dengan izin, untuk pendaftaran kali pertama bagi perkhidmatan perbankan dalam talian atau peranti yang selamat ataupun *secure device*.

■1710

Keempat, menghadkan pelanggan kepada hanya satu peranti sahaja untuk pengesahan transaksi perbankan dalam talian. Kelima, menyediakan talian *hotline* khusus untuk pelanggan melaporkan kes penipuan dalam talian yang melibatkan akaun bank mereka dan meningkatkan tahap respons ke atas laporan yang dibuat.

Selain itu, Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah dimaklumkan melalui ucapan Belanjawan 2023, BNM juga akan menguatkuasakan pelaksanaan mekanisme *kill switch*, dengan izin, ke atas industri perbankan untuk membolehkan pelanggan bank membeku akaun mereka, termasuk kad ATM mereka dengan kadar yang segera. Dengan mekanisme ini, mangsa jenayah penipuan dapat bertindak dengan menyekat aliran wang daripada terus keluar daripada akaun mereka.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, kerajaan telah dan sedang mengambil langkah-langkah yang efektif bagi membendung penipuan atas talian dan jenayah siber. Antara tindakan utama yang telah diambil adalah menubuhkan Pusat Respons *Scam* Kebangsaan, ataupun dengan izin, *National Scam Response Centre* (NSRC) yang menggabungkan kepakaran para pegawai daripada BNM, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) dan Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional, ataupun *National Anti-Financial Crime Centre* (NFCC) serta disokong oleh institusi-institusi kewangan dan syarikat telekomunikasi.

NSRC ini telah pun mula beroperasi pada 12 Oktober 2022. Penumpuan tindakan-tindakan NSRC antara lainnya, adalah:

- (i) pusat setempat atau pun, *one-stop centre* dengan menghubungi talian pantas 997 bagi menerima dan menganalisis aduan-aduan orang ramai berkaitan jenayah penipuan atas talian;
- (ii) menyekat, membeku dan menyita hasil penipuan tersebut;

- (iii) mengesan dan menyekat penggunaan akaun-akaun bank yang dijadikan akaun keldai- *mule account*, dan nombor-nombor telekomunikasi yang digunakan; dan
- (iv) menjalankan siasatan yang efektif dan pantas terhadap perlakuan kesalahan-kesalahan ini termasuk mengesan dalang utamanya.

Dalam hal ini, kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM10 juta bagi memastikan NSRC boleh berfungsi dengan lebih efektif.

Untuk menjawab berkenaan statistik dan inisiatif yang juga telah pun ditanya, berkenaan dengan statistik jumlah panggilan daripada mangsa. Sejak NSRC beroperasi dari 12 Oktober 2022 hingga 31 Januari 2023, sebanyak 16,752 panggilan yang diterima oleh NSRC merangkumi laporan kes-kes penipuan dan khidmat nasihat kepada orang ramai.

Berhubung dengan kes yang diterima oleh NSRC, PDRM telah pun membuka sebanyak 751 Kertas Siasatan bagi siasatan kesalahan penipuan di bawah seksyen 420 Kanun Keseksaan, iaitu berkenaan dengan kes-kes, dengan izin, *cheating* ataupun penipuan. Sebanyak 24 Kertas Siasatan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 [Akta 613] dan telah pun membekukan sebanyak RM24.3 juta bagi tujuan siasatan bagi kesalahan pengubahan wang haram.

Berkenaan dengan inisiatif-inisiatif kempen untuk meningkatkan kesedaran orang awam berkenaan ataupun mengenai *scam*, menyedari bahawa jenayah penipuan ini boleh diatasi melalui kesedaran diri individu, pihak Jabatan Siasatan Jenayah Komersial PDRM dengan kerjasama pelbagai agensi, telah mengambil beberapa inisiatif melalui kempen pencegahan jenayah kepada masyarakat sejak tahun 2021 hingga kini, melalui program-program seperti berikut.

Pertama, pada bulan November 2021, PDRM telah mengadakan Kempen Pencegahan Jenayah Dalam Talian 2021 selama sebulan di seluruh Malaysia dalam usaha membentuk kesedaran awam tentang modus operandi sindiket penipuan tersebut, ataupun penipuan atas talian. Pada 25 Jun 2022, PDRM melancarkan Kempen *Anti-Scam* di South Court, The Mall, Mid Valley Southkey di Johor Bahru, Johor. Antara program yang dijalankan adalah antara lain, pelantikan 104 orang duta *anti-scam*.

Ketiga, selain itu, JSJK juga telah pun menjalinkan kerjasama dengan Whoscall, iaitu aplikasi telefon bimbit yang membolehkan orang ramai mendapat amaran awal tentang panggilan yang diterima sama ada panggilan tersebut adalah *scammer* ataupun bukan.

Pada 18 Februari 2023, *CyberSecurity Malaysia* dan- Malaysia bersama Gabungan Bertindak Anti-Scam (GBAS) yang dianggotai oleh beberapa buah badan bukan kerajaan (NGO) dan juga persatuan dengan sokongan Kementerian Komunikasi dan Digital telah

menganjurkan Program Jelajah Anti-Scam Kebangsaan 2023 sempena Hari Keselamatan Internet 2023.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, juga telah pun dibangkitkan isu berkenaan dengan masalah parkir di Putrajaya dan cadangan agar Perbadanan Putrajaya menaik taraf parkir sedia ada kepada bangunan parkir bertingkat secara berperingkat. Sebagai contoh, mengikut setiap presint.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ketika ini juga, pembangunan tempat letak kereta bertingkat sedang dilaksanakan di kuarters penjawat awam Presint 8 dan Presint 9, dengan jumlah tambahan sebanyak 491 lot ataupun tempat parkir.

Bagi langkah-langkah jangka masa panjang, PPJ akan menyediakan tempat letak kereta bertingkat dengan sejumlah 3,220 parkir di Presint 1, PPAM Presint 17, PPAM Presint 16, PPAM Presint 11 di bawah peruntukan ataupun permohonan peruntukan RMKe-12, RP4 dan RP5.

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: Mohon mencelah mengenai parkir ini, soalan saya. Sebab ada *request*, ada permintaan daripada penduduk yang tinggal di Pudina, di Putrajaya ini. Dia meminta parkir ini disegerakan. Sebab apa? Tanah sudah ada di situ. Tinggal lagi bajet untuk kita buat, saya rasa itu tiada masalah. Masalah kita pasal tanah. Akan tetapi, tanah ada, saya rasa kita boleh utamakan parkir tempat ini dahulu.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh: Terima kasih, Yang Berhormat. Seperti yang saya katakan, usaha telah pun dibuat sekarang untuk meningkatkan jumlah parkir dan sekiranya seperti yang telah pun dimaklumkan oleh Yang Berhormat, di kawasan Pudina tersebut juga pada masa ini, telah ada tanah yang sedia ada, maka ada kemungkinan itu boleh diguna pakai dan hal ini kami akan memperhalusi dan mengambil perhatian. Terima kasih.

■1720

Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Husain bin Awang telah pun bertanya berkenaan dengan... [*Mencari nota di kertas jawapan*] Minta maaf. Yang Berhormat Senator Dato' Haji Husain bin Awang telah pun bertanya ataupun menimbulkan isu SPRM diletakkan di bawah pengawalan Parlimen...

Timbalan Yang di-Pertua: Dah jawab itu, Yang Berhormat.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh: Oh, minta maaf. *I think* sudah dijawab.

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: Yang masih belum jawab fasal sewa gerai di Putrajaya.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh: Ada isu-isu lain yang telah pun saya senaraikan di sini yang saya akan jawab secara lisan sekarang, dan yang lain, sekiranya masa tidak mengizinkan, saya akan jawab secara bertulis.

I think isu seterusnya adalah yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Tuan Aknan a/l Ehtook yang telah pun menimbulkan isu berkenaan mahkamah khas rasuah diwujudkan seperti mana yang dicadangkan dalam Jawatankuasa Khas Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada ketika ini, mahkamah khas rasuah telah pun wujud di peringkat Mahkamah Sesyen. Bagi maksud tersebut, terdapat 17 orang hakim yang telah dikhaskan untuk mendengar kes-kes rasuah di seluruh Malaysia. Setakat ini, didapati bahawa tiada keperluan untuk mewujudkan mahkamah khas rasuah di peringkat Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan kerana statistik sedia ada menunjukkan kes rayuan yang didaftarkan di Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan masing-masing adalah melebihi 50 kes setahun.

Selain itu, hakim Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan sedia ada mempunyai kewibawaan, kepakaran dan kemahiran yang tinggi untuk mengendalikan semua prosiding mahkamah secara adil dan bijaksana termasuklah dalam pengendalian kes rasuah tersebut.

Berkenaan dengan isu seterusnya- mungkin saya akan habiskan dengan isu ini, Tuan Yang di-Pertua.

Seterusnya adalah isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Tuan Aknan a/l Ehtook yang menimbulkan cadangan untuk pendidikan ataupun mendidik anak-anak kecil kita daripada peringkat pelajar sehingga dewasa berkenaan dengan isu menangani masalah rasuah.

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan sememangnya memberi komitmen yang tinggi untuk memastikan kapasiti penguatkuasaan serta pencegahan jenayah rasuah berada di tahap terbaik. Selain daripada tindakan penguatkuasaan, ia terus diperkasakan dan diperkukuhkan dengan melaksanakan pelbagai program pemantapan integriti, tadbir urus dan pencegahan rasuah. Ia bertujuan mendidik orang ramai untuk menentang rasuah serta mendapatkan dan memelihara sokongan orang ramai dalam memerangi rasuah.

Antara pelaksanaan aktiviti dan program yang telah dijalankan untuk menyemai nilai-nilai integriti dan pencegahan rasuah dalam kalangan pelajar sekolah adalah:

- (i) Program Wira Antirasuah;
- (ii) Angkatan Mahasiswa Antirasuah;
- (iii) Kursus Integrasi dan Antirasuah;
- (iv) Kor Sukarelawan Mahasiswa Antirasuah; dan
- (v) program pendidikan antirasuah

Selain itu, program pendidikan anti rasuah melibatkan pelbagai golongan yang telah dilaksanakan SPRM adalah seperti berikut:

- (i) Program Jelajah Antirasuah Alam Sekitar Bersama Komuniti Orang Asli di Temerloh, Pahang;

- (ii) Program Dialog ke Arah Memperkasakan Pemikiran Anti Rasuah di kalangan bakal usahawan kecil dan sederhana pendidikan latihan teknikal dan vokasional (TVET) yang melibatkan 100 orang pelajar TVET dari Institut Latihan Perindustrian (ILP), Institut Kemahiran Mara dan Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara;
- (iii) Program Komuniti Masjid Memerangi Rasuah yang melibatkan 330 orang peserta terdiri daripada semua golongan umur termasuk pelajar sekolah rendah dan menengah, ibu bapa dan penduduk sekitar terlibat dalam program kemasyarakatan bersama SPRM;
- (iv) Program Antirasuah Bersama Komuniti Orang Pekak yang melibatkan 132 orang peserta terdiri daripada orang pekak yang bernaung di bawah Persekutuan Orang Pekak Malaysia (MFD);
- (v) Program Simposium Parlimen Malaysia 2022 yang melibatkan 26 orang Ahli Dewan Negara; dan
- (vi) Program Dialog Antirasuah Bersama Jawatankuasa Pengurusan Rumah Ibadah dan Persatuan Keagamaan Bukan Islam (Pengurusan Dana) Tahun 2023 yang melibatkan 20 orang wakil organisasi keagamaan bukan Islam.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya...

Dato' Kesaavadas a/l A Achyuthan Nair: Satu soalan sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Ini soalan secara am ya. Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah status terkini tentang Akta Perkhidmatan Parlimen yang nampak tiada pergerakan di pihak JPA?

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh: Terima kasih Yang Berhormat. Berkenaan dengan Akta Perkhidmatan Parlimen, ini adalah berkaitan dengan reformasi institusi dan reformasi Parlimen juga. Kami dalam peringkat menghalusi pemerkasaan kepada akta tersebut *at this point of time*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Sudah tentunya dalam masa terdekat, pengumuman yang perlu akan dibuat. Terima kasih.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Tuan Yang di-Pertua, memohon mencelah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Minta pandangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai pendirian mengadakan satu PMQ, maksudnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri menghadiri ke Dewan Negara untuk menjawab soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Dewan Negara. Terima kasih.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh: Terima kasih Yang Berhormat. Berkenaan dengan isu PMQ untuk Dewan Negara, saya difahamkan bahawa mengikut amalan, perkara ini tidak diamalkan di negara-negara lain. Contohnya di *House of Lord* di *United Kingdom*, tiada sesi pertanyaan jawab lisan yang khusus diberikan kepada Perdana Menteri. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, Perdana Menteri pada bila-bila masa boleh hadir ke

Dewan untuk menjawab pertanyaan atau menggulung perbahasan. *That is not the standard procedure at this point of time*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, kementerian di bawah JPM ini masih tidak menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh penduduk Putrajaya tentang harga sewa kedai yang terlalu tinggi jika dibandingkan dengan Shah Alam dan juga Bandar Sentul.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh: Ya. Itu semua, sekiranya ditimbulkan, Tuan Yang di-Pertua, saya akan jawab secara bertulis berkenaan isu-isu tersebut.

Well, sekiranya saya boleh jawab, *I might as well* jawab dalam masa sekarang secara lisan isu sewa tersebut. Saya percaya Yang Berhormat ingin tahu penjelasan daripada Perbadanan Putrajaya mengenai kadar sewa yang ditetapkan di medan selera yang beroperasi di Putrajaya kerana wujud rungutan daripada peniaga bahawa kadar sewa yang tinggi menyebabkan mereka terpaksa menaikkan harga makanan untuk dijual.

Untuk makluman Yang Berhormat, penetapan kadar sewaan dibuat oleh Bahagian Penilaian dan Pesuruhjaya Bangunan Perbadanan Putrajaya berasaskan kepada kadar sewa pasaran semasa. Semakan semula kadar sewa gerai dan kedai di Putrajaya dilaksanakan setiap tiga tahun sekali dan kali terakhir disemak adalah pada tahun 2021, bulan September. Maksudnya, penilaian seterusnya akan dibuat dalam tiga tahun dari bulan September 2021 tersebut.

Yang lainnya, saya percaya saya boleh jawab secara bertulis.

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau nak buat penilaian pun, janganlah harganya terlampau mahal- RM4 hingga RM7 sekaki itu amat mahal bagi kami di Putrajaya. Penduduk nak berniaga. Kalau nak banding dengan Shah Alam, RM1.03.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh: Ya. Itulah akan dinilai semula mengikut keadaan semasa.

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: Kalau dinilai makin lama makin tinggi, makin tinggi. Shah Alam tak naik-naik lagi. Macam mana?

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh: Ya. Ini akan dinilai mengikut keadaan semasa di Bahagian Penilaian seperti yang saya katakan tadi.

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: Saya harap Perbadanan Putrajaya boleh *consider* kaji balik, *study* balik. *Why* Shah Alam boleh buat lebih rendah dari Putrajaya? Harga barang di Shah Alam dengan Putrajaya ini, Yang Berhormat, lebih rendah lagi di Shah Alam itu.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh: Ya. Ini patut dinilai ataupun dikaji oleh Bahagian Penilaian tersebut.

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: Saya minta jasa baik untuk nilai semula.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh: Saya tidak boleh memberi satu komitmen dalam jawapan saya sekarang tetapi saya boleh menyatakan bahawa isu ini akan dihalusi oleh bahagian tersebut.

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: Okey.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi, memandangkan masa tidak mengizinkan, isu-isu lain yang telah pun ditimbulkan dalam sesi ini, saya akan membuat jawapan secara bertulis. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi).

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah Usul Menjunjung Kasih atas Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong oleh Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah hendaklah dipersetujukan.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

[Diputuskan,

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya :-

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih atas Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Kedua, Majlis Parlimen Yang Kelima Belas.”]

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Rabu, 29 Mac 2023. Terima kasih.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.31 petang]